



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN/  
AGENSI DAN PENGURUSAN  
SYARIKAT KERAJAAN

**NEGERI TERENGGANU  
TAHUN 2016**

SIRI 2



JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA





**LAPORAN  
KETUA AUDIT NEGARA**

**PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN**

**NEGERI TERENGGANU  
TAHUN 2016**

**SIRI 2**



KANDUNGAN





# KANDUNGAN

---

vii	<b>KATA PENDAHULUAN</b>
xi	<b>INTISARI LAPORAN</b>
	<b>AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>
3	<b>MAJLIS SUKAN NEGERI TERENGGANU</b> Pengurusan Perolehan Peralatan dan Alat Bantuan Sukan
20	<b>UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI PEJABAT DAERAH BESUT</b> Program Bantuan Rumah Bina Baru
37	<b>UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI PEJABAT DAERAH HULU TERENGGANU PEJABAT DAERAH SETIU</b> Program Bantuan Rumah Bina Baru
62	<b>TERENGGANU INCORPORATED SDN. BHD.</b> Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.
89	<b>PENUTUP</b>





KATA PENDAHULUAN





# KATA PENDAHULUAN

---

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri.
2. Pengauditan prestasi telah dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Laporan saya ini mengandungi Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun 2016 Siri 2 mengenai perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti di lima Jabatan/Agensi dan satu Syarikat Kerajaan Negeri.
3. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 16 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.
4. *Auditor General's Dashboard* yang mula dilaksanakan pada 31 Mei 2013 memaparkan isu dan status terkini tindakan Laporan Ketua Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat dan pantas. Ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu Laporan Ketua Audit Negara serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil kepada pihak awam.
5. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti

dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Madinah Binti Mohamad', written in a cursive style. The signature is underlined with a single horizontal line.

**(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)**  
**Ketua Audit Negara**  
**Malaysia**

**Putrajaya**  
**17 Oktober 2017**

INTISARI LAPORAN





# INTISARI LAPORAN

---

## MAJLIS SUKAN NEGERI TERENGGANU

### **1. Pengurusan Perolehan Peralatan dan Alat Bantuan Sukan**

- a. Majlis Sukan Negeri Terengganu (MSNT) merupakan Badan Berkanun Negeri yang ditubuhkan pada tahun 1972 selaras dengan penubuhan Majlis Sukan Negara Malaysia pada 21 Februari 1971. Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 di bawah Seksyen 7(1) memperuntukkan kuasa menubuhkan Majlis Sukan Negeri bagi menguruskan segala aktiviti di negeri masing-masing. Objektif MSNT antaranya adalah untuk meningkatkan pembangunan sukan berprestasi tinggi secara holistik dan menyeluruh serta memastikan kemudahan dan peralatan sukan yang mencukupi bagi kemajuan sukan sehingga ke peringkat akar umbi. Bagi merealisasikan objektifnya, MSNT telah membuat perolehan peralatan sukan dan mengagihkan peralatan sukan tersebut kepada sejumlah 48 persatuan sukan yang bernaung di bawahnya. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, MSNT membuat perolehan secara rundingan terus, sebut harga dan pembelian terus bagi 145 perolehan berjumlah RM5.68 juta. Tiada perolehan peralatan dan alat bantuan sukan secara tender dilakukan oleh MSNT dalam tempoh tersebut. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 20 perolehan berjumlah RM1.64 juta dibuat secara rundingan terus, 24 perolehan berjumlah RM3.33 juta telah dilaksanakan secara sebut harga dan 101 perolehan dibuat secara pembelian terus berjumlah RM0.71 juta. Selain itu, MSNT juga membuat perolehan peralatan dan alat bantuan sukan melalui persatuan sukan masing-masing dan tuntutan balik daripada jurulatih, pengurus pasukan atau pengurus sukan. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, sebanyak 59 perolehan berjumlah RM1.70 juta telah dilakukan oleh persatuan sukan dan sebanyak 25 perolehan secara tuntutan balik berjumlah RM258,894 telah dibuat.
- b. Pengauditan telah dijalankan pada bulan Jun hingga September 2017 bagi menilai perolehan yang dibuat oleh MSNT, persatuan sukan dan tuntutan balik pembelian oleh jurulatih dan pengurus sukan. Secara keseluruhannya, pengurusan 56 perolehan peralatan dan alat bantuan sukan adalah tidak memuaskan kerana perolehan tidak mematuhi sepenuhnya peraturan yang ditetapkan dan daftar perolehan tidak disediakan menyebabkan bilangan dan perbelanjaan perolehan tahunan tidak dapat ditentukan. Beberapa penemuan Audit yang memerlukan penambahbaikan dalam pengurusan perolehan peralatan dan alat bantuan sukan oleh MSNT adalah seperti berikut:

- i. perolehan secara rundingan terus: tidak melalui proses rundingan harga, bon pelaksanaan tidak dikenakan kepada kontraktor yang terpilih dan perolehan lewat dibekalkan;
  - ii. perolehan secara sebut harga: perolehan dipecahkecilkan, kontrak formal tidak disediakan, bon pelaksanaan tidak dikenakan, *Integrity Pact* tidak disediakan dan perolehan lewat dibekalkan;
  - iii. perolehan secara pembelian terus: perolehan tanpa Pesanan Kerajaan;
  - iv. perolehan oleh persatuan: tiada had nilai ditetapkan, peralatan yang dibeli tidak digunakan dan ketiadaan rekod yang lengkap dan kemas kini bagi perolehan yang dilaksanakan oleh persatuan; dan
  - v. perolehan secara tuntutan balik: dokumen sokongan yang lengkap tidak disertakan dan tiada peraturan disediakan berkaitan tuntutan balik.
- c. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan pengurusan perolehan peralatan dan alat bantuan sukan pada masa akan datang, adalah disyorkan MSNT mengambil tindakan seperti berikut:
- i. memastikan pemantauan yang rapi perlu dilakukan supaya semua peraturan-peraturan perolehan dipatuhi, peralatan dan alat bantuan sukan diterima dalam tempoh yang ditetapkan dan penggunaannya mengikut maksud perolehan tersebut;
  - ii. merancang dengan teliti perolehan tahunan yang diperlukan sebelum membuat perolehan supaya pecah kecil perolehan tidak berlaku;
  - iii. memastikan perakuan *Integrity Pact* dibuat oleh semua pihak yang terlibat bagi meningkatkan ketelusan dalam pengurusan perolehan dan kebertanggungjawaban oleh semua pihak yang terlibat. Perakuan tersebut juga perlu disimpan di dalam fail perolehan yang berkenaan seperti yang ditetapkan di dalam peraturan berkaitan;
  - iv. memastikan rekod yang lengkap dan kemas kini disediakan bagi setiap perolehan yang dilaksanakan serta memastikan persatuan juga menyediakan rekod bagi semua peralatan dan alat bantuan sukan yang diperolehi daripada MSNT dan perolehan yang dilaksanakan sendiri oleh persatuan; dan
  - v. MSNT perlu mengeluarkan garis panduan perolehan kepada persatuan sukan negeri dan mensyaratkan persatuan mematuhi kaedah perolehan yang ditetapkan.



## **UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI PEJABAT DAERAH BESUT**

### **2. Program Bantuan Rumah Bina Baru**

- a. Program Bantuan Rumah (PBR) merupakan salah satu program di bawah Program Pembasmian Kemiskinan, Pembangunan Kampung dan Masyarakat yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Matlamat utama PBR adalah untuk membela nasib golongan miskin yang kediaman mereka berada dalam keadaan terlalu uzur supaya dapat menikmati kediaman yang lebih selesa dan selamat selaras dengan matlamat NKRA. PBR terbahagi kepada dua jenis bantuan iaitu bina baru dan baik pulih. Peruntukan bagi program ini disalurkan menerusi Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) manakala pelaksanaan program diletakkan di bawah tanggungjawab semua pejabat daerah di Negeri Terengganu. Golongan sasar PBR terdiri daripada peserta yang berdaftar di bawah eKasih, golongan ibu tunggal dan orang kelainan upaya (OKU). Berdasarkan data eKasih yang dikeluarkan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Terengganu (PPPNT) pada 5 Julai 2017, hanya satu KIR di Negeri Terengganu yang berada dalam status Miskin Tegar, sebanyak 3,276 KIR berada dalam kategori Miskin dan sebanyak 48,931 KIR berada dalam kategori Terkeluar.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Julai 2017 terhadap aspek pemilihan penerima bantuan, kaedah perolehan, pentadbiran kontrak, prestasi pelaksanaan projek dan pengurusan pembayaran kepada kontraktor mendapati objektif PBR Bina Baru dapat dicapai. Bagi tempoh 2014 hingga 2016, sebanyak 139 rumah terdiri daripada 74 rumah sesebuah dan 65 rumah teres telah dibina dan diserahkan kepada penerima bantuan yang dipilih. Bagaimanapun, pelaksanaan PBR di daerah Besut secara keseluruhannya didapati tidak memuaskan. Antara kelemahan-kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:
  - i. sebanyak 34 Surat Setuju Terima dan 15 kontrak formal tidak disediakan;
  - ii. sebanyak 16 Surat Setuju Terima lewat dikembalikan/tiada tarikh serahan;
  - iii. kualiti kerja di sepuluh rumah sesebuah kurang memuaskan
  - iv. sebanyak lima lanjutan tempoh lewat dipohon/diluluskan;
  - v. denda berjumlah RM4,080 tidak dikenakan kepada 11 kontraktor atas kelewatan penyediaan projek;
  - vi. sebanyak 73 Perakuan Siap Kerja tidak dikeluarkan dan lapan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan selepas pembayaran dibuat;
  - vii. pembayaran dibuat bagi kerja yang tidak dilaksanakan di enam rumah;
  - viii. seorang penerima bantuan tiada dalam senarai penerima; dan
  - ix. sebanyak empat rumah siap belum didiami.

- c. Bagi menambah baik keberkesanan program ini dan mengatasi kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan, pihak Audit mengesyorkan agar pihak bertanggungjawab mengambil tindakan berikut:
- i. Pejabat Daerah Besut memastikan pemilihan penerima bantuan hanya kepada golongan yang layak sebagaimana garis panduan yang ditetapkan;
  - ii. Pejabat Daerah Besut memastikan pegawai yang bertanggungjawab melakukan pemantauan teliti terhadap projek pembinaan agar dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan, kualiti kerja menepati spesifikasi kerja sebelum bayaran diluluskan kepada kontraktor dan penerima bantuan dapat mendiami rumah dengan kadar segera;
  - iii. Pejabat Daerah Besut hendaklah memastikan pegawai bertanggungjawab memahami dan mematuhi aspek pentadbiran kontrak agar kepentingan Kerajaan terjamin sekali gus membolehkan matlamat PBR dalam menyediakan rumah yang selesa dan berkualiti serta siap dalam tempoh masa ditetapkan untuk diagihkan kepada penerima bantuan yang memerlukan dapat dicapai; dan
  - iv. UPEN hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JSD) bagi meningkatkan kawalan dalaman terhadap pelaksanaan PBR oleh semua pejabat daerah sekali gus mengelakkan berlakunya isu kecuaiian dan penyelewengan.

**UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI  
PEJABAT DAERAH HULU TERENGGANU  
PEJABAT DAERAH SETIU**

**3. *Program Bantuan Rumah Bina Baru***

- a. Program Bantuan Rumah (PBR) merupakan salah satu program di bawah Program Pembasmian Kemiskinan, Pembangunan Kampung dan Masyarakat yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Matlamat utama PBR adalah untuk membela nasib golongan miskin yang kediaman mereka berada dalam keadaan terlalu uzur supaya dapat menikmati kediaman yang lebih selesa dan selamat selaras dengan matlamat NKRA. PBR terbahagi kepada dua jenis bantuan iaitu bina baru dan baik pulih. Peruntukan bagi program ini disalurkan menerusi Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) manakala pelaksanaan program diletakkan di bawah tanggungjawab semua pejabat daerah di Negeri Terengganu. Golongan sasaran PBR terdiri daripada peserta yang berdaftar di bawah eKasih, golongan ibu tunggal dan orang kelainan upaya (OKU). Berdasarkan data eKasih yang dikeluarkan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Terengganu (PPPNT) pada 5 Julai 2017, hanya satu KIR di Negeri Terengganu yang berada dalam status Miskin Tegar, sebanyak

3,276 KIR berada dalam kategori Miskin dan sebanyak 48,931 KIR berada dalam kategori Terkeluar.

- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Julai 2017 terhadap aspek pemilihan penerima bantuan, kaedah perolehan, pentadbiran kontrak, prestasi pelaksanaan projek dan pengurusan pembayaran kepada kontraktor mendapati objektif PBR Bina Baru dapat dicapai. Bagi tempoh 2014 hingga 2016, sebanyak 86 rumah terdiri daripada 56 rumah sesebuah dan 30 rumah teres di daerah Hulu Terengganu dan sebanyak 27 rumah terdiri daripada 17 rumah sesebuah dan sepuluh rumah teres di daerah Setiu telah dibina dan diserahkan kepada penerima bantuan yang dipilih bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Bagaimanapun, pelaksanaan PBR di daerah Hulu Terengganu dan Setiu secara keseluruhannya didapati tidak memuaskan. Antara kelemahan-kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:
- i. sebanyak 41 Surat Setuju Terima lewat dikembalikan/tiada tarikh serahan di PDHT dan sebanyak 15 Surat Setuju Terima dikembalikan tanpa tarikh serahan dicatatkan di PDS;
  - ii. kontrak formal tidak disediakan bagi sebut harga yang melebihi nilai RM50,000 iaitu enam sebut harga di PDHT dan dua sebut harga di PDS;
  - iii. kualiti kerja di sepuluh rumah sesebuah di PDHT dan tiga rumah sesebuah di PDS kurang memuaskan;
  - iv. pembinaan sebanyak 25 rumah sesebuah di daerah Hulu Terengganu pada tahun 2016 tidak mengikut pelan diluluskan;
  - v. sebanyak dua rumah teres siap belum didiami di daerah Setiu;
  - vi. sebanyak empat rumah siap tidak diserahkan kepada penerima bantuan di daerah Hulu Terengganu;
  - vii. denda sejumlah RM23,750 tidak dikenakan kepada 17 kontraktor di PDHT dan sejumlah RM1,440 kepada enam kontraktor di PDS atas kelewatan penyediaan projek;
  - viii. sebanyak 52 Perakuan Siap Kerja di PDHT dan 15 Perakuan Siap Kerja di PDS tidak dikeluarkan dan satu Perakuan Siap Kerja di PDS dikeluarkan selepas pembayaran dibuat;
  - ix. pembayaran dibuat bagi kerja yang tidak dilaksanakan di tujuh rumah di PDHT dan tiga rumah di PDS; dan
  - x. pengubahsuaian sebuah rumah di daerah Hulu Terengganu dibuat tanpa kebenaran PDHT dan UPEN.

- c. Bagi menambah baik keberkesanan PBR dan mengatasi kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan, pihak Audit mengesyorkan agar pihak terlibat mengambil tindakan berikut:
- i. Pejabat Daerah Hulu Terengganu dan Setiu hendaklah memastikan pembinaan rumah mengikut pelan diluluskan dan sebarang perubahan pelan/komponen projek perlu mendapat kelulusan UPEN terlebih dahulu;
  - ii. Pejabat Daerah Hulu Terengganu dan Setiu hendaklah memastikan pegawai yang bertanggungjawab melakukan pemantauan teliti terhadap projek pembinaan agar dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan, kualiti kerja menepati spesifikasi kerja sebelum bayaran diluluskan kepada kontraktor dan penerima bantuan dapat mendiami rumah dengan kadar segera;
  - iii. Pejabat Daerah Hulu Terengganu dan Setiu hendaklah memastikan pegawai bertanggungjawab memahami dan mematuhi aspek pentadbiran kontrak agar kepentingan Kerajaan terjamin sekali gus membolehkan matlamat PBR dalam menyediakan rumah yang selesa dan berkualiti serta siap dalam tempoh masa ditetapkan untuk diagihkan kepada penerima bantuan yang memerlukan dapat dicapai; dan
  - iv. UPEN hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JSD) bagi meningkatkan kawalan dalaman terhadap pelaksanaan PBR oleh semua pejabat daerah sekali gus mengelakkan berlakunya isu kecuaiian dan penyelewengan.

## **TERENGGANU INCORPORATED SDN. BHD**

### **4. *Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.***

- a. Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 18 November 1997 berikutan penswastaan perkhidmatan bekalan air di Negeri Terengganu. SATU merupakan syarikat subsidiari milik penuh Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB). Modal dibenarkan dan berbayar syarikat masing-masing berjumlah RM100 juta dan dipegang sepenuhnya oleh TISB. SATU beroperasi di Bangunan Syarikat Air Terengganu, Jalan Sultan Ismail, Kuala Terengganu.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Julai 2017 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan SATU adalah memuaskan. Syarikat mencatatkan keuntungan sebelum cukai pada tahun 2015 dan 2016 masing-masing berjumlah RM7.32 juta dan RM13.58 juta. Dengan ini, kerugian terkumpul telah menurun daripada RM61.70 juta pada tahun 2014 kepada RM42.01 juta pada tahun 2016. Bagaimanapun pengurusan aktiviti kurang cekap dan terdapat amalan tadbir

urus SATU yang kurang memuaskan dan perlu diberi perhatian seperti ringkasan berikut:

- i. tiga daripada 12 loji rawatan air tidak mencapai keupayaan reka bentuk;
  - ii. pengurusan Air Yang Tidak Berhasil (*Non Revenue Water* - NRW) tidak mencapai sasaran;
  - iii. tunggakan hasil air meningkat daripada RM19.57 juta pada tahun 2014 kepada RM20.24 juta pada tahun 2016; dan
  - iv. komposisi Lembaga Pengarah adalah tidak selaras dengan perenggan 3.5 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012.
- c. Bagi memastikan objektif penubuhan SATU dapat dicapai sepenuhnya, adalah disyorkan pengurusan SATU mengambil tindakan seperti berikut:
- i. mengambil langkah proaktif bagi mengutip semula tunggakan air yang tertunggak dan mengurangkan pengeluaran bil anggaran;
  - ii. menetapkan sasaran tahunan penggantian paip lama bagi mengurangkan NRW secara berterusan dan meningkatkan tahap pengeluaran loji bagi mencapai keupayaan reka bentuk loji yang disediakan; dan
  - iii. memastikan komposisi Lembaga Pengarah SATU adalah selaras dengan perenggan 3.5 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012; dan Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan diasingkan mengikut fungsi masing-masing agar dapat berperanan selaras dengan tujuan penubuhan jawatankuasa berkenaan bagi meningkatkan kawalan dalaman dan tadbir urus korporat syarikat.





AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI





# MAJLIS SUKAN NEGERI TERENGGANU

## 1. PENGURUSAN PEROLEHAN PERALATAN DAN ALAT BANTUAN SUKAN

### 1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Majlis Sukan Negeri Terengganu (MSNT) merupakan Badan Berkanun Negeri yang ditubuhkan pada tahun 1972 selaras dengan penubuhan Majlis Sukan Negara Malaysia pada 21 Februari 1971. Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 di bawah Seksyen 7(1) memperuntukkan kuasa menubuhkan Majlis Sukan Negeri bagi menguruskan segala aktiviti di negeri masing-masing.

1.1.2. Objektif MSNT antaranya adalah untuk meningkatkan pembangunan sukan berprestasi tinggi secara holistik dan menyeluruh serta memastikan kemudahan dan peralatan sukan yang mencukupi bagi kemajuan sukan sehingga ke peringkat akar umbi. Bagi merealisasikan objektifnya, MSNT telah membuat perolehan peralatan sukan dan mengagihkan peralatan sukan tersebut kepada sejumlah 48 persatuan sukan yang bernaung di bawahnya. Sehubungan itu, MSNT bertanggungjawab memastikan perolehan yang dilakukan adalah teratur selaras dengan aspek akauntabiliti, integriti, ekonomi, berkesan dan cekap selain perlu mengambil kira kepentingan Kerajaan adalah terjamin.

1.1.3. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, MSNT membuat perolehan secara rundingan terus, sebut harga dan pembelian terus bagi 145 perolehan berjumlah RM5.68 juta. Tiada perolehan peralatan dan alat bantuan sukan secara tender dilakukan oleh MSNT dalam tempoh tersebut. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 20 perolehan berjumlah RM1.64 juta dibuat secara rundingan terus, 24 perolehan berjumlah RM3.33 juta telah dilaksanakan secara sebut harga dan 101 perolehan dibuat secara pembelian terus berjumlah RM0.71 juta. Butiran terperinci adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.1**  
**PEROLEHAN PERALATAN DAN ALAT**  
**BANTUAN SUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

KAEDAH PEROLEHAN	2014		2015		2016		JUMLAH	
	BIL.	(RM)	BIL.	(RM)	BIL.	(RM)	BIL.	(RM)
Rundingan Terus	14	813,086	2	376,310	4	450,391	20	1,639,787
Sebut Harga	7	1,206,146	6	1,009,620	11	1,114,427	24	3,330,193
Pembelian Terus	39	296,518	34	199,528	28	216,683	101	712,729
<b>JUMLAH</b>	<b>60</b>	<b>2,315,750</b>	<b>42</b>	<b>1,585,458</b>	<b>43</b>	<b>1,781,501</b>	<b>145</b>	<b>5,682,709</b>

Sumber: MSNT

1.1.4. Selain itu, MSNT juga membuat perolehan peralatan dan alat bantuan sukan melalui persatuan sukan masing-masing dan tuntutan balik daripada jurulatih, pengurus pasukan atau pengurus sukan. Bagi perolehan melalui persatuan sukan, keperluan peralatan dan alat bantuan sukan yang diperlukan akan dimohon oleh persatuan sukan kepada Jawatankuasa Kerja yang dipengerusikan oleh Pengarah MSNT. Setelah kelulusan MSNT diperolehi, persatuan akan mendapatkan tiga sebut harga daripada pembekal dan membuat cadangan pemilihan pembekal sebelum dikemukakan kepada MSNT untuk persetujuan pemilihan pembekal. Manakala perolehan secara tuntutan balik dibuat apabila wujud keperluan mendesak terhadap penggunaan peralatan dan alat bantuan sukan termasuk penyelenggaraan seperti kerosakan peralatan dan alat bantuan sukan berlaku ketika latihan atau pertandingan. Jurulatih, pengurus pasukan atau pengurus sukan akan membuat perolehan segera dengan menggunakan wang sendiri untuk kelancaran sukan tersebut dan kemudiannya membuat tuntutan balik daripada MSNT. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, sebanyak 59 perolehan berjumlah RM1.70 juta telah dilakukan oleh persatuan sukan dan sebanyak 25 perolehan secara tuntutan balik berjumlah RM258,894 telah dibuat. Butiran perolehan oleh persatuan dan tuntutan balik adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.2**  
**PEROLEHAN PERALATAN DAN ALAT**  
**BANTUAN SUKAN OLEH PERSATUAN DAN TUNTUTAN**  
**BALIK OLEH JURULATIH/PENGURUS BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

KAEDAH PEROLEHAN	2014		2015		2016		JUMLAH	
	BIL.	(RM)	BIL.	(RM)	BIL.	(RM)	BIL.	(RM)
Persatuan	17	131,315	25	611,057	17	955,756	59	1,698,128
Tuntutan Balik	10	138,006	3	5,435	12	115,453	25	258,894
<b>JUMLAH</b>	<b>27</b>	<b>269,321</b>	<b>28</b>	<b>616,492</b>	<b>29</b>	<b>1,071,209</b>	<b>84</b>	<b>1,957,022</b>

Sumber: MSNT

## 1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai pengurusan perolehan peralatan dan alat bantuan sukan telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berekonomi bagi mencapai matlamatnya.

## 1.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan terhadap perolehan peralatan dan alat bantuan sukan yang dilaksanakan oleh persatuan sukan menerusi bantuan kewangan oleh MSNT dan perolehan secara tuntutan balik oleh jurulatih atau pengurus sukan. Pengauditan dijalankan di pejabat MSNT dan sepuluh persatuan sukan negeri yang bernaung di bawahnya. Pengauditan meliputi perolehan peralatan dan alat bantuan sukan melalui kaedah perolehan secara rundingan terus, sebut harga dan pembelian terus yang dilaksanakan oleh MSNT bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Sebanyak 56 atau

38.6% daripada 145 perolehan bernilai RM4.74 juta telah dipilih untuk semakan terdiri daripada 26 perolehan bernilai RM319,512 menggunakan kaedah pembelian terus, 17 perolehan bernilai RM2.83 juta secara sebut harga dan tujuh perolehan bernilai RM1.30 juta secara rundingan terus manakala tiga perolehan oleh persatuan berjumlah RM264,585 dan tiga perolehan bernilai RM34,780 bagi perolehan secara tuntutan balik. Selain itu, lawatan Audit turut dijalankan di gimnasium MSNT dan sepuluh atau 20.8% daripada 48 persatuan sukan negeri yang bernaung di bawah MSNT.

#### 1.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, kertas kerja dan dokumen yang berkaitan dengan pengurusan perolehan peralatan dan alat bantuan sukan di MSNT. Selain itu, temu bual dengan pegawai, kakitangan dan atlet terlibat turut dilakukan bagi mendapatkan penjelasan lanjut berhubung isu yang dibangkitkan. Pemeriksaan fizikal juga telah dilakukan semasa lawatan Audit bagi mengesahkan keadaan, bilangan dan penempatan peralatan serta alat bantuan sukan yang dibeli.

#### 1.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga September 2017 bagi menilai perolehan yang dibuat oleh MSNT, persatuan sukan dan tuntutan balik pembelian oleh jurulatih dan pengurus sukan. **Secara keseluruhannya, pengurusan 56 perolehan peralatan dan alat bantuan sukan adalah tidak memuaskan kerana perolehan tidak mematuhi sepenuhnya peraturan yang ditetapkan dan daftar perolehan tidak disediakan menyebabkan bilangan dan perbelanjaan perolehan tahunan tidak dapat ditentukan.** Beberapa penemuan Audit yang memerlukan penambahbaikan dalam pengurusan perolehan peralatan dan alat bantuan sukan oleh MSNT adalah seperti berikut:

- i. perolehan secara rundingan terus: tidak melalui proses rundingan harga, bon pelaksanaan tidak dikenakan kepada kontraktor yang terpilih dan perolehan lewat dibekalkan;
- ii. perolehan secara sebut harga: perolehan dipecahkecilkan, kontrak formal tidak disediakan, bon pelaksanaan tidak dikenakan, *Integrity Pact* tidak disediakan dan perolehan lewat dibekalkan;
- iii. perolehan secara pembelian terus: perolehan tanpa Pesanan Kerajaan;
- iv. perolehan oleh persatuan: tiada had nilai ditetapkan, peralatan yang dibeli tidak digunakan dan ketiadaan rekod yang lengkap dan kemas kini bagi perolehan yang dilaksanakan oleh persatuan; dan

- v. perolehan secara tuntutan balik: dokumen sokongan yang lengkap tidak disertakan dan tiada peraturan disediakan berkaitan tuntutan balik.

Perkara yang ditemui dan maklum balas MSNT telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 14 September 2017. Penjelasan lanjut berhubung perkara yang disemak adalah seperti di perenggan-perenggan berikut ini.

### 1.5.1. Perolehan oleh MSNT

#### 1.5.1.1. Pengurusan Perolehan Secara Rundingan Terus

Berdasarkan 1PP PK2/2013, perolehan Kerajaan hendaklah dibuat secara pembelian terus, sebut harga dan tender mengikut had nilai yang telah ditetapkan. Sebarang pengecualian daripada tatacara perolehan Kerajaan adalah melalui kaedah perolehan secara rundingan terus sepertimana yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan melalui 1PP PK7/2013. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, sebanyak 20 perolehan bernilai RM1.64 juta telah dibuat secara rundingan terus setelah mendapat pengecualian daripada proses sebut harga. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.3  
PEROLEHAN PERALATAN DAN ALAT  
BANTUAN SUKAN SECARA RUNDINGAN TERUS**

TAHUN	BILANGAN PEROLEHAN	JUMLAH (RM)
2014	14	813,086
2015	2	376,310
2016	4	450,391
<b>JUMLAH</b>	<b>20</b>	<b>1,639,787</b>

Sumber: MSNT

#### a. Perolehan Tidak Mengikut Garis Panduan Rundingan Terus

- i. Mengikut perenggan 14 1PP PK7/2013, proses perolehan secara rundingan terus hendaklah melalui Jawatankuasa Rundingan Harga.
- ii. Semakan Audit terhadap tujuh perolehan peralatan dan alat bantuan sukan yang dibuat secara rundingan terus oleh MSNT mendapati perolehan tersebut tidak melalui Jawatankuasa Rundingan Harga yang sepatutnya dipengerusikan oleh Pegawai Pengawal atau pegawai yang diturunkan kuasa berdasarkan perenggan 14 1PP PK7/2013. MSNT membuat perolehan tersebut dengan hanya mendapatkan tawaran harga daripada beberapa pembekal seperti perolehan secara kaedah pembelian terus. Pihak Audit tidak menemui rekod yang menunjukkan Jawatankuasa Rundingan Harga ditubuhkan atau Mesyuarat Rundingan Harga diadakan. Ini menunjukkan MSNT tidak mematuhi pekeliling yang ditetapkan semasa membuat perolehan secara rundingan terus.

Bagaimanapun, semakan Audit mendapati MSNT telah memilih pembekal yang menawarkan harga yang terendah berdasarkan tawaran harga yang diterima. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.4  
PEROLEHAN TIDAK MENEPATI GARIS PANDUAN RUNDINGAN TERUS**

BIL.	PERIHAL	JUMLAH (RM)
1.	Peralatan Latihan Sukan Memanah Sukma 2015 dan 2016	294,830
2.	Peralatan Pertandingan Sukan Memanah Bagi Pasukan Memanah Sukma 2016	74,800
3.	Peralatan Pertandingan Sukan Perahu Layar Sukma 2016	112,701
4.	Membekal Peralatan Sukan Menembak Pasukan Menembak SUKMA XVII, Sarawak 2016	55,020
5.	Membekal Pakaian Latihan Kontinjen 2015 & 2016	81,480
6.	Membekal Pakej Pakaian Rasmi Kontinjen Terengganu (SUKMA XVII), Perlis 2014	469,451
7.	Membekal Pakej Pakaian Kontinjen Terengganu (SUKMA XVIII), Sarawak 2016	207,870
<b>JUMLAH</b>		<b>1,296,152</b>

Sumber: MSNT

### **Maklum Balas MSNT yang Diterima pada 28 Ogos 2017**

*Jawatankuasa Rundingan Harga telah ditubuhkan pada 23 Ogos 2017 untuk perolehan seterusnya.*

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan tidak memuaskan kerana **Jawatankuasa Rundingan Harga tidak ditubuhkan**. Penubuhan jawatankuasa ini penting bagi membolehkan rundingan dibuat antara MSNT dan pembekal untuk mendapatkan harga munasabah, berpatutan dan mendapat *best value for money*.

#### **b. Bon Pelaksanaan Tidak Dikenakan**

- i. Perenggan 1(iii)(b)(2) 1PP PK4/2013 menetapkan kontraktor yang dipilih hendaklah mengemukakan bon pelaksanaan yang nilainya adalah 2.5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM200,000 hingga RM500,000. Bon pelaksanaan tersebut hendaklah dikemukakan dalam bentuk sama ada Jaminan Bank, Jaminan Insurans ataupun Jaminan Takaful seperti yang ditetapkan di bawah perenggan 1(iii)(b)(4) pekeliling yang sama.
- ii. Semakan Audit terhadap perolehan secara rundingan terus mendapati MSNT tidak mensyaratkan kepada pembekal yang dipilih untuk mengemukakan bon pelaksanaan bagi dua perolehan pakaian rasmi kontinjen Terengganu oleh Jamal Biotech Industries dan Bahrumazi Enterprise berjumlah RM469,451 dan RM207,870. Keadaan ini berlaku disebabkan MSNT tidak merujuk peraturan berkaitan semasa

pelaksanaan perolehan tersebut. Ketiadaan bon ini menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak terjamin sekiranya pembekal tidak dapat memenuhi tanggungjawabnya dengan sempurna. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.5**  
**BON PELAKSANAAN TIDAK DIKENAKAN BAGI PEROLEHAN RUNDINGAN TERUS**

TAHUN	PERIHAL	NAMA PEMBEKAL	JUMLAH PEROLEHAN (RM)	BON PELAKSANAAN (RM)
2013/2014	Membekal Pakej Pakaian Rasmi Kontinjen Terengganu (SUKMA XVIII), Perlis 2014	Jamal Biotech Industries	469,451	11,736
2016	Membekal Pakej Pakaian Kontinjen Terengganu (SUKMA XVIII), Sarawak 2016	Bahrumazi Enterprise	207,870	5,197
<b>JUMLAH</b>			<b>677,321</b>	<b>16,933</b>

Sumber: MSNT

### **Maklum Balas MSNT yang Diterima pada 28 Ogos 2017**

*Bagi perolehan kerja, bon pelaksanaan telah dikenakan kepada pembekal selaras peraturan yang ditetapkan. Bagi perolehan bekalan yang melebihi RM200,000, MSNT mengenakan bon pelaksanaan untuk kontrak seterusnya.*

**Pada pendapat Audit, penyediaan bon pelaksanaan dalam perolehan bekalan adalah tidak memuaskan kerana ketiadaan bon pelaksanaan ini boleh menyebabkan kepentingan Kerajaan terjejas sekiranya pembekal gagal melaksanakan obligasinya.**

#### **c. Bekalan Peralatan Lewat Dibekalkan**

- i. Berdasarkan 1PP PK8/2013, ketepatan masa penghantaran bekalan dan perkhidmatan merupakan elemen utama terhadap keberkesanan dan kecekapan pembekal.
- ii. Semakan Audit mendapati Pesanan Kerajaan bernombor LO-14-00104 berjumlah RM469,451 telah dikeluarkan kepada Jamal Biotech Industries pada 25 Februari 2014 bagi membekal pakej pakaian kontinjen Terengganu (SUKMA XVII), Perlis 2014 yang berlangsung pada 24 Mei hingga 4 Jun 2014. Mengikut surat setuju terima, tempoh penghantaran bekalan yang ditetapkan adalah pada 30 April 2014. Bagaimanapun, MSNT telah bersetuju melanjutkan tempoh penghantaran sehingga 10 Mei 2014. Semakan Audit mendapati penghantaran sebenar bekalan telah dibuat pada 15 Mei 2014. Ini menunjukkan berlaku kelewatan penghantaran selama lima hari daripada tarikh penghantaran yang telah

diluluskan. Antara item pakaian yang dibekalkan adalah seperti *tracksuit*, *t-shirt*, kasut sukan, topi dan beg galas bagi pembekalan sebanyak 7,061 unit yang mengandungi 42 item. Pihak Audit juga mendapati pembayaran kepada pembekal telah dibuat pada 26 Ogos 2014 melalui baucar bernombor PV-14-02675 berjumlah RM461,892 selepas pemotongan harga dibuat. Semakan lanjut Audit mendapati surat setuju terima tidak menyatakan denda yang perlu dikenakan kepada pembekal sekiranya pembekalan lewat dihantar.

### **Maklum Balas MSNT yang Diterima pada 28 Ogos 2017**

*Kelewatan pembekalan ini disebabkan masalah yang dihadapi oleh pembekal seperti reka bentuk pakaian dan urusan dengan pihak gudang di negara China.*

Pada pendapat Audit, perolehan secara rundingan terus adalah tidak memuaskan kerana tatacara perolehan tidak dipatuhi sepenuhnya seperti perolehan tidak melalui Jawatankuasa Rundingan Harga, bon pelaksanaan tidak dikenakan dan perolehan lewat dibekalkan.

#### **1.5.1.2. Pengurusan Perolehan Secara Sebut Harga**

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (1PP), PK2/2013 Kaedah Perolehan Kerajaan menetapkan perolehan bekalan dan perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan melebihi RM20,000 hingga RM500,000 hendaklah dilaksanakan secara sebut harga. Bagi tahun 2014 hingga 2016, sebanyak 24 perolehan peralatan dan alat bantuan sukan bernilai RM3.33 juta telah dilaksanakan secara sebut harga seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.6  
PEROLEHAN PERALATAN DAN ALAT BANTUAN SUKAN SECARA SEBUT HARGA**

TAHUN	BILANGAN PEROLEHAN	JUMLAH (RM)
2014	7	1,206,146
2015	6	1,009,620
2016	11	1,114,427
<b>JUMLAH</b>	<b>24</b>	<b>3,330,193</b>

Sumber: MSNT

#### **a. Pecah Kecil Perolehan dan Kontrak Formal Tidak Disediakan**

- i. Perenggan 1(i), (iii) dan 5(ii) kepada 1PP PK2/2013 menghendaki agensi membuat perancangan perolehan bagi mengawal kos dan menangani masalah dalam melaksanakan sesuatu perolehan serta dilarang

memecahkecilkan perolehan tahunan untuk mengelakkan daripada pelawaan secara sebut harga dan tender. Setiap jenis item pula ditafsirkan sebagai sesuatu barangan/perkhidmatan yang mempunyai fungsi yang sama dan/atau boleh diperolehi daripada satu punca bekalan serta perolehan tersebut boleh dirancang. Perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang melebihi RM500,000 hendaklah dilaksanakan secara tender.

- ii. Semakan Audit mendapati MSNT tidak melaksanakan perolehan secara tender sepanjang tempoh skop pengauditan. Bagaimanapun, nilai perolehan pembekalan makanan kuda bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 didapati melebihi RM500,000 setahun. Pihak Audit mendapati MSNT telah memecahkecilkan perolehan tahunan bagi perolehan makanan kuda yang berjumlah antara RM0.55 juta hingga RM0.70 juta melalui enam sebut harga. Perolehan tersebut adalah bagi makanan kuda bagi dua acara iaitu *endurance* dan *show jumping/dressage*. Pihak MSNT menjelaskan adunan makanan kuda bagi kedua-dua acara sukan tersebut adalah berbeza dan bukan daripada jenis yang sama. Hasil semakan dan lawatan Audit mendapati makanan kuda tersebut mempunyai fungsi yang sama walaupun terdiri daripada pelbagai jenis seperti *haven sportbrok cool cubes*, *alfafa hay* dan *molasses*. Perbezaan adalah dari segi kandungan yang diadun mengikut jenis sukan sama ada *endurance* atau *show jumping* dan *dressage*. Maklumat lanjut seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.7**  
**PEROLEHAN MAKANAN KUDA BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016**

TAHUN	NO. SEBUT HARGA	PERIHAL	PEMBEKAL	JUMLAH (RM)	TEMPOH KONTRAK
2014	MSN.TR.SH 3/2014	Membekal dan Menghantar Makanan Kuda di TIEP, Lembah Bidong, Setiu ( <i>Endurance</i> )	Mesra Nusajaya Sdn. Bhd.	388,850	1 tahun
	MSN.TR.SH 4/2014	Membekal dan Menghantar Makanan Kuda di TIEP, Lembah Bidong, Setiu ( <i>Show Jumping &amp; Dressage</i> )	Mesra Nusajaya Sdn. Bhd.	158,148	1 tahun
<b>JUMLAH</b>				<b>546,998</b>	
2015	MSN.TR.SH 3/2015	Membekal dan Menghantar Makanan Kuda di TIEP, Lembah Bidong, Setiu ( <i>Endurance</i> )	Mesra Nusajaya Sdn. Bhd.	447,312	1 tahun
	MSN.TR.SH 4/2015	Membekal dan Menghantar Makanan Kuda di TIEP, Lembah Bidong, Setiu ( <i>Show Jumping &amp; Dressage</i> )	Mesra Nusajaya Sdn. Bhd.	155,568	1 tahun
<b>JUMLAH</b>				<b>602,880</b>	
2016	MSN.TR. 1/2016	Membekal dan Menghantar Makanan Kuda di TIEP, Lembah Bidong, Setiu ( <i>Endurance</i> )	Nazarul Corporation (M) Sdn. Bhd.	446,328	1 tahun
	MSN.TR. 2/2016	Membekal dan Menghantar Makanan Kuda di TIEP, Lembah Bidong, Setiu ( <i>Show Jumping &amp; Dressage</i> )	DML Technologist (M) Sdn. Bhd	256,113	1 tahun
<b>JUMLAH</b>				<b>702,441</b>	

Sumber: MSNT



**GAMBAR 1.1**



**GAMBAR 1.2**



**Terengganu International Endurance Park (TIEP)  
- Makanan Kuda yang Dibekalkan  
(19.07.2017)**

- iii. Selain itu, semakan Audit juga mendapati semua perolehan tersebut merupakan bekalan bermasa iaitu dengan tempoh pembekalan makanan selama satu tahun. Pembekalan makanan tersebut telah dibuat secara berperingkat dan telah direkodkan di dalam Daftar Makanan Kuda. Bagaimanapun, kontrak formal bagi pembekalan makanan kuda tersebut tidak disediakan oleh MSNT. Perkara ini tidak menepati Arahan Perbendaharaan 176.1(c) yang menghendaki kontrak formal disediakan bagi semua perolehan bekalan atau perkhidmatan bermasa.

#### **Maklum Balas MSNT yang Diterima pada 28 Ogos 2017**

*Adunan makanan kuda bagi acara sukan 'endurance' adalah berbeza daripada acara 'show jumping' dan 'dressage' menyebabkan perolehan sebut harga dibuat secara berasingan. Manakala, draf kontrak formal telah disediakan dan masih dalam proses semakan dan penambahbaikan oleh pihak pengurusan MSNT.*

Pada pendapat Audit, perolehan makanan kuda adalah tidak memuaskan kerana perolehan tersebut telah dipecahkecilkan menyebabkan kawalan kos perolehan sukar dibuat dan ketiadaan perjanjian formal menyebabkan agensi tidak dapat mengambil tindakan terhadap pembekal sekiranya pembekal tidak memenuhi obligasinya dari aspek kuantiti, spesifikasi dan tempoh bekalan.

#### **b. Bon Pelaksanaan Tidak Dikenakan**

- i. Perenggan 1(iii)(b)(2) 1PP PK4/2013 menetapkan kontraktor yang dipilih hendaklah mengemukakan bon pelaksanaan yang nilainya adalah 2.5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM200,000 hingga RM500,000. Bon pelaksanaan

tersebut hendaklah dikemukakan dalam bentuk sama ada Jaminan Bank, Jaminan Insurans ataupun Jaminan Takaful seperti yang ditetapkan di bawah perenggan 1(iii)(b)(4) pekeliling yang sama.

- ii. Semakan Audit terhadap perolehan secara sebut harga mendapati MSNT tidak mensyaratkan kepada kontraktor yang terpilih untuk mengemukakan bon pelaksanaan bagi empat perolehan makanan kuda berjumlah antara RM256,113 hingga RM447,312. Keadaan ini berlaku disebabkan MSNT tidak merujuk peraturan berkaitan semasa pelaksanaan perolehan tersebut. Ketiadaan bon ini menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak terjamin sekiranya pembekal tidak dapat memenuhi tanggungjawabnya dengan sempurna. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.8**  
**BON PELAKSANAAN TIDAK DIKENAKAN BAGI PEROLEHAN SEBUT HARGA**

TAHUN	NO. SEBUT HARGA	PERIHAL	JUMLAH PEROLEHAN (RM)	BON PELAKSANAAN (RM)
2014	MSN.TR.SH 3/2014	Membekal dan Menghantar Makanan Kuda di TIEP, Lembah Bidong, Setiu ( <i>Endurance</i> )	388,850	9,721
2015	MSN.TR.SH 3/2015	Membekal dan Menghantar Makanan Kuda di TIEP, Lembah Bidong, Setiu ( <i>Endurance</i> )	447,312	11,183
2016	MSN.TR. 1/2016	Membekal dan Menghantar Makanan Kuda di TIEP, Lembah Bidong, Setiu ( <i>Endurance</i> )	446,328	11,158
2016	MSN.TR. 2/2016	Membekal dan Menghantar Makanan Kuda di TIEP, Lembah Bidong, Setiu ( <i>Show Jumping &amp; Dressage</i> )	256,113	6,403
<b>JUMLAH</b>			<b>1,538,603</b>	<b>38,465</b>

Sumber: MSNT

### Maklum Balas MSNT yang Diterima pada 28 Ogos 2017

*Bagi perolehan kerja, bon pelaksanaan telah dikenakan kepada kontraktor selaras peraturan yang ditetapkan. Tiada perolehan bekalan yang melebihi RM200,000 selepas teguran Audit.*

Pada pendapat Audit, penyediaan bon pelaksanaan dalam perolehan bekalan adalah tidak memuaskan kerana ketiadaan bon pelaksanaan ini boleh menyebabkan kepentingan Kerajaan terjejas sekiranya pembekal gagal melaksanakan obligasinya.

### c. *Integrity Pact* Tidak Dilaksanakan

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia 1PP PK1/2013, perenggan 5 menetapkan semua pihak yang terlibat dalam perolehan Kerajaan dikehendaki menandatangani *Integrity Pact* seperti penjawat awam yang terlibat dalam perolehan Kerajaan, ahli jawatankuasa berkaitan perolehan, ahli Lembaga/Jawatankuasa Perolehan, pembida dan perunding. Semakan Audit

terhadap semua perolehan secara sebut harga yang dipilih mendapati peraturan berkaitan *Integrity Pact* tidak dilaksanakan oleh pihak MSNT.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan mengenai peraturan *Integrity Pact* adalah tidak memuaskan kerana semua perolehan yang dibuat oleh MSNT tidak mematuhi peraturan tersebut.**

**d. Bekalan Lewat Dibekalkan**

- i. Berdasarkan 1PP PK8/2013, ketepatan penghantaran bekalan dan perkhidmatan merupakan elemen utama terhadap keberkesanan dan kecekapan pembekal. Kelewatan penyerahan bekalan dan perkhidmatan menjejaskan prestasi agensi Kerajaan dan merugikan Kerajaan.
- ii. Semakan Audit mendapati sebut harga bernombor MSNT.TR.SH.8/2015 dan Pesanan Kerajaan bernombor LO-15-00980 berjumlah RM488,929 telah dikeluarkan kepada Bahrumazi Enterprise pada 22 Oktober 2015 bagi membekal pakej pakaian kontinjen Terengganu SUKMA XVIII, Sarawak 2016 yang berlangsung pada 23 hingga 31 Julai 2016. Mengikut surat setuju terima, tempoh penghantaran bekalan yang ditetapkan adalah pada 2 Januari 2016. Bagaimanapun, penghantaran dibuat pada 14 Julai 2016. Ini menunjukkan berlaku **kelewatan penghantaran selama 192 hari** daripada tarikh penghantaran yang telah dipersetujui. Antara item pakaian yang dibekalkan adalah seperti *tracksuit*, *t-shirt*, topi dan kasut sukan sebanyak 700 set. Pihak Audit juga mendapati pembayaran kepada pembekal telah dibuat pada 22 November 2016 melalui baucar bernombor PV-16-02926 berjumlah RM488,929. Semakan lanjut Audit mendapati surat setuju terima tidak menyatakan denda yang perlu dikenakan kepada pembekal sekiranya pembekalan lewat dihantar.

**Maklum Balas MSNT yang Diterima pada 28 Ogos 2017**

*Kelewatan pembekalan ini disebabkan masalah yang dihadapi oleh pembekal seperti reka bentuk pakaian dan urusan dengan pihak gudang di negara China.*

**Pada pendapat Audit, perolehan pakej pakaian kontinjen Terengganu adalah kurang memuaskan kerana pembekalan lewat diterima oleh MSNT menyebabkan tempoh semakan untuk pengesahan kuantiti, kualiti dan spesifikasi bekalan adalah singkat.**

### 1.5.1.3. Pengurusan Perolehan Secara Pembelian Terus

Berdasarkan 1PP PK2/2013, perolehan secara pembelian terus adalah perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM20,000. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk merancang pembelian terus tahunan agensi dan memastikan pembelian yang dibuat tidak dipecah kecil bagi mengelak perolehan secara sebut harga atau tender. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, sebanyak 101 perolehan secara pembelian terus peralatan sukan dan alat bantuan sukan berjumlah RM712,729 telah dilaksanakan oleh MSNT. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.9**  
**PEROLEHAN PERALATAN DAN ALAT**  
**BANTUAN SUKAN SECARA PEMBELIAN TERUS**

TAHUN	BILANGAN PEROLEHAN	JUMLAH (RM)
2014	39	296,518
2015	34	199,528
2016	28	216,683
<b>JUMLAH</b>	<b>101</b>	<b>712,729</b>

Sumber: MSNT

#### a. Perolehan Tanpa Pesanan Kerajaan

- i. Arahan Perbendaharaan 176.1(d) menetapkan Pesanan Kerajaan hendaklah disediakan pada masa bekalan atau perkhidmatan dipesan. Pesanan Kerajaan disediakan sebelum pesanan bekalan dibuat bagi memastikan peruntukan sedia ada adalah mencukupi dan pembekal memahami mengenai tanggungjawabnya.
- ii. Semakan Audit mendapati lima perolehan secara pembelian terus bagi persatuan sepaktakraw dan badminton pada tahun 2015 dan 2016 berjumlah antara RM400 hingga RM15,356 telah dibuat tanpa Pesanan Kerajaan. Pesanan Kerajaan hanya disediakan setelah perolehan dilaksanakan.

#### **Maklum Balas MSNT yang Diterima pada 28 Ogos 2017**

***Pemakluman kepada semua kakitangan mengenai peraturan tersebut telah dibuat.***

Pada pendapat Audit, perolehan yang dilaksanakan adalah tidak memuaskan kerana perolehan tanpa Pesanan Kerajaan boleh menyebabkan perancangan perbelanjaan terjejas dan berlakunya perbelanjaan tanpa peruntukan.

## 1.5.2. Perolehan oleh Persatuan

1.5.2.1. Kaedah lain yang diguna pakai oleh MSNT bagi melaksanakan perolehan peralatan dan alat bantuan sukan adalah dengan menyalurkan bantuan kewangan kepada persatuan terlibat apabila permohonan untuk mendapatkan peralatan dan alat bantuan sukan dikemukakan oleh persatuan sukan. Persatuan akan membuat perolehan setelah permohonan diluluskan dan peruntukan diterima daripada MSNT. Persatuan akan mendapatkan tiga sebut harga daripada pembekal dan membuat cadangan pemilihan pembekal sebelum dikemukakan kepada MSNT untuk persetujuan dan pemilihan pembekal tersebut.

1.5.2.2. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, MSNT telah menyalurkan bantuan kewangan berjumlah RM1.7 juta melibatkan 59 perolehan oleh 26 persatuan sukan yang bernaung di bawahnya bagi membolehkan persatuan berkenaan melaksanakan perolehan peralatan dan alat bantuan sukan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.10**  
**BANTUAN KEWANGAN KEPADA PERSATUAN UNTUK**  
**MELAKSANAKAN PEROLEHAN PERALATAN DAN ALAT BANTUAN SUKAN**

TAHUN	BILANGAN PERSATUAN SUKAN	BILANGAN BANTUAN KEWANGAN	JUMLAH (RM)
2014	10	17	131,315
2015	8	25	611,057
2016	8	17	955,756
<b>JUMLAH</b>	<b>26</b>	<b>59</b>	<b>1,698,128</b>

Sumber: MSNT

1.5.2.3. Semakan dan lawatan Audit pada 18 Julai 2017 mendapati perkara berikut:

- a. MSNT tidak menetapkan had nilai sesuatu perolehan bagi penyaluran bantuan kewangan kepada persatuan kerana kos peralatan setiap sukan adalah berbeza dan beranggapan penetapan had nilai tidak praktikal dilakukan. Kelonggaran peraturan dalaman menyebabkan semua perolehan yang dibuat oleh persatuan dilaksanakan secara pembelian terus. Contoh bantuan kewangan yang disalurkan kepada persatuan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.11**  
**BANTUAN KEWANGAN YANG DISALURKAN KEPADA PERSATUAN**

TAHUN	PERIHAL	PERSATUAN	JUMLAH (RM)
2015	Membina dan Menyiapkan Satu Unit Pontun di Pusat Latihan Kanu	Kanu	123,385
2015	Pembelian Dua Enjin Bot 15 Kuasa Kuda Bagi Persiapan Atlet Sukma 2015/2016	Kanu	16,200
2016	Pembelian Peralatan Basikal Bagi Acara ( <i>Time Trial</i> ) Untuk Atlet Sukma 2016	Basikal	125,000
<b>JUMLAH</b>			<b>264,585</b>

Sumber: MSNT

- b. Lawatan Audit pada 18 Julai 2017 mendapati perolehan satu daripada dua enjin bot berjenama Suzuki yang diterima pada 22 April 2015 berjumlah RM8,100 oleh Persatuan Kanu tidak digunakan dan masih disimpan di dalam kotak seperti **Gambar 1.3** dan **Gambar 1.4**. Pihak Audit dimaklumkan tempoh jaminan pengilang adalah selama setahun dari tarikh perolehan dibuat. Enjin bot tersebut tidak pernah digunakan setelah dua tahun dibeli. Keadaan ini boleh menyebabkan kerugian di pihak Kerajaan sekiranya enjin tersebut rosak setelah jaminan kerosakan daripada pengilang luput.

**GAMBAR 1.3**



**GAMBAR 1.4**



Persatuan Kanu  
- Enjin Bot yang Belum Digunakan dan Disimpan di Dalam Kotak  
(18.07.2017)

- c. Pengesahan peralatan tidak dapat dibuat di Persatuan Lumba Basikal kerana pihak MSNT tidak mempunyai rekod atau daftar perolehan yang dibuat oleh persatuan. Pihak persatuan juga tidak mempunyai rekod yang lengkap bagi merekod peralatan yang telah dibeli melalui bantuan kewangan oleh MSNT. Pihak Audit dimaklumkan oleh persatuan semasa lawatan Audit pada 18 Julai 2017, setiap basikal diserahkan kepada atlet bagi memudahkan atlet tersebut menjalani latihan secara berterusan mengikut kategori sukan berbasikal yang dipertandingkan. Pemantauan bagi memastikan basikal yang dibekalkan digunakan adalah berdasarkan senarai atlet yang telah dibekalkan basikal tersebut dengan senarai atlet yang mengikuti latihan.

#### **Maklum Balas MSNT yang Diterima pada 28 Ogos 2017**

*Sukan kanu telah digugurkan daripada senarai sukan SUKMA di Sarawak menyebabkan keperluan sebuah enjin sahaja sudah mencukupi. Sebuah enjin lagi yang dibeli telah disimpan sebagai 'backup'. Kepentingan rekod dan daftar telah ditekankan kepada persatuan. Bagaimanapun, kekurangan pendedahan kepada peraturan dan arahan serta kemampuan persatuan menyebabkan kepentingan penyediaan rekod dan daftar tidak diberi perhatian.*

Pada pendapat Audit, perolehan oleh persatuan melalui bantuan kewangan yang disalurkan adalah tidak memuaskan kerana peralatan yang dibeli tidak digunakan dan ketiadaan rekod yang lengkap dan kemas kini. Penetapan had nilai bagi perolehan yang dilaksanakan oleh persatuan adalah penting bagi memastikan kawalan terhadap bantuan kewangan yang disalurkan dan setiap perbelanjaan mengikut dasar dan peraturan berkaitan dipatuhi untuk menjamin kepentingan Kerajaan.

### 1.5.3. Perolehan Secara Tuntutan Balik

1.5.3.1. Kaedah lain yang diguna pakai oleh MSNT bagi melaksanakan perolehan peralatan dan alat bantuan sukan adalah dengan membenarkan tuntutan balik dibuat oleh jurulatih, pengurus pasukan atau pengurus sukan bagi perolehan yang telah dibuat.

1.5.3.2. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, 25 tuntutan balik oleh 15 persatuan sukan yang bernaung di bawah MSNT berjumlah RM258,894 telah dibayar oleh MSNT bagi perolehan dan penyenggaraan peralatan seperti pemasangan tali raket dan pembelian peralatan kecil untuk kegunaan segera. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.12  
PEROLEHAN PERALATAN DAN ALAT  
BANTUAN SUKAN YANG DIBUAT SECARA TUNTUTAN BALIK**

TAHUN	BILANGAN PERSATUAN SUKAN	BILANGAN TUNTUTAN BALIK	JUMLAH (RM)
2014	5	10	138,006
2015	3	3	5,435
2016	7	12	115,453
<b>JUMLAH</b>	<b>15</b>	<b>25</b>	<b>258,894</b>

Sumber: MSNT

1.5.3.3. Semakan Audit terhadap tiga perolehan secara tuntutan balik mendapati perkara berikut:

- a. MSNT telah membuat pembayaran sejumlah RM31,390.00 kepada pengurus pasukan sukan taekwando melalui baucar bernombor PV-16-02049 bertarikh 14 Jun 2016 kerana telah mendahulukan wang beliau bagi pembelian peralatan pertandingan SUKMA XVIII Sarawak 2016 seperti pakaian seragam pertandingan, kasut, *arm guard* dan *shin guard*. Perolehan ini diluluskan oleh Pengarah MSNT atas dasar penjimatan kos untuk perolehan setiap peralatan tersebut. Bagaimanapun, bayaran tersebut tidak disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap iaitu resit yang membuktikan jumlah sebenar pembelian dibuat.

- b. MSNT telah membuat pembayaran bagi tuntutan balik untuk pembelian peralatan dan alat bantuan sukan oleh jurulatih dan pengurus sukan. Tuntutan balik tersebut dibuat oleh jurulatih dan pengurus sukan yang mendahulukan pembayaran bagi perbelanjaan penyenggaraan peralatan dan alat bantuan sukan seperti perolehan tali raket badminton, tayar dan pedal basikal yang memerlukan pembaikan segera. Pihak Audit dimaklumkan kerosakan peralatan sukan ini tidak dapat dijangka dan penggantian segera perlu dibuat bagi melancarkan program latihan secara berterusan. Bagaimanapun, pihak MSNT tidak mempunyai garis panduan dan prosedur berkaitan perolehan tuntutan balik. Butiran tuntutan balik adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.13  
PEROLEHAN YANG DIBUAT SECARA TUNTUTAN BALIK**

TAHUN	NO. BAUCAR	TARIKH BAUCAR	PERIHAL	PENUNTUT	JUMLAH (RM)
2015	PV-15-03489	11.10.2015	Tuntutan Bayaran Pendahuluan Pembelian Sepasang Kasut Sukan Angkat Berat.	Jurulatih	1,500
2016	PV-16-02049	14.06.2016	Tuntutan Bayaran Pendahuluan Pembelian Peralatan Pertandingan Sukan Taekwondo.	Pengurus Pasukan	31,390
2016	PV-16-03876	27.12.2016	Tuntutan Bayaran Pendahuluan Bayaran Tali Raket dan Pemasangan Pasukan Badminton SUKMA Sarawak 2016.	Pengurus Sukan	1,890
<b>JUMLAH</b>					<b>34,780</b>

Sumber: MSNT

### Maklum Balas MSNT yang Diterima pada 28 Ogos 2017

*Proses kerja bagi tuntutan balik telah disediakan dan telah dimaklumkan penggunaannya kepada semua kakitangan.*

Pada pendapat Audit, proses tuntutan balik adalah kurang memuaskan kerana perolehan peralatan dan alat bantuan sukan secara tuntutan balik tidak terdapat dalam tatacara perolehan Kerajaan. Kaedah perolehan ini boleh menyebabkan peruntukan Kerajaan sukar dikawal.

## 1.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan pengurusan perolehan peralatan dan alat bantuan sukan pada masa akan datang, adalah disyorkan MSNT mengambil tindakan seperti berikut:

- 1.6.1. memastikan pemantauan yang rapi perlu dilakukan supaya semua peraturan-peraturan perolehan dipatuhi, peralatan dan alat bantuan sukan diterima



dalam tempoh yang ditetapkan dan penggunaannya mengikut maksud perolehan tersebut;

1.6.2. merancang dengan teliti perolehan tahunan yang diperlukan sebelum membuat perolehan supaya pecah kecil perolehan tidak berlaku;

1.6.3. memastikan perakuan *Integrity Pact* dibuat oleh semua pihak yang terlibat bagi meningkatkan ketelusan dalam pengurusan perolehan dan kebertanggungjawaban oleh semua pihak yang terlibat. Perakuan tersebut juga perlu disimpan di dalam fail perolehan yang berkenaan seperti yang ditetapkan di dalam peraturan berkaitan;

1.6.4. memastikan rekod yang lengkap dan kemas kini disediakan bagi setiap perolehan yang dilaksanakan serta memastikan persatuan juga menyediakan rekod bagi semua peralatan dan alat bantuan sukan yang diperolehi daripada MSNT dan perolehan yang dilaksanakan sendiri oleh persatuan; dan

1.6.5. MSNT perlu mengeluarkan garis panduan perolehan kepada persatuan sukan negeri dan mensyaratkan persatuan mematuhi kaedah perolehan yang ditetapkan.

## **UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI PEJABAT DAERAH BESUT**

### **2. PROGRAM BANTUAN RUMAH BINA BARU**

#### **2.1. LATAR BELAKANG**

2.1.1. Matlamat Kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah menerusi pembasmian kemiskinan tegar di kalangan rakyat Malaysia merupakan salah satu teras Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan Julai 2009. Ini bagi membolehkan hasrat Kerajaan untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

2.1.2. Program Bantuan Rumah (PBR) merupakan salah satu program di bawah Program Pembasmian Kemiskinan, Pembangunan Kampung dan Masyarakat yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Matlamat utama PBR adalah untuk membela nasib golongan miskin yang kediaman mereka berada dalam keadaan terlalu uzur supaya dapat menikmati kediaman yang lebih selesa dan selamat selaras dengan matlamat NKRA. PBR terbahagi kepada dua jenis bantuan iaitu bina baru dan baik pulih. Peruntukan bagi program ini disalurkan menerusi Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) manakala pelaksanaan program diletakkan di bawah tanggungjawab semua pejabat daerah di Negeri Terengganu. Golongan sasaran PBR terdiri daripada peserta yang berdaftar di bawah eKasih, golongan ibu tunggal dan orang kelainan upaya (OKU).

2.1.3. Sistem eKasih merupakan Bank Data Kemiskinan Nasional yang mengandungi maklumat mengenai kemiskinan bermula dari profil individu, program/bantuan yang diterima oleh Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) daripada agensi pemberi bantuan sehingga permohonan bantuan dan pemantauan keberkesanan program/bantuan yang diterima. Terdapat tiga kategori peserta eKasih iaitu Miskin Tegar, Miskin dan Terkeluar. Sesebuah Isi Rumah (IR) dianggap sebagai Miskin Tegar sekiranya pendapatan bulanan kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sejumlah RM140. Kategori Miskin pula terdiri daripada IR yang mempunyai pendapatan perkapita kurang daripada RM230. Manakala kategori Terkeluar adalah IR yang berada di luar dari kategori Miskin dan Miskin Tegar iaitu mempunyai pendapatan perkapita melebihi RM230. Selain itu, ia juga termasuk IR berdaftar yang meninggal dan tidak dapat dikesan.

2.1.4. Berdasarkan data eKasih yang dikeluarkan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Terengganu (PPPNT) pada 5 Julai 2017, hanya satu KIR di Negeri Terengganu yang berada dalam status Miskin Tegar, sebanyak 3,276 KIR

berada dalam kategori Miskin dan sebanyak 48,931 KIR berada dalam kategori Terkeluar. Statistik kemiskinan KIR berdasarkan daftar eKasih pada 5 Julai 2017 yang dikeluarkan oleh PPPNT bagi seluruh negara dan seluruh daerah di Negeri Terengganu adalah seperti di jadual-jadual berikut:

**JADUAL 2.1**  
**STATISTIK KEMISKINAN KETUA ISI RUMAH**  
**BERDASARKAN eKASIH MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 5 JULAI 2017**

NEGERI	MISKIN TEGAR	KEDUDUKAN	MISKIN	KEDUDUKAN	TERKELUAR	KEDUDUKAN	JUMLAH
Sabah	27,208	1	20,361	3	27,856	5	75,425
Sarawak	25,618	2	38,420	2	51,595	1	115,633
Kelantan	10,092	3	41,240	1	38,161	4	89,493
Kedah	2,945	4	6,363	5	22,457	8	31,765
Selangor	2,562	5	7,413	4	25,546	6	35,521
Pahang	1,324	6	3,707	8	16,635	11	21,666
Pulau Pinang	866	7	4,027	6	23,093	7	27,986
WP Kuala Lumpur	606	8	1,166	13	14,278	13	16,050
Perak	265	9	2,039	12	43,054	3	45,358
WP Labuan	218	10	689	14	3,125	15	4,032
Johor	214	11	3,912	7	18,689	9	22,815
Perlis	83	12	2,945	10	11,426	14	14,454
Negeri Sembilan	53	13	2,173	11	16,639	10	18,865
Melaka	10	14	657	15	15,912	12	16,579
Terengganu	1	15	3,276	9	48,931	2	52,208
WP Putrajaya	1	16	1	16	237	16	239
<b>JUMLAH</b>	<b>72,066</b>		<b>138,389</b>		<b>377,634</b>		<b>588,089</b>

Sumber: PPPNT

**JADUAL 2.2**  
**STATISTIK KEMISKINAN KETUA ISI RUMAH BERDASARKAN**  
**eKASIH MENGIKUT DAERAH DI NEGERI TERENGGANU SEHINGGA 5 JULAI 2017**

DAERAH	MISKIN TEGAR	KEDUDUKAN	MISKIN	KEDUDUKAN	TERKELUAR	KEDUDUKAN	JUMLAH
Besut	1	1	701	1	7,208	2	7,910
Marang	-	2	382	4	8,609	1	8,991
Setiu	-	3	629	2	7,052	3	7,681
Kuala Nerus	-	4	394	3	6,369	4	6,763
Kuala Terengganu	-	5	352	5	5,176	6	5,528
Hulu Terengganu	-	6	333	6	5,519	5	5,852
Dungun	-	7	303	7	4,551	7	4,854
Kemaman	-	8	182	8	4,447	8	4,629
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>		<b>3,276</b>		<b>48,931</b>		<b>52,208</b>

Sumber: PPPNT

## **2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan adalah untuk menilai pengurusan Program Bantuan Rumah Bina Baru telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

## **2.3. SKOP PENGAUDITAN**

Pengauditan ini tertumpu pada pengurusan PBR Bina Baru meliputi aspek pemilihan penerima bantuan, kaedah perolehan, pentadbiran kontrak, prestasi pelaksanaan projek dan pengurusan pembayaran kepada kontraktor bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Pengauditan dijalankan di UPEN dan Pejabat Daerah Besut (PDB). Semakan dokumen telah dibuat terhadap 82 (100%) fail projek bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Lawatan Audit turut dilakukan ke 42 buah rumah melibatkan sepuluh (28.6%) daripada 35 rumah teres yang dibina pada tahun 2015 serta 12 (100%) rumah sesebuah dan 20 (66.7%) daripada 30 rumah teres yang dibina pada tahun 2016.

## **2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data di PDB. Temu bual bersama pegawai yang terlibat dalam pelaksanaan PBR serta penerima bantuan juga dilaksanakan. Selain itu, sebanyak sepuluh borang soal selidik telah diedarkan kepada penerima bantuan semasa lawatan Audit dijalankan.

## **2.5. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Julai 2017 terhadap aspek pemilihan penerima bantuan, kaedah perolehan, pentadbiran kontrak, prestasi pelaksanaan projek dan pengurusan pembayaran kepada kontraktor mendapati objektif PBR Bina Baru dapat dicapai. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, sebanyak 139 rumah terdiri daripada 74 rumah sesebuah dan 65 rumah teres telah dibina dan diserahkan kepada penerima bantuan yang dipilih. Bagaimanapun, pelaksanaan PBR secara keseluruhannya didapati tidak memuaskan. Antara kelemahan-kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- i. sebanyak 34 Surat Setuju Terima dan 15 kontrak formal tidak disediakan;
- ii. sebanyak 16 Surat Setuju Terima lewat dikembalikan/tiada tarikh serahan;
- iii. kualiti kerja di sepuluh rumah sesebuah kurang memuaskan;
- iv. sebanyak lima lanjutan tempoh lewat dipohon/diluluskan;
- v. denda berjumlah RM4,080 tidak dikenakan kepada 11 kontraktor atas kelewatan penyiapan projek;

- vi. sebanyak 73 Perakuan Siap Kerja tidak dikeluarkan dan lapan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan selepas pembayaran dibuat;
- vii. pembayaran dibuat bagi kerja yang tidak dilaksanakan di enam rumah.
- viii. seorang penerima bantuan tiada dalam senarai penerima; dan
- ix. sebanyak empat rumah siap belum didiami.

Perkara yang ditemui dan maklum balas PDB telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 13 September 2017. Maklumat lanjut berkenaan kelemahan yang dikenal pasti dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut:

### 2.5.1. Prestasi Kewangan dan Fizikal

2.5.1.1. Pada setiap tahun, Kerajaan Negeri akan mengagihkan peruntukan kepada pejabat daerah bagi melaksanakan PBR. Kos pembinaan bagi setiap rumah adalah tidak melebihi RM40,000. Bagi tahun sebelum 2016, peruntukan PBR bagi bantuan bina baru diasingkan dengan bantuan baik pulih. Bagaimanapun mulai tahun 2016, peruntukan bagi kedua-dua jenis bantuan digabungkan dan fokus perbelanjaan peruntukan terletak di bawah budi bicara pegawai daerah. Semakan Audit mendapati penetapan sasaran pembinaan rumah dibuat berdasarkan peruntukan yang diterima setiap tahun. Maklumat lanjut berkenaan peruntukan dan perbelanjaan serta bilangan rumah yang dibina bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.3**  
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN SERTA**  
**BILANGAN RUMAH PBR BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016**

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS (%)	BILANGAN RUMAH	
				RS	RT
2014	2.00	1.91	95.5	48	0
2015	2.00	1.99	99.3	14	35
2016	1.64	1.64	100.0	12	30
<b>JUMLAH</b>	<b>5.64</b>	<b>5.54</b>	<b>98.2</b>	<b>74</b>	<b>65</b>

Sumber: PDB

Nota : RS - Rumah Sesebuah  
RT- Rumah Teres

2.5.1.2. Berdasarkan **Jadual 2.3**, analisis Audit mendapati prestasi pembinaan rumah berdasarkan jumlah peruntukan yang diterima bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 telah dicapai. Sejumlah RM5.54 juta (98.2%) daripada RM5.64 juta peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Negeri telah dibelanjakan bagi membina 74 rumah sesebuah dan 65 rumah teres.

**Pada pendapat Audit, prestasi kewangan dan fizikal bagi pelaksanaan PBR Bina Baru adalah baik kerana 98.2% peruntukan yang diterima telah**

**dibelanjakan bagi membina 139 rumah dan diagihkan kepada penerima yang dipilih.**

### **2.5.2. Pentadbiran Kontrak**

Berdasarkan 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) - PK4, agensi hendaklah memastikan pengurusan dan pentadbiran kontrak bagi perolehan yang diuruskan secara sebut harga diberi perhatian yang serius. Ini adalah bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan melicinkan urusan yang berhubung kait dengan pelaksanaan sesuatu perolehan.

#### **2.5.2.1. Pengurusan Surat Setuju Terima Tidak Mematuhi Peraturan**

- a. Surat Setuju Terima (SST) ialah surat yang mengesahkan penerimaan sesuatu tawaran berasaskan syarat yang ditetapkan dalam dokumen sebut harga, syarat yang telah dipersetujui dalam Surat Niat dan apa-apa syarat lain yang telah dipersetujui melalui rundingan sebelumnya. Sehubungan itu, apa-apa syarat yang telah dipersetujui sebelumnya hendaklah dinyatakan dengan jelas dan persetujuan tersebut merupakan sebahagian daripada perjanjian kontrak. SST ialah satu dokumen perundangan yang sah dan merupakan sebahagian daripada dokumen kontrak. Kontraktor perlu mengembalikan salinan asal SST yang telah ditandatangani ke PDB dalam tempoh tujuh hari dari tarikh SST dikeluarkan.
- b. Bagi tempoh dari tahun 2014 hingga 2016, sebanyak 82 sebut harga bagi melaksanakan PBR telah dikeluarkan kepada kontraktor. Semakan Audit mendapati hanya 48 SST (58.5%) telah dikeluarkan berbanding 82 kontraktor yang dilantik. Semua SST tersebut dikeluarkan pada tahun 2014. Daripada 48 SST yang dikeluarkan, sebanyak 32 SST (66.7%) dikembalikan dalam tempoh yang ditetapkan manakala 16 SST (33.3%) yang dikembalikan tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan sama ada lewat dikembalikan atau tiada tarikh serahan. Selain itu, sebanyak 34 SST tidak dikeluarkan kepada 34 kontraktor melibatkan 18 sebut harga (12 sebut harga rumah sesebuah dan enam sebut harga rumah teres) pada tahun 2015 dan 16 sebut harga (sepuluh sebut harga rumah sesebuah dan enam sebut harga rumah teres) pada tahun 2016. Sebaliknya PDB hanya mengeluarkan surat pemberitahuan penerimaan sebut harga kepada semua kontraktor tersebut. Pihak Audit mendapati perkara ini berlaku disebabkan pelaksanaan MS ISO 9001:2008 mulai tahun 2015. Berdasarkan MS ISO 9001:2008, semua projek di bawah peruntukan pembangunan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan dikecualikan kerana PDB beranggapan SST dan surat tawaran adalah perkara yang sama. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.4**  
**PENGURUSAN SURAT SETUJU TERIMA TIDAK MEMATUHI PERATURAN**

TAHUN	SURAT SETUJU TERIMA				JUMLAH
	TIDAK DIKELUARKAN	DALAM TEMPOH	LEWAT DIKEMBALIKAN	TIADA TARIKH SERAHAN	
2014	-	32	6	10	48
2015	18	-	-	-	18
2016	16	-	-	-	16
<b>JUMLAH</b>	<b>34</b>	<b>32</b>	<b>6</b>	<b>10</b>	<b>82</b>

Sumber: PDB

**2.5.2.2. Kontrak Formal Tidak Disediakan**

- a. Arahan Perbendaharaan (AP) 176.1(c) menghendaki kontrak formal disediakan bagi perolehan yang melebihi RM50,000. Manakala bagi perolehan kerja yang tidak melebihi RM50,000, inden kerja memadai dikeluarkan dan perlu disertakan bersama dokumen sebut harga supaya kontraktor jelas mengenai obligasinya seperti mana yang ditetapkan dalam 1PP - PK2.1.
- b. Semakan Audit mendapati sebanyak 15 (18.3%) daripada 82 perolehan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 melebihi nilai RM50,000 iaitu enam sebut harga pada tahun 2015 dan sembilan sebut harga pada tahun 2016. Bagaimanapun, kontrak formal tidak disediakan sebagaimana kehendak AP 176.1(c). Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.5**  
**PEROLEHAN KERJA MELEBIHI NILAI RM50,000**

BIL.	NO. SEBUT HARGA	KOS PROJEK (RM)
1.	09/2015	199,935
2.	14/2015	191,873
3.	18/2015	198,160
4.	21/2015	398,995
5.	23/2015	199,797
6.	24/2015	199,897
7.	21/2016	199,402
8.	22/2016	199,247
9.	23/2016	198,818
10.	24/2016	198,555
11.	38/2016	79,979
12.	39/2016	79,940
13.	40/2016	79,963
14.	44/2016	199,468
15.	45/2016	199,928
<b>JUMLAH</b>		<b>2,823,957</b>

Sumber: PDB

## **Maklum Balas PDB yang diterima pada 24 Ogos 2017**

*PDB telah mengambil tindakan mengeluarkan SST sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan berkaitan.*

Pada pendapat Audit, pengendalian pentadbiran kontrak adalah tidak memuaskan kerana kelemahan pegawai dalam memahami kehendak peraturan berkaitan menyebabkan PDB tidak dapat mengambil tindakan terhadap kontraktor sekiranya kontraktor tidak memenuhi obligasinya dari aspek spesifikasi dan tempoh penyiapan kerja.

### **2.5.3. Prestasi Pelaksanaan Projek**

PBR Bina Baru merupakan projek pembinaan rumah sesebuah dan teres dengan kos sejumlah RM40,000 bagi setiap rumah termasuk deposit air dan elektrik. Keluasan rumah adalah 600 kaki persegi (tidak termasuk anjung) yang mengandungi tiga bilik tidur, bilik air dan tandas. Pelan reka bentuk, spesifikasi dan mekanisme pembinaan rumah sesebuah adalah sama dengan reka bentuk rumah sesebuah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Kali Ke - 5 Tahun 2013 bertarikh 30 Januari 2013. Manakala pelaksanaan pembinaan rumah teres bermula pada tahun 2014 adalah berdasarkan pelan daripada Pejabat Daerah Kemaman dan AHS Architects Sdn. Bhd. selaras dengan keputusan MMKN Kali Ke - 30 Tahun 2014 bertarikh 17 September 2014.

#### **2.5.3.1. Kaedah Perolehan Kerja Mematuhi Peraturan**

Berdasarkan 1PP - PK 2, perolehan yang bernilai melebihi RM20,000 hingga RM200,000 hendaklah dilakukan secara sebut harga dan dipelawa di kalangan sekurang-kurangnya lima kontraktor tempatan/daerah Gred G1 yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) mengikut kategori dan pengkhususan yang berkenaan. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, sebanyak 82 sebut harga telah dikeluarkan bagi melaksanakan pembinaan 74 rumah sesebuah dan 65 rumah teres berjumlah RM5.25 juta. Semakan Audit mendapati kaedah perolehan kerja bagi semua pembinaan tersebut telah mematuhi peraturan yang ditetapkan meliputi aspek penawaran sebut harga, penubuhan Jawatankuasa Sebut Harga dan proses penilaian sebut harga.



### 2.5.3.2. Kualiti Kerja Kurang Memuaskan

Kerja-kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan sempurna dan berkualiti mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam dokumen sebut harga. Lawatan Audit mendapati aspek kesempurnaan dan kualiti kerja di sepuluh rumah sesebuah adalah kurang memuaskan meliputi kerja-kerja mengecat, kekemasan longkang, *manhole*, tangki septik dan pembersihan sisa binaan walaupun bayaran kepada kontraktor telah dibuat sepenuhnya. Bagaimanapun, tindakan susulan telah diambil oleh PDB setelah mendapat teguran Audit. Butiran terperinci adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 2.6**  
**KUALITI KERJA KURANG MEMUASKAN**

BIL.	NO. SEBUT HARGA	KONTRAKTOR	LOKASI RUMAH	HARGA (RM)	PENEMUAN AUDIT				
					1*	2*	3*	4*	5*
1.	PDB 1/2016	Mohd Yusliamil Bin Yusof	Kg. Pak Wong	39,950	/	/		/	
2.	PDB 26/2016	Pengkalan Nyireh Enterprise	Kg. Gerda Mas	39,990		/			
3.	PDB 27/2016	Pengkalan Nyireh Enterprise	Kg. Gong Kepas	39,990		/			
4.	PDB 41/2016	RBA Yakin Enterprise	Kg. Kerandang	39,960				/	
5.	PDB 40/2016	Mat Deraman Enterprise	Kg. Anak Musang	79,963	/		/		
			Kg. Tok Dor		/	/			/
6.	PDB 39/2016	Raja Salim Enterprise	Kg. Kuala Kubang	79,940	/	/		/	
			Kg. Jabi		/	/		/	
7.	PDB 38/2016	EX Ngah Enterprise	Kg. Tempinis	79,980		/	/		
			Kg. Kepala Gajah		/	/			

Sumber: PDB

Nota: \* 1 - Kerja-kerja cat, *awning*, dinding dan lubang angin tidak sempurna. (Gambar 2.1 dan 2.2)

2 - Kemasan longkang tidak sempurna. (Gambar 2.3)

3 - Kemasan pemasangan saluran paip tidak sempurna.

4 - Sisa binaan tidak dibersihkan. (Gambar 2.4)

5 - Pintu tandas tidak dapat dibuka dengan sempurna. (Gambar 2.5)

**GAMBAR 2.1**



Rumah PBR Kg. Jabi, Besut  
- Rumah Tidak Dicat Dengan Sempurna  
(10.07.2017)

**GAMBAR 2.2**



Rumah PBR Kg. Tok Dor, Besut  
- *Awning* Tidak Dicat Dengan Sempurna  
(10.07.2017)

**GAMBAR 2.3**



Rumah PBR Kg. Pak Wong, Besut  
- Kemasan Longkang Tidak Sempurna  
(10.07.2017)

**GAMBAR 2.4**



Rumah PBR Kg. Kerandang, Besut  
- Sisa Binaan Tidak Dibersihkan  
(10.07.2017)

**GAMBAR 2.5**



Rumah PBR Kg. Tok Dor, Besut  
- Pintu Terhalang pada Lantai Tandas  
(10.07.2017)

**GAMBAR 2.6**



Rumah PBR Kg. Tok Dor, Besut  
- Pintu Tandas Dibaiki  
(24.08.2017)

### **Maklum Balas PDB yang diterima pada 24 Ogos 2017**

*PDB telah mengarahkan kontraktor terlibat untuk membuat pembaikan semula terhadap kerja-kerja yang tidak sempurna antaranya seperti di Gambar 2.6. Selain itu, PDB juga telah melaksanakan beberapa langkah-langkah penambahbaikan antaranya menyediakan borang pemantauan projek berkala dan menyediakan borang aduan/kaji selidik kepada pemilik rumah berkaitan permasalahan rumah berkenaan setelah diduduki.*

#### **2.5.3.3. Lanjutan Tempoh Lewat Dipohon**

- a. Mengikut 1PP - PK2, pelanjutan tempoh hanya dibenarkan bagi kontrak kerja bernilai melebihi RM200,000 hingga RM500,000 tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga. Permohonan dan kelulusan lanjutan tempoh hendaklah dipohon dan diluluskan dalam tempoh kontrak. Sekiranya dibuat selepas tempoh kontrak berakhir, maka kontraktor tidak lagi terikat dengan elemen masa yang merupakan teras penting dalam sesuatu kontrak. Antara alasan yang dibenarkan kelulusan lanjutan tempoh adalah seperti *force majeure*, keadaan cuaca buruk, pengeluaran arahan perubahan kerja atau kelewatan kontraktor menerima tapak bina daripada klien.

- b. Semakan Audit mendapati sebanyak 11 permohonan lanjutan tempoh dibuat oleh kontraktor bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Sebanyak enam permohonan dipohon dan diluluskan dalam tempoh kontrak asal. Bagaimanapun, terdapat dua permohonan lanjutan tempoh dipohon selepas tempoh kontrak asal tamat. Selain itu, didapati tiga permohonan lanjutan tempoh diluluskan selepas tempoh kontrak tamat. Kelewatan permohonan dan kelulusan lanjutan tempoh setelah tempoh asal kontrak tamat akan menyebabkan denda tidak dikenakan kepada kontraktor berkenaan. Maklumat lanjut seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.7**  
**PERMOHONAN DAN KELULUSAN LANJUTAN**  
**TEMPOH DIBUAT SELEPAS TEMPOH KONTRAK TAMAT**

BIL.	NO. SEBUT HARGA	KONTRAKTOR	KOS PROJEK (RM)	TEMPOH KONTRAK ASAL	TARIKH LANJUTAN TEMPOH		TEMPOH KELEWATAN (Hari)	TEMPOH KONTRAK BARU
					POHON	LULUS		
<b>LANJUTAN TEMPOH DIPOHON SELEPAS TAMAT TEMPOH KONTRAK</b>								
1.	PDB 09/2015	RNZ Usaha Enterprise	199,935	18.06.2015 - 28.09.2015	05.10.2015	06.10.2015	7	28.09.2015 – 29.10.2015 (31 hari)
2.	PDB 24/2015	Zakaria bin Ibrahim	199,897	02.08.2015 - 16.11.2015	17.11.2015	19.11.2015	1	16.11.2015 – 16.12.2015 (31 hari)
3.	PDB 85/2014	Ismail bin Mat Yusoff	39,990	04.09.2014 - 27.11.2014	TM	01.12.2014	4	28.11.2014 – 31.01.2015 (65 hari)
<b>LANJUTAN TEMPOH DILULUSKAN SELEPAS TAMAT TEMPOH KONTRAK</b>								
4.	PDB 23/2015	Blue Classic Enterprise	199,798	02.08.2015 - 22.11.2015	16.11.2015	22.12.2015	30	22.11.2015 – 12.12.2015 (21 hari)
5.	PDB 41/2016	RBA Yakin Enterprise	39,960	16.10.2016 - 16.12.2016	16.12.2016	18.12.2016	2	16.12.2016 – 16.02.2017 (63 hari)

Sumber: PDB

Nota : TM – Tiada Maklumat

- c. Pihak Audit mendapati antara alasan permohonan lanjutan tempoh yang diberikan oleh kontraktor adalah berkenaan masalah cuaca, bekalan bahan mentah dan tenaga buruh. Berdasarkan alasan yang diberikan, didapati antara alasan tersebut tidak menepati kehendak pekeliling berkaitan.

#### **2.5.3.4. Denda Tidak Dikenakan Atas Kelewatan Penyiapan Projek**

- a. Mengikut SST, pihak kontraktor bertanggungjawab menyiapkan projek dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam dokumen sebut harga. Kegagalan kontraktor menyiapkan kerja dalam tempoh masa ditetapkan boleh menyebabkan denda dikenakan. Kadar denda yang ditetapkan adalah sejumlah RM15 sehari. Semakan Audit mendapati sebanyak 11 projek yang lewat disiapkan antara enam hingga 61 hari tidak dikenakan denda oleh PDB. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.8**  
**DENDA TIDAK DIKENAKAN ATAS KELEWATAN PENYIAPAN PROJEK**

BIL.	NO.SEBUT HARGA	KONTRAKTOR	TARIKH PATUT SIAP	TARIKH SEBENAR SIAP	JUMLAH LEWAT (Hari)	JUMLAH DENDA PATUT DIKENAKAN (RM)
1.	57/2014	Haaz Solution	17.11.2014	05.12.2014	18	270
2.	61/2014	Jerteh Bina	03.11.2014	18.11.2014	15	225
3.	62/2014	Matzu Enterprise	01.12.2014	10.12.2014	9	135
4.	64/2014	Perniagaan Hayda	01.12.2014	10.12.2014	9	135
5.	69/2014	Adnan Bin Mohd Arsad	03.11.2014	03.12.2014	30	450
6.	70/2014	Zaino Enterprise	14.10.2014	14.12.2014	61	915
7.	84/2014	Che Rahim Bin Haji Tahir	02.11.2014	30.11.2014	28	420
8.	86/2014	Mozaq Enterprise	16.11.2014	11.01.2015	56	840
9.	91/2014	Usaha Seri Tasik Enterprse	28.12.2014	13.01.2015	16	240
10.	21/2016	RNZ Usaha Enterprise	14.12.2016	20.12.2016	6	90
11.	41/2016	RBA Yakin Enterprise	16.02.2017	12.03.2017	24	360
<b>JUMLAH</b>					<b>272</b>	<b>4,080</b>

Sumber: PDB

- b. Berdasarkan **Jadual 2.8**, mengikut perkiraan Audit, denda yang sepatutnya dikenakan terhadap kontraktor terlibat adalah berjumlah RM4,080. Pihak Audit dimaklumkan PDB tidak mengenakan denda kepada kontraktor terlibat kerana mengambil kira kos projek yang rendah. PDB berpandangan denda yang dikenakan akan menimbulkan bebanan dan masalah kewangan kepada kontraktor yang boleh mengakibatkan kerja tidak dapat disiapkan. Bagaimanapun, keadaan ini boleh menyebabkan kontraktor mengambil peluang untuk melengahkan penyediaan kerja kerana tiada tindakan diambil terhadapnya.

#### **2.5.3.5. Pengurusan Perakuan Siap Kerja Tidak Mematuhi Peraturan**

- a. Berdasarkan 1PP - PK2, pegawai inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan serta sebelum bayaran dibuat kepada kontraktor. Tarikh siap kerja yang dinyatakan dalam perakuan siap kerja adalah merujuk kepada tarikh kerja diakui siap pada inden kerja. Tempoh tanggungan kecacatan bermula selepas Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Semakan Audit mendapati sebanyak 73 (89.0%) Perakuan Siap Kerja tidak dikeluarkan terhadap 82 projek, satu (1.2%) Perakuan Siap Kerja dikeluarkan sebelum bayaran dibuat kepada kontraktor dan lapan (9.8%) Perakuan Siap Kerja dikeluarkan setelah pembayaran dibuat. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.9  
PENGELUARAN PERAKUAN SIAP  
KERJA BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016**

TAHUN	BILANGAN SEBUT HARGA	BILANGAN PERAKUAN SIAP KERJA		
		DIKELUARKAN SEBELUM PEMBAYARAN DIBUAT	DIKELUARKAN SELEPAS PEMBAYARAN DIBUAT	TIDAK DIKELUARKAN
2014	48	-	-	48
2015	18	-	8	10
2016	16	1	-	15
<b>JUMLAH</b>	<b>82</b>	<b>1</b>	<b>8</b>	<b>73</b>

Sumber: PDB

- b. Semakan lanjut Audit terhadap lapan sijil Perakuan Siap Kerja yang dikeluarkan setelah pembayaran dibuat mendapati tarikh perakuan siap kerja berbeza dengan tarikh pada inden kerja. Perbezaan tarikh perakuan ini memberi kesan kepada kontraktor yang perlu bertanggungjawab ke atas kerosakan yang berlaku dalam tempoh yang lebih panjang berbanding tempoh tanggungan kecacatan yang sepatutnya berakhir lebih awal. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati kontraktor telah memperbaiki semua kerosakan yang berlaku dalam tempoh tanggungan kecacatan. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.10  
PERBEZAAN TARIKH PERAKUAN SIAP KERJA**

BIL.	NO. SEBUT HARGA	TARIKH PERAKUAN SIAP KERJA		TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN
		INDEN KERJA	PERAKUAN SIAP KERJA	
1.	PDB 21/2015	22.12.2015	28.12.2015	28.12.2015 - 28.06.2016
2.	PDB 14/2015	23.11.2015	23.12.2015	23.12.2015 - 24.06.2016
3.	PDB 18/2015	13.12.2015	27.12.2015	27.12.2015 - 27.06.2016
4.	PDB 23/2015	22.12.2015	28.12.2015	28.12.2015 - 28.06.2016
5.	PDB 50/2015	07.12.2015	21.12.2015	21.12.2015 - 22.06.2016
6.	PDB 52/2015	01.12.2015	14.12.2015	14.12.2015 - 15.06.2016
7.	PDB 51/2015	02.12.2015	06.01.2016	06.01.2016 - 07.07.2016
8.	PDB 48/2015	17.12.2015	21.12.2015	21.12.2015 - 22.06.2016

Sumber: PDB

**Maklum Balas PDB yang diterima pada 24 Ogos 2017**

*Bagi isu perbezaan tarikh perakuan siap kerja, PDB telah mengambil tindakan pembetulan dengan menyemak semula dan memastikan tarikh kerja diperakui siap pada sijil Perakuan Siap Kerja bersamaan dengan tarikh kerja diperakui siap pada inden kerja.*

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan projek adalah tidak memuaskan kerana kualiti kerja yang tidak memuaskan boleh menimbulkan ketidakselesaan kepada penghuni rumah terlibat. Manakala denda yang tidak dikenakan menyebabkan kontraktor mengambil peluang melengahkan penyediaan kerja.

#### 2.5.4. Pembayaran Dibuat Bagi Kerja yang Tidak Dilaksanakan

Mengikut 1PP - PK2, bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, sebanyak 82 bayaran telah dibuat sepenuhnya kepada kontraktor terhadap pembinaan 139 unit rumah PBR. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati **kerja-kerja di enam rumah tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi kerja ditetapkan**. Ini menunjukkan bayaran telah dibuat terhadap kerja-kerja yang tidak dilaksanakan. **Pihak Audit tidak dapat menentukan jumlah lebihan sebenar bayaran tersebut kerana kos kerja secara terperinci tidak dinyatakan dalam dokumen sebut harga**. Pihak Audit mendapati bebanan kerja pada akhir tahun menyebabkan pengawasan sepenuhnya terhadap pelaksanaan kerja tidak dapat dilakukan oleh pegawai bertanggungjawab. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 2.11  
PEMBAYARAN BAGI KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN**

BIL.	NO. SEBUT HARGA	KONTRAKTOR	NO.BAUCAR/ TARIKH BAUCAR	KOS (RM)	KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN	LOKASI
1.	26/2016	Pengkalan Nyireh Enterprise	V0005136 25.12.2016	39,990	Manhole	Kampung Gerda Mas
2.	27/2016	Pengkalan Nyireh Enterprise	V0005134 25.12.2016	39,990	Manhole	Kampung Gong Kepas
3.	40/2016	Mat Deraman Enterprise	V0004671 19.12.2016	79,963	Pemasangan lubang angin dan manhole	Kampung Tok Dor dan Kampung Anak Musang
4.	41/2016	RBA Yakin Enterprise	V0000787 12.04.2017	39,960	Pemasangan lubang angin	Kampung Kerandang
5.	42/2016	Usaha Serumpun Enterprise	V0004670 19.12.2016	39,939	Pemasangan lubang angin dan manhole	Kampung Gong Pasir

Sumber: PDB

**GAMBAR 2.7**



Rumah PBR Kg. Anak Musang, Besut  
- Lubang Angin Tidak Dipasang  
(10.07.2017)

**GAMBAR 2.8**



Rumah PBR Kg. Tok Dor, Besut  
- Lubang Angin Tidak Dipasang  
(10.07.2017)

**GAMBAR 2.9**



Rumah PBR Kg. Gong Kepas, Besut  
- Pemasangan *Manhole* Tidak Dilaksanakan  
(11.07.2017)

**GAMBAR 2.10**



Rumah PBR Kg. Gong Kepas, Besut  
- Pemasangan *Manhole* Telah Dilaksanakan  
(24.08.2017)

### **Maklum Balas PDB yang diterima pada 24 Ogos 2017**

*Sebagai langkah penambahbaikan, PDB telah mengeluarkan surat teguran kepada kontraktor dan mengarahkan pihak kontraktor melaksanakan semula kerja-kerja (manhole) yang tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan antaranya seperti di Gambar 2.10. Manakala bagi kerja pemasangan lubang angin yang tidak dilaksanakan, PDB telah meminta bayaran semula dengan kadar yang ditetapkan.*

Pada pendapat Audit, pemeriksaan yang dijalankan oleh pegawai bertanggungjawab mengeluarkan Perakuan Siap Kerja adalah tidak memuaskan kerana tidak dilaksanakan dengan teliti menyebabkan berlaku *improper payment* dan merugikan Kerajaan.

#### **2.5.5. Pemilihan Penerima Bantuan**

##### **2.5.5.1. Pemilihan Penerima Bantuan Memenuhi Kriteria**

- a. Garis panduan pelaksanaan PBR menghendaki senarai nama penerima PBR yang dikenal pasti mestilah berdaftar dalam senarai eKasih serta berumur 40 tahun ke atas kecuali golongan ibu tunggal dan OKU. Senarai nama penerima yang tiada dalam eKasih perlu mendapat sokongan daripada YB ADUN/EXCO.
- b. Bagi tahun 2014 hingga 2016, seramai 139 orang telah menerima bantuan rumah di mana seramai 63 penerima (45.3%) berdaftar dengan eKasih. Manakala baki penerima seramai 76 orang (54.7%) tidak berdaftar dengan eKasih tetapi telah disahkan oleh Pegawai Daerah berdasarkan sokongan daripada YB ADUN/EXCO. Semakan Audit mendapati seramai 124 (89.2%) daripada 139 penerima bantuan adalah golongan yang berumur 40 tahun ke atas dan baki 15 penerima berumur di bawah 40 tahun (antara 27 hingga 39 tahun). Terdapat seorang ibu tunggal dan seorang OKU di dalam kelompok

penerima bantuan yang berumur kurang 40 tahun. Selain itu, pihak Audit mendapati 13 orang penerima bantuan berumur kurang 40 tahun telah dipilih berdasarkan justifikasi YB ADUN kawasan tersebut, keadaan rumah yang terlalu uzur dan tidak selamat diduduki serta mempunyai ramai tanggungan.

#### **2.5.5.2. Penerima Bantuan Tiada Dalam Senarai Penerima dan Rumah Siap Belum Didiami**

- a. Pihak Audit telah membuat lawatan ke 12 rumah penerima bantuan berdasarkan rumah yang siap dibina dalam tahun 2016. Daripada 12 lawatan tersebut, lawatan Audit ke satu lokasi rumah penerima bantuan, En. Mohd Maisul Hazman bin Salleh (pada 10 Julai 2017) mendapati tidak ada rumah PBR dibina di lokasi tersebut. Sebaliknya terdapat sebuah rumah sedia ada milik penerima bantuan tersebut. Temu bual Audit dengan penerima bantuan tersebut mendapati beliau tidak mengetahui namanya termasuk dalam senarai penerima bantuan. Pemeriksaan lanjut Audit mendapati lokasi sebenar pembinaan rumah tersebut adalah di kawasan lain dalam kampung berkenaan.
- b. Pihak Audit dimaklumkan oleh Penolong Jurutera PDB bahawa pemilik rumah tersebut ialah En. Zulkifli bin Mat Hassan yang merupakan seorang OKU dan bekerja di Kuantan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan maklumat pemilik rumah tersebut kerana fail berkaitan tidak dikemukakan kepada pihak Audit untuk semakan. Semakan Audit terhadap baucar bayaran no. V0002158 bertarikh 2 Ogos 2016 mendapati perihal bayaran tersebut adalah bagi kerja-kerja pembinaan rumah En. Mohd Maisul Hazman bin Salleh berjumlah RM39,950. Perkara ini berlaku disebabkan pihak PDB hanya dimaklumkan pertukaran penerima bantuan yang baru setelah rumah siap dibina. Keadaan rumah En. Mohd Maisul Hazman bin Salleh dan rumah PBR milik En. Zulkifli bin Mat Hassan adalah seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 2.11**



**Kg. Pak Wong, Besut**  
**- Rumah En. Mohd Maisul Hazman bin Salleh**  
**(10.07.2017)**

**GAMBAR 2.12**



**Kg. Pak Wong, Besut**  
**- Rumah PBR yang Diserahkan Kepada En. Zulkifli**  
**Bin Mat Hassan**  
**(10.07.2017)**



- c. Selain itu, pihak Audit juga mendapati sebanyak empat rumah yang telah siap dibina dan dibuat penyerahan kunci tetapi masih belum didiami. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.12  
RUMAH SIAP BELUM DIDIAM**

BIL.	NO. SEBUT HARGA/BILANGAN UNIT RUMAH	KOS (RM)	TARIKH SEBENAR SIAP	TARIKH SERAH KUNCI	TARIKH LAWATAN AUDIT	TEMPOH KEKOSONGAN (Bulan)
1.	PDB 39/2016 (Dua Unit)	79,940	16.12.2016	28.12.2016	10.07.2017	6
2.	PDB 41/2016 (Satu Unit)	39,960	12.03.2017	06.04.2017	10.07.2017	3
3.	PDB 1/2016 (Satu Unit)	39,950	31.07.2016	02.08.2016	10.07.2017	11

Sumber: PDB

- d. Kelewatan penerima bantuan mendiami rumah tersebut menyebabkan tempoh kekosongan rumah tersebut sehingga lawatan Audit adalah antara tiga hingga 11 bulan. Keadaan rumah tersebut adalah seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 2.13**



Rumah PBR Kg. Jabi, Besut  
- Rumah Siap Belum Didiami  
(10.07.2017)

**GAMBAR 2.14**



Rumah PBR Kg. Kerandang, Besut  
- Rumah Siap Belum Didiami  
(10.07.2017)

Pada pendapat Audit, proses pemilihan penerima bantuan adalah baik di mana 135 rumah telah diagihkan dan diduduki oleh penerima bantuan yang layak selaras dengan matlamat program kecuali empat rumah siap masih belum diduduki oleh penerima bantuan.

#### **2.5.6. Maklum Balas Soal selidik**

Pihak Audit telah melakukan lawatan ke 42 rumah bagi meninjau keadaan rumah serta menjalankan temu bual dengan penerima bantuan berdasarkan borang soal selidik yang disediakan. Daripada 42 rumah yang dilawati, pihak Audit berjaya menemu bual seramai sepuluh (23.8%) penghuni kerana kebanyakan penghuni tiada di rumah semasa lawatan dibuat. Analisis Audit terhadap maklum balas soal selidik mendapati semua (100.0%) penerima bantuan berpuas hati dengan bantuan rumah PBR kerana dapat mengurangkan beban perbelanjaan mereka.

## **2.6. SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya, pelaksanaan Program Bantuan Rumah Bina Baru adalah kurang memuaskan. Bagi menambah baik keberkesanan program ini dan mengatasi kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan, pihak Audit mengesyorkan agar pihak bertanggungjawab mengambil tindakan berikut:

2.6.1. Pejabat Daerah Besut memastikan pemilihan penerima bantuan hanya kepada golongan yang layak sebagaimana garis panduan yang ditetapkan;

2.6.2. Pejabat Daerah Besut memastikan pegawai yang bertanggungjawab melakukan pemantauan teliti terhadap projek pembinaan agar dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan, kualiti kerja menepati spesifikasi kerja sebelum bayaran diluluskan kepada kontraktor dan penerima bantuan dapat mendiami rumah dengan kadar segera;

2.6.3. Pejabat Daerah Besut hendaklah memastikan pegawai bertanggungjawab memahami dan mematuhi aspek pentadbiran kontrak agar kepentingan Kerajaan terjamin sekali gus membolehkan matlamat PBR dalam menyediakan rumah yang selesa dan berkualiti serta siap dalam tempoh masa ditetapkan untuk diagihkan kepada penerima bantuan yang memerlukan dapat dicapai; dan

2.6.4. UPEN hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JSD) bagi meningkatkan kawalan dalaman terhadap pelaksanaan PBR oleh semua pejabat daerah sekali gus mengelakkan berlakunya isu kecuaiian dan penyelewengan.

## **UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI PEJABAT DAERAH HULU TERENGGANU PEJABAT DAERAH SETIU**

### **3. PROGRAM BANTUAN RUMAH BINA BARU**

#### **3.1. LATAR BELAKANG**

3.1.1. Matlamat Kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah menerusi pembasmian kemiskinan tegar di kalangan rakyat Malaysia merupakan salah satu teras Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan Julai 2009. Ini bagi membolehkan hasrat Kerajaan untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

3.1.2. Program Bantuan Rumah (PBR) merupakan salah satu program di bawah Program Pembasmian Kemiskinan, Pembangunan Kampung dan Masyarakat yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Matlamat utama PBR adalah untuk membela nasib golongan miskin yang kediaman mereka berada dalam keadaan terlalu uzur agar dapat menikmati kediaman yang lebih selesa dan selamat demi manfaat seisi keluarga selaras dengan matlamat NKRA. PBR terbahagi kepada dua jenis bantuan iaitu bina baru dan baik pulih. Peruntukan bagi program ini disalurkan menerusi Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) manakala pelaksanaan program diletakkan di bawah tanggungjawab semua pejabat daerah di Negeri Terengganu. Golongan sasaran PBR terdiri daripada peserta yang berdaftar di bawah eKasih, golongan ibu tunggal dan orang kelainan upaya (OKU).

3.1.3. Sistem eKasih merupakan Bank Data Kemiskinan Nasional yang mengandungi maklumat mengenai kemiskinan bermula dari profil individu, program/bantuan yang diterima oleh Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) daripada agensi pemberi bantuan sehingga permohonan bantuan dan pemantauan keberkesanan program/bantuan yang diterima. Terdapat tiga kategori peserta eKasih iaitu Miskin Tegar, Miskin dan Terkeluar. Sesebuah Isi Rumah (IR) dianggap sebagai Miskin Tegar sekiranya pendapatan bulanan kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sejumlah RM140. Kategori Miskin pula terdiri daripada IR yang mempunyai pendapatan perkapita kurang daripada RM230. Manakala kategori Terkeluar adalah IR yang berada di luar dari kategori Miskin dan Miskin Tegar iaitu mempunyai pendapatan perkapita melebihi RM230. Selain itu, ia juga termasuk IR berdaftar yang meninggal dan tidak dapat dikesan.

3.1.4. Berdasarkan data eKasih yang dikeluarkan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Terengganu (PPPNT) pada 5 Julai 2017, hanya satu KIR di

Negeri Terengganu yang berada dalam status Miskin Tegar, sebanyak 3,276 KIR berada dalam kategori Miskin dan sebanyak 48,931 KIR berada dalam kategori Terkeluar. Statistik kemiskinan KIR berdasarkan daftar eKasih pada 5 Julai 2017 yang dikeluarkan oleh PPPNT bagi seluruh negara dan seluruh daerah di Negeri Terengganu adalah seperti di jadual-jadual berikut:

**JADUAL 3.1  
STATISTIK KEMISKINAN KIR eKASIH  
MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 5 JULAI 2017**

NEGERI	MISKIN TEGAR	KEDUDUKAN	MISKIN	KEDUDUKAN	TERKELUAR	KEDUDUKAN	JUMLAH
Sabah	27,208	1	20,361	3	27,856	5	75,425
Sarawak	25,618	2	38,420	2	51,595	1	115,633
Kelantan	10,092	3	41,240	1	38,161	4	89,493
Kedah	2,945	4	6,363	5	22,457	8	31,765
Selangor	2,562	5	7,413	4	25,546	6	35,521
Pahang	1,324	6	3,707	8	16,635	11	21,666
Pulau Pinang	866	7	4,027	6	23,093	7	27,986
WP Kuala Lumpur	606	8	1,166	13	14,278	13	16,050
Perak	265	9	2,039	12	43,054	3	45,358
WP Labuan	218	10	689	14	3,125	15	4,032
Johor	214	11	3,912	7	18,689	9	22,815
Perlis	83	12	2,945	10	11,426	14	14,454
Negeri Sembilan	53	13	2,173	11	16,639	10	18,865
Melaka	10	14	657	15	15,912	12	16,579
Terengganu	1	15	3,276	9	48,931	2	52,208
WP Putrajaya	1	16	1	16	237	16	239
<b>JUMLAH</b>	<b>72,066</b>		<b>138,389</b>		<b>377,634</b>		<b>588,089</b>

Sumber: PPPNT

**JADUAL 3.2  
STATISTIK KEMISKINAN KETUA ISI RUMAH BERDASARKAN eKASIH  
MENGIKUT DAERAH DI NEGERI TERENGGANU SEHINGGA 5 JULAI 2017**

DAERAH	MISKIN TEGAR	KEDUDUKAN	MISKIN	KEDUDUKAN	TERKELUAR	KEDUDUKAN	JUMLAH
Besut	1	1	701	1	7,208	2	7,910
Marang	-	2	382	4	8,609	1	8,991
Setiu	-	3	629	2	7,052	3	7,681
Kuala Nerus	-	4	394	3	6,369	4	6,763
Kuala Terengganu	-	5	352	5	5,176	6	5,528
Hulu Terengganu	-	6	333	6	5,519	5	5,852
Dungun	-	7	303	7	4,551	7	4,854
Kemaman	-	8	182	8	4,447	8	4,629
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>		<b>3,276</b>		<b>48,931</b>		<b>52,208</b>

Sumber: PPPNT

### **3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan adalah untuk menilai pengurusan Program Bantuan Rumah Bina Baru di daerah Hulu Terengganu dan Setiu telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

### **3.3. SKOP PENGAUDITAN**

Pengauditan ini tertumpu pada pengurusan PBR Bina Baru meliputi aspek pemilihan penerima bantuan, kaedah perolehan, pentadbiran kontrak, prestasi pelaksanaan projek dan pengurusan pembayaran kepada kontraktor bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Selain daripada Pejabat Daerah Hulu Terengganu (PDHT) dan Pejabat Daerah Setiu (PDS), pengauditan turut dijalankan di UPEN. Semakan dokumen telah dibuat terhadap 62 (100%) fail projek di PDHT dan 16 (100%) fail projek di PDS bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Lawatan Audit turut dilakukan ke 43 rumah di daerah Hulu Terengganu melibatkan 13 (50%) daripada 26 rumah sesebuah yang dibina pada tahun 2016 dan 30 (100%) rumah teres yang dibina pada tahun 2015 serta ke sembilan rumah di daerah Setiu melibatkan empat (100%) rumah sesebuah yang dibina pada tahun 2016 dan lima (50%) daripada sepuluh rumah teres yang dibina pada tahun 2015.

### **3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data di UPEN dan di dua pejabat daerah iaitu PDHT dan PDS. Temu bual bersama pegawai yang terlibat dalam pelaksanaan PBR di UPEN, PDHT dan PDS serta penerima bantuan juga dilaksanakan. Selain itu, pemeriksaan fizikal terhadap projek juga telah dijalankan. Pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik untuk mendapatkan maklum balas penerima bantuan semasa lawatan Audit dijalankan. Sebanyak 24 borang soal selidik telah diedarkan kepada penerima bantuan di daerah Hulu Terengganu dan enam borang soal selidik di daerah Setiu.

### **3.5. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Julai 2017 terhadap aspek pemilihan penerima bantuan, kaedah perolehan, pentadbiran kontrak, prestasi pelaksanaan projek dan pengurusan pembayaran kepada kontraktor mendapati objektif PBR Bina Baru dapat dicapai. Bagi tempoh 2014 hingga 2016, sebanyak 86 rumah terdiri daripada 56 rumah sesebuah dan 30 rumah teres di daerah Hulu Terengganu dan sebanyak 27 rumah terdiri daripada 17 rumah sesebuah dan sepuluh rumah teres di daerah Setiu telah dibina dan diserahkan kepada penerima bantuan yang dipilih bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Bagaimanapun, pelaksanaan PBR secara

keseluruhannya didapati tidak memuaskan. Antara kelemahan-kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- i. sebanyak 41 Surat Setuju Terima lewat dikembalikan/tiada tarikh serahan di PDHT dan sebanyak 15 Surat Setuju Terima dikembalikan tanpa tarikh serahan dicatatkan di PDS;
- ii. kontrak formal tidak disediakan bagi sebut harga yang melebihi nilai RM50,000 iaitu enam sebut harga di PDHT dan dua sebut harga di PDS;
- iii. kualiti kerja di sepuluh rumah sesebuah di PDHT dan tiga rumah sesebuah di PDS kurang memuaskan;
- iv. pembinaan sebanyak 25 rumah sesebuah di daerah Hulu Terengganu pada tahun 2016 tidak mengikut pelan diluluskan;
- v. sebanyak dua rumah teres siap belum didiami di daerah Setiu;
- vi. sebanyak empat rumah siap tidak diserahkan kepada penerima bantuan di daerah Hulu Terengganu;
- vii. denda sejumlah RM23,750 tidak dikenakan kepada 17 kontraktor di PDHT dan sejumlah RM1,440 kepada enam kontraktor di PDS atas kelewatan penyediaan projek;
- viii. sebanyak 52 Perakuan Siap Kerja di PDHT dan 15 Perakuan Siap Kerja di PDS tidak dikeluarkan dan satu Perakuan Siap Kerja di PDS dikeluarkan selepas pembayaran dibuat;
- ix. pembayaran dibuat bagi kerja yang tidak dilaksanakan di tujuh rumah di PDHT dan tiga rumah di PDS; dan
- x. pengubahsuaian sebuah rumah di daerah Hulu Terengganu dibuat tanpa kebenaran PDHT dan UPEN.

Perkara yang ditemui dan maklum balas PDHT dan PDS telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 13 September 2017. Maklumat lanjut berkenaan kelemahan yang dikenal pasti dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut:

### **3.5.1. Prestasi Kewangan Dan Fizikal**

3.5.1.1. Pada setiap tahun, Kerajaan Negeri akan mengagihkan peruntukan kepada pejabat daerah bagi melaksanakan PBR. Kos pembinaan bagi setiap rumah adalah tidak melebihi RM40,000. Bagi tahun sebelum 2016, peruntukan PBR bagi bantuan bina baru diasingkan dengan bantuan baik pulih. Bagaimanapun mulai tahun 2016, peruntukan bagi kedua-dua jenis bantuan digabungkan dan fokus perbelanjaan peruntukan terletak di bawah budi bicara

pegawai daerah. Semakan Audit mendapati penetapan sasaran pembinaan rumah dibuat berdasarkan peruntukan yang diterima setiap tahun. Maklumat lanjut berkenaan peruntukan dan perbelanjaan serta bilangan rumah yang dibina bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 di PDHT dan PDS adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.3**  
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN SERTA**  
**BILANGAN RUMAH PBR BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016**

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS (%)	BILANGAN RUMAH	
				RS	RT
<b>HULU TERENGGANU</b>					
2014	1.20	1.20	100.0	30	0
2015	1.20	1.20	100.0	0	30
2016	1.05	1.05	100.0	26	0
<b>JUMLAH</b>	<b>3.45</b>	<b>3.45</b>	<b>100.0</b>	<b>56</b>	<b>30</b>
<b>SETIU</b>					
2014	0.80	0.32	40.0	9	0
2015	0.80	0.56	70.0	4	10
2016	0.16	0.16	100.0	4	0
<b>JUMLAH</b>	<b>1.76</b>	<b>1.04</b>	<b>59.1</b>	<b>17</b>	<b>10</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>5.21</b>	<b>4.49</b>	<b>86.2</b>	<b>73</b>	<b>40</b>

Sumber: PDHT dan PDS

Nota : RS - Rumah Sesebuah

RT- Rumah Teres

3.5.1.2. Berdasarkan **Jadual 3.3**, analisis Audit mendapati PDHT telah membelanjakan keseluruhan peruntukan yang diterima berjumlah RM3.45 juta bagi membina 56 rumah sesebuah dan 30 rumah teres bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 seperti mana sasaran yang ditetapkan.

3.5.1.3. Manakala didapati PDS hanya membelanjakan sejumlah RM1.04 juta (59.1%) berbanding jumlah peruntukan yang diterima iaitu RM1.76 juta bagi tempoh yang sama. Selain itu, bilangan rumah yang dibina adalah sebanyak 17 rumah sesebuah dan sepuluh rumah teres. Perkara ini berlaku disebabkan PDS tidak menerima cadangan senarai nama penerima bantuan daripada YB ADUN kawasan berkenaan.

**Pada pendapat Audit, prestasi kewangan dan fizikal bagi pelaksanaan PBR oleh PDHT adalah baik kerana 100% peruntukan yang diterima telah dibelanjakan bagi membina 86 rumah PBR dan diagihkan kepada penerima yang dipilih. Manakala prestasi kewangan dan fizikal bagi pelaksanaan PBR oleh PDS adalah tidak memuaskan kerana hanya 59.1% peruntukan yang diterima telah dibelanjakan bagi membina 27 rumah PBR.**

### 3.5.2. Pentadbiran Kontrak

Berdasarkan 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) - PK4, agensi hendaklah memastikan pengurusan dan pentadbiran kontrak bagi perolehan yang diuruskan secara sebut harga diberi perhatian yang serius. Ini adalah bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan melicinkan urusan yang berhubung kait dengan pelaksanaan sesuatu perolehan.

#### 3.5.2.1. Pengurusan Surat Setuju Terima Tidak Mematuhi Peraturan

- a. Surat Setuju Terima (SST) ialah surat yang mengesahkan penerimaan sesuatu tawaran berasaskan syarat yang ditetapkan dalam dokumen sebut harga, syarat yang telah dipersetujui dalam Surat Niat dan apa-apa syarat lain yang telah dipersetujui melalui rundingan sebelumnya. Sehubungan itu, apa-apa syarat yang telah dipersetujui sebelumnya hendaklah dinyatakan dengan jelas dan persetujuan tersebut merupakan sebahagian daripada perjanjian kontrak. SST ialah satu dokumen perundangan yang sah dan merupakan sebahagian daripada dokumen kontrak. Kontraktor perlu mengembalikan salinan asal SST yang telah ditandatangani ke PDHT dan PDS dalam tempoh tujuh hari dari tarikh SST dikeluarkan.
- b. Bagi tempoh dari tahun 2014 hingga 2016, PDHT telah mengeluarkan sebanyak 62 sebut harga kepada kontraktor yang dipilih. Semakan Audit mendapati PDHT telah mengeluarkan SST kepada semua kontraktor yang terlibat. Daripada 62 SST yang dikeluarkan, sebanyak 21 SST (33.9%) dikembalikan dalam tempoh yang ditetapkan manakala baki 41 SST (66.1%) yang dikembalikan tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan sama ada lewat dikembalikan atau tiada tarikh serahan dicatatkan.
- c. Manakala PDS telah mengeluarkan sebanyak dua sebut harga dan 14 pengecualian sebut harga kepada kontraktor yang dipilih bagi tempoh yang sama. Semakan Audit mendapati PDS telah mengeluarkan SST kepada semua kontraktor yang terlibat. Daripada 16 SST yang dikeluarkan, hanya satu SST (6.3%) yang dikembalikan dalam tempoh yang ditetapkan manakala baki 15 SST (93.7%) yang dikembalikan tiada tarikh serahan dicatatkan. Maklumat lanjut berkenaan pengurusan SST di PDHT dan PDS adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.4**  
**PENGURUSAN SURAT SETUJU TERIMA TIDAK MEMATUHI PERATURAN**

TAHUN	SURAT SETUJU TERIMA			JUMLAH
	DALAM TEMPOH	LEWAT DIKEMBALIKAN	TIADA TARIKH SERAHAN	
<b>HULU TERENGGANU</b>				
2014	9	9	12	30
2015	4	1	1	6
2016	8	8	10	26
<b>JUMLAH</b>	<b>21</b>	<b>18</b>	<b>23</b>	<b>62</b>



TAHUN	SURAT SETUJU TERIMA			
	DALAM TEMPOH	LEWAT DIKEMBALIKAN	TIADA TARIKH SERAHAN	JUMLAH
<b>SETIU</b>				
2014	-	-	7	7
2015	1	-	4	5
2016	-	-	4	4
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>	<b>-</b>	<b>15</b>	<b>16</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>22</b>	<b>18</b>	<b>38</b>	<b>78</b>

Sumber: PDHT dan PDS

### 3.5.2.2. Kontrak Formal Tidak Disediakan

- a. Arahan Perbendaharaan 176.1(c) menghendaki kontrak formal disediakan bagi perolehan yang melebihi RM50,000. Manakala bagi perolehan kerja yang tidak melebihi RM50,000, inden kerja memadai dikeluarkan dan perlu disertakan bersama dokumen sebut harga supaya kontraktor jelas mengenai obligasinya seperti mana yang ditetapkan dalam 1PP - PK2.1.
- b. Semakan Audit mendapati tiada perolehan yang melebihi nilai RM50,000 di PDHT dan PDS pada tahun 2014 dan 2016. Bagaimanapun, pada tahun 2015, terdapat sebanyak enam sebut harga di PDHT dan dua sebut harga di PDS yang melebihi nilai RM50,000 namun tiada kontrak formal disediakan sebagaimana kehendak AP 176.1(c). Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.5**  
**PEROLEHAN KERJA MELEBIHI NILAI RM50,000**

BIL.	NO. SEBUT HARGA	KOS PROJEK (RM)
<b>PEJABAT DAERAH HULU TERENGGANU</b>		
1.	26/2015	199,890
2.	27/2015	199,800
3.	28/2015	199,850
4.	29/2015	199,975
5.	30/2015	199,990
6.	31/2015	199,950
<b>JUMLAH</b>		<b>1,199,455</b>
<b>PEJABAT DAERAH SETIU</b>		
1.	04/2015	194,100
2.	08/2015	198,515
<b>JUMLAH</b>		<b>392,615</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>1,592,070</b>

Sumber: PDHT dan PDS

### **Maklum Balas PDHT yang Diterima pada 27 Ogos 2017**

*Setakat ini tiada tindakan yang dikenakan kepada kontraktor yang lewat menyerahkan surat setuju terima. Bagaimanapun, kontraktor diwajibkan untuk menyerahkan surat setuju terima sebelum kerja-kerja tapak dimulakan.*

Pada pendapat Audit, pengendalian pentadbiran kontrak adalah tidak memuaskan kerana kelemahan pegawai dalam memahami kehendak peraturan berkaitan menyebabkan PDHT dan PDS tidak dapat mengambil tindakan terhadap kontraktor sekiranya kontraktor tidak memenuhi obligasinya dari aspek spesifikasi dan tempoh penyiapan kerja.

#### **3.5.3. Prestasi Pelaksanaan Projek**

PBR Bina Baru merupakan projek pembinaan rumah sesebuah dan teres dengan kos sejumlah RM40,000 termasuk deposit air dan elektrik bagi setiap rumah. Keluasan rumah adalah 600 kaki persegi (tidak termasuk anjung) yang mengandungi tiga bilik tidur, bilik air dan tandas. Pelan reka bentuk, spesifikasi dan mekanisme pembinaan rumah sesebuah adalah sama dengan reka bentuk rumah sesebuah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Kali Ke-5 Tahun 2013 bertarikh 30 Januari 2013. Manakala pelaksanaan pembinaan rumah teres bermula pada tahun 2014 adalah berdasarkan pelan daripada Pejabat Daerah Kemaman dan AHS Architects Sdn. Bhd. selaras dengan keputusan MMKN Kali Ke-30 Tahun 2014 bertarikh 17 September 2014. Merujuk Surat Kuasa Pelaksanaan Program Bantuan Rumah Tahun 2014 hingga 2016, sebarang pindaan projek/komponen adalah tidak dibenarkan. Sekiranya perlu, pindaan tersebut hendaklah dikemukakan kepada UPEN terlebih dahulu untuk pertimbangan dan kelulusan.

##### **3.5.3.1. Pengurusan Perolehan Secara Pengecualian Sebut Harga Tidak Mematuhi Peraturan**

- a. Berdasarkan 1PP - PK2, perolehan yang bernilai melebihi RM20,000 hingga RM200,000 hendaklah dilakukan secara sebut harga dan dipelawa di kalangan sekurang-kurangnya lima kontraktor tempatan/daerah Gred G1 yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) mengikut kategori dan pengkhususan yang berkenaan. Sebarang pengecualian sebut harga hendaklah mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, sebanyak 62 perolehan dilaksanakan secara sebut harga di PDHT. Manakala dua sebut

harga dan 14 pengecualian sebut harga dilaksanakan di PDS. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.6  
KAEDAH PEROLEHAN PBR BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016**

TAHUN	BILANGAN SEBUT HARGA	PENGECUALIAN SEBUT HARGA	JUMLAH
<b>HULU TERENGGANU</b>			
2014	30	-	30
2015	6	-	6
2016	26	-	26
<b>JUMLAH</b>	<b>62</b>	<b>-</b>	<b>62</b>
<b>SETIU</b>			
2014	-	7	7
2015	2	3	5
2016	-	4	4
<b>JUMLAH</b>	<b>2</b>	<b>14</b>	<b>16</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>64</b>	<b>14</b>	<b>78</b>

Sumber: PDHT dan PDS

- b. Semakan Audit mendapati kaedah perolehan kerja secara sebut harga bagi 62 projek oleh PDHT dan dua projek oleh PDS telah mematuhi peraturan yang ditetapkan meliputi aspek penawaran sebut harga, penubuhan Jawatankuasa Sebut Harga dan proses penilaian sebut harga. Selain itu, sebanyak 14 perolehan secara pengecualian sebut harga di PDS dibuat atas alasan keperluan mendesak bagi mempercepatkan urusan pembinaan agar dapat dilaksanakan dalam tahun semasa dan bagi mengelakkan musim tengkujuh.
- c. Semakan lanjut mendapati enam (42.9%) pembinaan telah menggunakan peruntukan (no. waran W0000716) bertarikh 17 Mac 2014. Bagaimanapun, pembinaan tidak dibuat dengan segera di mana empat pembinaan (projek satu hingga empat seperti di **Jadual 3.7**) dibuat dalam suku tahun keempat tahun 2014. Ini menunjukkan bahawa permohonan pengecualian sebut harga bagi pembinaan tersebut bukanlah kerana faktor keperluan yang mendesak. Selain itu, ia dibuat tanpa mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu di mana tiga permohonan dibuat selepas tamat tempoh kontrak dan tiga permohonan lagi dibuat dalam tempoh kontrak seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.7  
PERMOHONAN PEROLEHAN SECARA PENGECUALIAN SEBUT HARGA LEWAT DIBUAT**

BIL.	NO.RUJUKAN FAIL	KONTRAKTOR	TEMPOH KONTRAK	PENGECUALIAN SEBUT HARGA			CATATAN
				MOHON	LULUS	SEBAB-SEBAB	
1.	PDS 3/19/105 JLD 3	Wann Maju Chalok Trading	06.11.2014 - 29.11.2014	07.12.2014	07.12.2014	Mempercepatkan urusan dan elakkan musim tengkujuh.	Dimohon selepas tempoh kontrak.
2.	PDS 3/19/105 JLD 4	Dollah Ali Enterprise	06.11.2014 - 29.11.2014	07.12.2014	07.12.2014		
3.	PDS 3/19/105 JLD 3	B.K. Bilal Enterprise	06.11.2014 - 29.11.2014	04.12.2014	07.12.2014		

BIL.	NO.RUJUKAN FAIL	KONTRAKTOR	TEMPOH KONTRAK	PENGECCUALIAN SEBUT HARGA			CATATAN
				MOHON	LULUS	SEBAB-SEBAB	
4.	PDS 3/19/105 JLD 3	Mat Yasin bin Ibrahim	06.11.2014 - 29.11.2014	25.11.2014	27.11.2014		Dimohon dalam tempoh kontrak.
5.	PDS 3/19/104	Koperasi Pesara Felcra Panchor Merah Sdn Bhd	02.04.2014 - 05.05.2014	10.04.2014	13.04.2014	Mempercepatkan urusan pelaksanaan supaya agihan dapat diselesaikan dalam tahun semasa.	
6.	PDS 3/19/104	Kamaruddin bin Deraman	02.04.2014 - 05.05.2014	10.04.2014	13.04.2014		

Sumber: PDS

### 3.5.3.2. Kualiti Kerja Kurang Memuaskan

Kerja-kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan sempurna dan berkualiti mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam dokumen sebut harga. Lawatan Audit mendapati aspek kesempurnaan dan kualiti kerja di sepuluh rumah sesebuah di daerah Hulu Terengganu dan tiga rumah sesebuah di daerah Setiu adalah kurang memuaskan meliputi kerja-kerja cat, kemas longkang, *manhole*, tangki septik dan pembersihan sisa binaan walaupun bayaran kepada kontraktor telah dibuat sepenuhnya. Pihak Audit mendapati perkara ini berlaku antaranya disebabkan kerja dilaksanakan pada akhir tahun (musim tengkujuh) walaupun telah dipantau secara berkala oleh pegawai bertanggungjawab. Bagaimanapun, tindakan susulan telah diambil oleh PDHT dan PDS setelah mendapat teguran Audit. Butiran terperinci adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 3.8**  
**KUALITI KERJA RUMAH PBR KURANG MEMUASKAN**

BIL.	NO. SEBUT HARGA	KONTRAKTOR	HARGA (RM)	PENEMUAN AUDIT					
				1*	2*	3*	4*	5*	6*
<b>HULU TERENGGANU</b>									
1.	PDHT 53/2016	Peris Jaya Enterprise	40,000	/	/			/	
2.	PDHT 51/2016	Yahaya Bin Abdullah	39,950	/		/			
3.	PDHT 69/2016	Abd. Rahman Bin Ismail	40,000	/	/	/	/	/	
4.	PDHT 52/2016	Masmega	39,980	/					
5.	PDHT 28/2016	Gabungan Nibong Bersatu Sdn. Bhd.	39,700	/		/	/	/	
6.	PDHT 27/2016	Z & F Padi Emas Enterprise	39,950	/					
7.	PDHT 25/2016	Zirah Maju Enterprise	39,850	/			/		
8.	PDHT 81/2016	Abdul Ghani Bin Derahman	40,000	/				/	
9.	PDHT 82/2016	Alias Bin Ismail	40,000	/	/	/	/	/	
10.	PDHT 83/2016	Padang Setar Enterprise	39,985		/		/		

BIL.	NO. SEBUT HARGA	KONTRAKTOR	HARGA (RM)	PENEMUAN AUDIT					
				1*	2*	3*	4*	5*	6*
<b>SETIU</b>									
1.	PDS (N) 31/2016	Kasim Bin Ismail	40,000	/	/	/	/		
2.	PDS (N) 26/2016	Mercu Platinum Enterprise	40,000	/			/		/
3.	PDS (N) 24/2016	Zabar Jaya Enterprise	40,000	/	/	/	/	/	/

Sumber: PDHT dan PDS

Nota : \* 1 - Kerja-kerja mengecat, awning dan lubang angin tidak disiapkan dengan sempurna.

- (Gambar 3.1, 3.2 dan 3.6)
- 2 - Kemasan longkang dan konkrit tidak sempurna. (Gambar 3.7 dan 3.8)
- 3 - Kemasan pemasangan saluran paip tidak sempurna. (Gambar 3.3 dan 3.5)
- 4 - *Manhole* dan tangki septik tidak disiapkan sempurna. (Gambar 3.4)
- 5 - Sisa binaan tidak dibersihkan.
- 6 - Tandas bermasalah.

### a. Di Daerah Hulu Terengganu

**GAMBAR 3.1**



Rumah PBR Kg. Machang, Hulu Terengganu  
- Rumah Dicat Tidak Sempurna  
(06.06.2017)

**GAMBAR 3.2**



Rumah PBR Kg. Durian Bador, Hulu Terengganu  
- Awning Dicat Tidak Sempurna  
(14.06.2017)

**GAMBAR 3.3**



Rumah PBR Kg. Sg. Siput, Hulu Terengganu  
- Kemasan Saluran Paip Tidak Sempurna  
(06.06.2017)

**GAMBAR 3.4**




Rumah PBR Kg. Sekayu, Hulu Terengganu  
- Tangki Septik Tidak Disiapkan  
(14.06.2017)

### **Maklum Balas PDHT yang Diterima pada 27 Ogos 2017**

**PDHT telah mengeluarkan surat arahan kepada kontraktor terlibat untuk membuat pembaikan dan telah disiapkan sepenuhnya.**

## b. Di Daerah Setiu

**GAMBAR 3.5**



Rumah PBR Kg. Bukit, Setiu  
- Kemasan Saluran Paip Tidak Sempurna  
(06.07.2017)

**GAMBAR 3.6**




Rumah PBR Kg. Bukit Layat, Setiu  
- Awning Tidak Dicat Dengan Sempurna  
(06.07.2017)

**GAMBAR 3.7**



Rumah PBR Kg. Bukit Layat, Setiu  
- Kemasan Longkang Tidak Sempurna  
(06.07.2017)

**GAMBAR 3.8**



Rumah PBR Kg. Bukit Layat, Setiu  
- Kemasan Konkrit Tidak Sempurna  
(06.07.2017)

### **Maklum Balas PDS yang Diterima pada 28 Ogos 2017**

*PDS telah melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan seperti menyediakan borang pemantauan dan menyerahkan borang aduan kepada pemilik rumah serta mengadakan mesyuarat pelaksanaan projek setiap bulan bagi memastikan status kemajuan projek.*

#### **3.5.3.3. Pembinaan Rumah Sesebuah Tidak Mengikut Pelan Diluluskan**

Semakan Audit mendapati pembinaan sebanyak 25 (96.2%) daripada 26 rumah sesebuah di daerah Hulu Terengganu pada tahun 2016 tidak menggunakan pelan yang diluluskan oleh MMKN. Pihak Audit mendapati perubahan pelan yang digunakan telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal PDHT pada 10 September 2013 yang dipengerusikan oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah. **Bagaimanapun, perubahan penggunaan pelan ini belum dikemukakan untuk kelulusan MMKN.** Perubahan penggunaan pelan adalah bagi menyelesaikan masalah tapak rumah, menambah keceriaan dan keselesaan penghuni rumah serta berdasarkan permintaan daripada pemimpin masyarakat (penghulu). Selain itu, perubahan ini tidak melibatkan pertambahan

kos dan mengikut piawaian ukuran asal (keluasan). Gambar-gambar pelan rumah dan contoh rumah yang dibina mengguna pakai pelan yang diluluskan berbanding pelan yang tidak diluluskan adalah seperti berikut:

**GAMBAR 3.9**




**Fail Pejabat Daerah  
- Pelan Rumah Diluluskan  
(Pandangan Hadapan)**

**GAMBAR 3.10**



**Rumah PBR Kg. Bukit Ara, Hulu Terengganu  
- Binaan Mengikut Pelan Diluluskan  
(Pandangan Hadapan)  
(06.06.2017)**

**GAMBAR 3.11**




**Fail Pejabat Daerah  
- Pelan Rumah Tidak Diluluskan  
(Pandangan Hadapan)**

**GAMBAR 3.12**



**Rumah PBR Kg. Sg. Siput, Hulu Terengganu  
- Binaan Mengikut Pelan Tidak Diluluskan  
(Pandangan Hadapan)  
(06.06.2017)**

**GAMBAR 3.13**




**Fail Pejabat Daerah  
- Pelan Rumah Diluluskan  
(Pandangan Belakang)**

**GAMBAR 3.14**



**Rumah PBR Kg. Rahmat, Setiu  
- Binaan Mengikut Pelan Diluluskan  
(Pandangan Belakang)  
(06.07.2017)**

**GAMBAR 3.15**



**Fail Pejabat Daerah  
- Pelan Rumah Tidak Diluluskan  
(Pandangan Belakang)**

**GAMBAR 3.16**



**Rumah PBR Kg. Bkt. Kolam, Hulu Terengganu  
- Binaan Mengikut Pelan Tidak Diluluskan  
(Pandangan Belakang)  
(06.06.2017)**

#### **3.5.3.4. Rumah Siap Belum Didiami**

Semakan Audit mendapati lima rumah teres di Kg. Banggol, Setiu telah siap dibina pada 3 Disember 2015. Bagaimanapun, dua daripada lima rumah teres tersebut masih belum didiami sehingga lawatan Audit pada 1 Ogos 2017. Semakan lanjut Audit mendapati pengisian rumah tersebut tidak dapat dibuat kerana cadangan nama penerima bantuan dari YB ADUN kawasan berkenaan tidak dimaklumkan kepada PDS. Tempoh kekosongan rumah tersebut daripada tarikh siap sehingga tarikh lawatan Audit adalah selama 20 bulan. Kelewatan pengisian rumah tersebut boleh menyebabkan sebarang kerosakan tidak dapat dikesan dan dibaiki dalam tempoh tanggungan kecacatan. Keadaan rumah tersebut adalah seperti di gambar berikut:



**GAMBAR 3.17**

**Rumah Teres PBR Kg. Banggol, Setiu  
- Dua Rumah Siap Belum Ada Penerima  
(01.08.2017)**

#### **Maklum Balas PDS yang Diterima pada 13 September 2017**

***PDS telah menerima senarai nama peserta daripada YB ADUN kawasan berkenaan bertarikh 15 Ogos 2017 dan mengeluarkan surat tawaran bertarikh 4 September 2017 kepada penerima bantuan terlibat.***

#### **3.5.3.5. Rumah Siap Tidak Diserahkan**

Lawatan Audit pada 6 Jun 2017 dan 16 Jun 2017 mendapati sebanyak empat rumah sesebuah di daerah Hulu Terengganu masih belum dapat diserahkan kepada penerima bantuan walaupun tempoh kecacatan projek telah berakhir.



Antara sebab utama yang dikenal pasti adalah kerana bekalan elektrik ke rumah tersebut masih belum dapat disalurkan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) kerana jarak rumah yang terlalu jauh daripada tiang elektrik TNB sedia ada. Ini menunjukkan tiada perancangan terperinci sebelum binaan dibuat. Kelewatan penyerahan boleh menyebabkan kerosakan rumah setelah diserahkan kepada penerima bantuan tidak dapat dibaiki oleh kontraktor memandangkan tempoh tanggungan kecacatan telah tamat. Keadaan rumah tersebut adalah seperti di gambar berikut:

**GAMBAR 3.18**



Rumah PBR Kg. Bukit Diman, Hulu Terengganu  
- Rumah Siap Tiada Bekalan Elektrik (TNB)  
(06.06.2017)

**GAMBAR 3.19**



Rumah PBR Kg. Peris, Hulu Terengganu  
- Rumah Siap Tiada Bekalan Elektrik (TNB)  
(06.06.2017)

**GAMBAR 3.20**



Rumah PBR Kg. Sekayu, Hulu Terengganu  
- Rumah Siap Tiada Bekalan Elektrik (TNB)  
(14.06.2017)

**GAMBAR 3.21**



Rumah PBR Kg. Sungai Siput, Hulu Terengganu  
- Rumah Siap Tiada Bekalan Elektrik (TNB)  
(06.06.2017)

### **Maklum Balas PDHT yang Diterima pada 27 Ogos 2017**

*Status penyambungan bekalan elektrik ke empat buah rumah terlibat telah disempurnakan pada 23 Ogos 2017. Sebagai langkah penambahbaikan, PDHT telah menghantar permohonan kepada TNB supaya mempercepatkan proses penyambungan bekalan elektrik bagi semua projek pembinaan rumah PBR pada masa akan datang.*

#### **3.5.3.6. Denda Tidak Dikenakan Atas Kelewatan Penyiapan Projek**

- a. Mengikut SST, pihak kontraktor bertanggungjawab menyiapkan projek dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam dokumen sebut harga. Kegagalan kontraktor menyiapkan kerja dalam tempoh masa ditetapkan boleh

menyebabkan denda dikenakan. Kadar denda yang ditetapkan di PDHT adalah sejumlah RM50 sehari berbanding kadar denda di PDS iaitu RM15 sehari. Penetapan kadar denda adalah bergantung kepada budi bicara setiap pegawai daerah.

- c. Semakan Audit mendapati sebanyak 17 projek di daerah Hulu Terengganu dan enam projek di daerah Setiu yang lewat disiapkan tidak dikenakan denda. Pihak Audit mendapati denda tidak dikenakan atas kelewatan penyiapan projek disebabkan kelewatan tersebut berpunca daripada pihak ketiga iaitu Tenaga Nasional Berhad, Syarikat Air Terengganu dan Pertubuhan Keselamatan Sosial. Keadaan ini boleh menyebabkan kontraktor mengambil peluang untuk melengahkan penyiapan kerja kerana tiada tindakan diambil terhadapnya. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.9  
DENDA TIDAK DIKENAKAN ATAS KELEWATAN PENYIAPAN PROJEK**

BIL.	NO.SEBUT HARGA/ RUJ. FAIL	KONTRAKTOR	TARIKH PATUT SIAP	TARIKH SEBENAR SIAP	JUMLAH LEWAT (Hari)	JUMLAH DENDA PATUT DIKENAKAN (RM)
<b>HULU TERENGGANU</b>						
1.	72/2014	Mega Layar Enterprise	24.11.2014	12.01.2015	49	2,450
2.	73/2014	Tuan Razilah Bin Said Mohd	24.11.2014	11.01.2015	48	2,400
3.	74/2014	Muhamad Zaid Bin Mamat	24.11.2014	11.01.2015	48	2,400
4.	75/2014	Karisma Murni Enterprise	24.11.2014	28.12.2014	34	1,700
5.	81/2014	CR Smart Enterprise	24.11.2014	28.12.2014	34	1,700
6.	86/2014	Menerong Jaya Enterprise	24.11.2014	12.01.2015	49	2,450
7.	88/2014	A. Manan Bin A.Rahman	24.11.2014	16.12.2014	22	1,100
8.	24/2016	Haizy Ehsan Enterprise	27.11.2016	08.12.2016	11	550
9.	25/2016	Zirah Maju Enterprise	11.12.2016	21.12.2016	10	500
10.	26/2016	Maz Maju Berkat Enterprise	27.11.2016	21.12.2016	24	1,200
11.	46/2016	Sri Getang Enterprise	27.10.2016	18.12.2016	52	2,600
12.	48/2016	Kembor Pecung Enterprise	11.12.2016	20.12.2016	9	450
13.	50/2016	Irham Construction	05.12.2016	11.12.2016	6	300
14.	51/2016	Yahaya Abdullah	05.12.2016	26.12.2016	21	1,050
15.	52/2016	Masmega	05.12.2016	11.12.2016	6	300
16.	53/2016	Peris Jaya Trading	05.12.2016	22.12.2016	17	850
17.	54/2016	Abd Rahman Ismail	07.11.2016	12.12.2016	35	1,750
<b>JUMLAH</b>						<b>23,750</b>

BIL.	NO.SEBUT HARGA/ RUJ. FAIL	KONTRAKTOR	TARIKH PATUT SIAP	TARIKH SEBENAR SIAP	JUMLAH LEWAT (Hari)	JUMLAH DENDA PATUT DIKENAKAN (RM)
<b>SETIU</b>						
1.	PDS 3/19/104	Koperasi Peserta Felda Panchor Merah Sdn. Bhd.	05.05.2014	14.05.2014	9	135
2.	PDS 3/9/105	Dollah Ali Enterprise	29.11.2014	14.12.2014	15	225
3.	PDS/3/9/105 JLD.4	Chalok Barat Enterprise	29.11.2014	07.01.2015	39	585
4.	PDS/3/9/105 JLD.3	Wann Maju Chalok Trading	29.11.2014	10.12.2014	11	165
5.	PDS/3/9/105 JLD.3	Mat Yasin Bin Ibrahim	29.11.2014	10.12.2014	11	165
6.	PDS/3/9/105 JLD.3	B.K. Bilal Enterprise	29.11.2014	10.12.2014	11	165
<b>JUMLAH</b>						<b>1,440</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>						<b>25,190</b>

Sumber: PDHT dan PDS

- c. Berdasarkan **Jadual 3.9**, mengikut perkiraan Audit jumlah denda yang sepatutnya dikenakan oleh PDHT adalah sejumlah RM23,750 bagi 17 projek terlibat. Tempoh kelewatan penyiapan projek tersebut adalah antara enam hingga 52 hari. Manakala di PDS, terdapat sebanyak enam projek lewat antara sembilan hingga 39 hari dengan denda yang sepatutnya dikenakan berjumlah RM1,440.

### 3.5.3.7. Pengurusan Perakuan Siap Kerja Tidak Mematuhi Peraturan

- a. Berdasarkan 1PP - PK2, pegawai inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan serta sebelum bayaran dibuat kepada kontraktor. Tarikh siap kerja yang dinyatakan dalam perakuan siap kerja adalah merujuk kepada tarikh kerja diakui siap pada inden kerja. Tempoh tanggungan kecacatan bermula selepas Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Maklumat berkaitan pengeluaran Perakuan Siap Kerja di PDHT dan PDS bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.10**  
**PENGELUARAN PERAKUAN SIAP KERJA BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016**

TAHUN	BILANGAN PROJEK	BILANGAN PERAKUAN SIAP KERJA		
		DIKELUARKAN SEBELUM PEMBAYARAN DIBUAT	DIKELUARKAN SELEPAS PEMBAYARAN DIBUAT	TIDAK DIKELUARKAN
<b>HULU TERENGGANU</b>				
2014	30	2	-	28
2015	6	0	-	6
2016	26	8	-	18
<b>JUMLAH</b>	<b>62</b>	<b>10</b>	<b>-</b>	<b>52</b>

TAHUN	BILANGAN PROJEK	BILANGAN PERAKUAN SIAP KERJA		
		DIKELUARKAN SEBELUM PEMBAYARAN DIBUAT	DIKELUARKAN SELEPAS PEMBAYARAN DIBUAT	TIDAK DIKELUARKAN
<b>SETIU</b>				
2014	7	-	-	7
2015	5	-	1	4
2016	4	-	-	4
<b>JUMLAH</b>	<b>16</b>	<b>-</b>	<b>1</b>	<b>15</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>78</b>	<b>10</b>	<b>1</b>	<b>67</b>

Sumber: PDHT dan PDS

- b. Berdasarkan **Jadual 3.10**, semakan Audit terhadap 62 projek di PDHT mendapati sebanyak 52 Perakuan Siap Kerja (83.9%) tidak dikeluarkan dan sebanyak sepuluh Perakuan Siap Kerja dikeluarkan sebelum bayaran dibuat kepada kontraktor. Manakala di PDS, sebanyak 15 Perakuan Siap Kerja (93.8%) tidak dikeluarkan dan satu Perakuan Siap Kerja dikeluarkan selepas bayaran dibuat.
- c. Semakan selanjutnya terhadap empat sijil Perakuan Siap Kerja mendapati tarikh Perakuan Siap Kerja bagi tiga projek di PDHT berbeza dengan tarikh pada inden kerja. Selain itu, terdapat perbezaan di antara tarikh perakuan siap kerja (3 Disember 2015) dengan tarikh bermulanya tempoh tanggungan kecacatan (15 Disember 2015) bagi satu projek (No. Sebut Harga: PDS. (N) 4/2015) di daerah Setiu. Perbezaan tarikh perakuan ini memberi kesan kepada kontraktor yang perlu bertanggungjawab ke atas kerosakan yang berlaku dalam tempoh yang lebih panjang berbanding tempoh tanggungan kecacatan yang sepatutnya berakhir lebih awal. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati kontraktor telah membaiki semua kerosakan yang berlaku dalam tempoh tanggungan kecacatan. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.11**  
**PERBEZAAN TARIKH PERAKUAN SIAP KERJA**

BIL.	NO. SEBUT HARGA	TARIKH PERAKUAN SIAP KERJA		TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN
		INDEN KERJA	PERAKUAN SIAP KERJA	
1.	PDHT 25/2016 (1 Unit)	22.12.2016	21.12.2016	23.12.2016 - 26.05.2017
2.	PDHT 27/2016 (1 Unit)	22.12.2016	20.12.2016	26.12.2016 - 26.05.2017
3.	PDHT 28/2016 (1 Unit)	05.12.2016	29.11.2016	30.11.2016 - 30.05.2017

Sumber: PDHT

### **Maklum Balas PDHT yang Diterima pada 27 Ogos 2017**

*Bagi isu perbezaan tarikh perakuan siap kerja, PDHT telah mengambil tindakan pembetulan terhadap kesilapan tarikh sebagaimana teguran Audit.*

### **Maklum Balas PDS yang Diterima pada 28 Ogos 2017**

*Bagi isu perbezaan tarikh perakuan siap kerja, PDS telah mengambil tindakan pembetulan terhadap kesilapan tarikh sebagaimana teguran Audit.*

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan projek adalah tidak memuaskan kerana kualiti kerja yang tidak memuaskan boleh menimbulkan ketidakselesaan kepada penghuni rumah terlibat. Manakala denda yang tidak dikenakan menyebabkan kontraktor mengambil peluang melengahkan penyiapan kerja. Selain itu, perancangan kaedah perolehan kerja di PDS adalah tidak memuaskan kerana waran peruntukan bagi enam projek diterima pada suku tahun pertama 2014 manakala pelaksanaan kerja bagi empat daripada enam projek tersebut dibuat pada suku tahun keempat tahun yang sama.

#### **3.5.4. Pembayaran Dibuat Bagi Kerja yang Tidak Dilaksanakan**

Mengikut 1PP - PK2, bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Semakan Audit terhadap pembayaran yang dibuat kepada kontraktor mendapati perkara berikut:

##### **3.5.4.1. Di PDHT**

Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, sebanyak 62 bayaran kepada kontraktor telah dibuat sepenuhnya. Bagaimanapun, lawatan Audit ke 13 rumah mendapati kerja-kerja di tujuh (53.8%) rumah **tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi kerja ditetapkan**. Ini menunjukkan bayaran telah dibuat terhadap kerja-kerja yang tidak dilaksanakan. Pihak Audit **tidak dapat menentukan jumlah lebihan bayaran tersebut kerana kos kerja secara terperinci tidak dinyatakan dalam dokumen sebut harga**. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 3.12**  
**PEMBAYARAN BAGI KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN**

BIL.	NO. SEBUT HARGA	KONTRAKTOR	NO.BAUCAR/ TARIKH BAUCAR	KOS (RM)	KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN	LOKASI
1.	25/2016	Zirah Maju Enterprise	V0003585 22.12.2016	39,850	Pemasangan <i>awning</i>	Kampung Teris
2.	27/2016	Z & F Padi Emas Enterprise	V0003586 22.12.2016	39,950	Pemasangan <i>awning</i> dan lubang angin	Kampung Matang
3.	52/2016	Masmega	V0003626 26.12.2016	39,980	Pemasangan <i>awning</i>	Kampung Sungai Siput
4.	54/2016	Abd. Rahman Bin Ismail	V0003624 26.12.2016	40,000	Pemasangan <i>awning</i>	Kampung Menerong
5.	68/2016	CIDDI Enterprise	V0003623 26.12.2016	39,990	Pemasangan <i>awning</i>	Kampung Bukit Ara
6.	69/2016	Abd. Rahman Bin Ismail	V0003622 26.12.2016	40,000	Pemasangan <i>awning</i>	Kampung Machang
7.	82/2016	Alias Bin Ismail	V0003731 29.12.2016	40,000	Pemasangan <i>awning</i>	Kampung Sekayu

Sumber: PDHT

**GAMBAR 3.22**



Rumah PBR Kg. Matang, Hulu Terengganu  
- Lubang Angin Tidak Dibuat  
(14.06.2017)

**GAMBAR 3.23**



Rumah PBR Kg Sungai Siput, Hulu Terengganu  
- *Awning* Bagi Pintu Belakang Tidak Dibekalkan  
(06.06.2017)

**Maklum Balas PDHT yang Diterima pada 27 Ogos 2017**

***PDHT mengakui kesilapan yang dilakukan dalam memastikan kerja dilaksanakan mengikut kehendak spesifikasi yang ditetapkan walaupun pemeriksaan telah dilakukan oleh pegawai bertanggungjawab.***

**3.5.4.2. Di PDS**

Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, sebanyak 16 bayaran kepada kontraktor telah dibuat sepenuhnya. Bagaimanapun, lawatan Audit ke empat rumah mendapati kerja-kerja di tiga (75%) rumah tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi kerja ditetapkan. Ini menunjukkan bayaran telah dibuat terhadap kerja-kerja yang tidak dilaksanakan. Pihak Audit tidak dapat menentukan jumlah lebihan bayaran tersebut kerana kos kerja secara terperinci tidak dinyatakan dalam dokumen sebut harga. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 3.13  
PEMBAYARAN BAGI KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN**

BIL.	NO. SEBUT HARGA	KONTRAKTOR	NO.BAUCAR/ TARIKH BAUCAR	KOS (RM)	KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN	LOKASI
1.	24/2016	Zabar Jaya Enterprise	V0002407 24.12.2017	40,000	- Pemasangan mozek pada kabinet dapur, bilik air dan tandas - <i>Manhole</i>	Kampung Bukit Layat
2.	26/2016	Mercu Platinum Enterprise	V0002228 20.12.2016	40,000	<i>Manhole</i>	Kampung Jelapang
3.	31/2016	Kasim Bin Ismail	V0002395 24.12.2016	40,000	Pemasangan <i>manhole</i> dan <i>awning</i>	Kampung Bukit

Sumber: PDS

**GAMBAR 3.24**



Rumah PBR Kg. Bukit Layat, Setiu  
- Pemasangan Mوزek pada Kabinet Dapur Tidak Dilaksanakan  
(06.07.2017)

**GAMBAR 3.25**



Rumah PBR Kg. Bukit, Setiu  
- *Manhole* Tidak Dilaksanakan  
(06.07.2017)

### **Maklum Balas PDS yang Diterima pada 28 Ogos 2017**

***PDS telah memaklumkan secara lisan kepada kontraktor untuk mengambil tindakan segera terhadap kerja-kerja yang tidak dilaksanakan.***

Pada pendapat Audit, kelemahan pemantauan oleh pegawai yang bertanggungjawab menyebabkan *improper payment* telah berlaku dan merugikan Kerajaan.

### **3.5.5. Pemilihan Penerima Bantuan**

#### **3.5.5.1. Pemilihan Penerima Bantuan Memenuhi Kriteria**

- a. Garis panduan pelaksanaan PBR menghendaki senarai nama penerima PBR yang dikenal pasti mestilah berdaftar dalam senarai eKasih serta berumur 40 tahun ke atas kecuali golongan ibu tunggal dan OKU. Senarai nama penerima yang tiada dalam eKasih perlu mendapat sokongan daripada YB ADUN/EXCO.

#### **i. Di PDHT**

Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, seramai 86 orang telah menerima bantuan rumah di mana seramai 36 orang (41.9%) berdaftar dengan eKasih. Manakala baki penerima seramai 50 orang (58.1%) tidak berdaftar dengan eKasih tetapi telah disahkan oleh Pegawai Daerah berdasarkan sokongan/justifikasi daripada YB ADUN/EXCO. Semakan Audit mendapati seramai 76 orang (88.4%) daripada 86 penerima bantuan berumur 40 tahun ke atas dan lima orang penerima adalah daripada golongan ibu tunggal. Selain itu, baki penerima bantuan seramai lima orang yang berumur kurang 40 tahun (antara 23 hingga 39 tahun) dipilih berdasarkan justifikasi YB ADUN kawasan tersebut, keadaan rumah yang terlalu uzur dan tidak selamat diduduki serta mempunyai ramai tanggungan.

#### **ii. Di PDS**

Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, seramai 25 orang telah menerima bantuan rumah di mana seramai sembilan penerima (36%) berdaftar dengan eKasih. Manakala baki penerima seramai 16 orang (64%) tidak berdaftar dengan eKasih tetapi telah disahkan oleh Pegawai Daerah berdasarkan sokongan daripada YB ADUN/EXCO. Semakan Audit mendapati seramai sepuluh (40%) daripada 25 penerima bantuan berumur 40 tahun ke atas dan dua penerima adalah daripada golongan ibu tunggal. Selain itu, baki penerima bantuan seramai 13 orang yang berumur kurang 40 tahun (antara 23 hingga 39 tahun) dipilih berdasarkan justifikasi YB ADUN kawasan tersebut, keadaan rumah yang terlalu uzur dan tidak selamat diduduki.

#### **3.5.5.2. Pengubahsuaian Rumah Tanpa Kebenaran**

- a. Semasa lawatan Audit ke daerah Hulu Terengganu, pihak Audit mendapati pengubahsuaian sebuah rumah PBR telah dibuat semasa pembinaan dijalankan melibatkan beberapa komponen seperti menggantikan dinding layar jenis konkrit kepada jenis kayu, menambah binaan beranda hadapan rumah dan menambah keluasan garaj bagi pembinaan rumah En. Muhammad Sazali bin Md Yusof di Kg. Kepah, Telemong, Hulu Terengganu. Beliau merupakan penerima PBR dari kategori (bukan peserta eKasih) mendapat sokongan YB ADUN kawasan. Pembinaan rumah tersebut (No. sebut harga PDHT 28/2016) yang dilaksanakan oleh kontraktor Gabungan Nibong Bersatu Sdn. Bhd. telah siap pada 29 November 2016. Kos pengubahsuaian rumah ditanggung oleh penerima bantuan. Semakan lanjut Audit mendapati tiada sebarang permohonan bertulis dibuat kepada PDHT dan UPEN selaku pihak yang berkuasa meluluskan sebarang pindaan komponen projek. Kelayakan penerima bantuan untuk membuat dan menanggung kos pengubahsuaian tambahan menunjukkan kelayakannya



sebagai penerima bantuan boleh diragui. Keadaan rumah yang telah diubah suai semasa pembinaan adalah seperti gambar berikut:



**GAMBAR 3.26**

Rumah PBR Kg. Kepah, Hulu Terengganu  
- Binaan Rumah Mengikut Pelan Tidak Diluluskan  
dan Diubah Suai  
(14.06.2017)

- b. Sebanyak dua (6.7%) daripada 30 rumah teres di daerah Hulu Terengganu telah diubah suai tanpa kebenaran UPEN. Kedua-dua penerima bantuan tersebut merupakan penerima PBR dari kategori (bukan peserta eKasih) mendapat sokongan YB ADUN kawasan seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 3.14**  
**RUMAH TERES PBR DIUBAH SUAI TANPA KEBENARAN**

BIL.	LOKASI	PENERIMA BANTUAN	ITEM DIUBAH SUAI
1.	Batu 23, Kuala Berang	Mohd Fauzi Bin Mohd Noor	Ruang tamu dan dapur di bahagian kiri rumah sedia ada ( <b>Gambar 3.27</b> )
2.	Batu 23, Kuala Berang	Khuzaimah Binti Ariffin	Ruang tamu dan garaj kenderaan ( <b>Gambar 3.28</b> )

Sumber: PDHT

**GAMBAR 3.27**



Rumah Teres Mukim Kuala Berang  
- Tambahan Ruang Tamu dan Dapur  
(14.06.2017)

**GAMBAR 3.28**




Rumah Teres Mukim Kuala Berang  
- Tambahan Ruang Tamu dan Garaj  
(14.06.2017)

Pada pendapat Audit, proses pemilihan penerima bantuan di PDHT dan PDS adalah memuaskan kerana telah dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh UPEN kecuali penilaian kemampuan kewangan seorang penerima bantuan yang boleh dipertikai kerana memiliki kemampuan kewangan untuk menanggung kos pengubahsuaian rumah PBR.

### 3.5.6. Maklum Balas Soal selidik

3.5.6.1. Pihak Audit telah melakukan lawatan ke 52 rumah bagi meninjau keadaan rumah serta menjalankan temu bual dengan penerima bantuan berdasarkan borang soal selidik yang disediakan. Daripada 52 rumah yang dilawati, pihak Audit berjaya menemu bual seramai 30 (57.7%) penghuni kerana kebanyakan penghuni tiada di rumah semasa lawatan dibuat. Analisis Audit terhadap maklum balas soal selidik adalah seperti di carta berikut:



Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Terengganu

3.5.6.2. Berdasarkan **Carta 3.1**, seramai tiga (12.5%) daripada 24 penerima bantuan di daerah Hulu Terengganu tidak berpuas hati dengan kualiti rumah yang dibina kerana terdapat tandas tersumbat, paip air bocor dan pemasangan elektrik yang tidak teratur. Manakala di daerah Setiu, seramai satu (16.7%) daripada enam penerima bantuan tidak berpuas hati dengan kualiti rumah yang dibina kerana terdapat kerja-kerja tidak disiapkan seperti pemasangan cermin tingkap serta pemasangan mozek pada tandas dan kabinet dapur. Bagaimanapun, penerima bantuan di kedua-dua daerah bersetuju 100% bahawa PBR sememangnya dapat mengurangkan beban perbelanjaan mereka.

### 3.6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pelaksanaan Program Bantuan Rumah Bina Baru di daerah Hulu Terengganu dan Setiu adalah kurang memuaskan. Bagi menambah baik keberkesanan PBR dan mengatasi kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan, pihak Audit mengesyorkan agar pihak terlibat mengambil tindakan berikut:

3.6.1. Pejabat Daerah Hulu Terengganu dan Setiu hendaklah memastikan pembinaan rumah mengikut pelan diluluskan dan sebarang perubahan pelan/komponen projek perlu mendapat kelulusan UPEN terlebih dahulu;

3.6.2. Pejabat Daerah Hulu Terengganu dan Setiu hendaklah memastikan pegawai yang bertanggungjawab melakukan pemantauan teliti terhadap projek pembinaan agar dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan, kualiti kerja menepati spesifikasi kerja sebelum bayaran diluluskan kepada kontraktor dan penerima bantuan dapat mendiami rumah dengan kadar segera;

3.6.3. Pejabat Daerah Hulu Terengganu dan Setiu hendaklah memastikan pegawai bertanggungjawab memahami dan mematuhi aspek pentadbiran kontrak agar kepentingan Kerajaan terjamin sekali gus membolehkan matlamat PBR dalam menyediakan rumah yang selesa dan berkualiti serta siap dalam tempoh masa ditetapkan untuk diagihkan kepada penerima bantuan yang memerlukan dapat dicapai; dan

3.6.4. UPEN hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JSD) bagi meningkatkan kawalan dalaman terhadap pelaksanaan PBR oleh semua pejabat daerah sekali gus mengelakkan berlakunya isu kecuaiian dan penyelewengan.

# TERENGGANU INCORPORATED SDN. BHD.

## 4. SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.

### 4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 18 November 1997 berikutan penswastaaan perkhidmatan bekalan air di Negeri Terengganu. SATU merupakan syarikat subsidiari milik penuh Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB). Modal dibenarkan dan berbayar syarikat masing-masing berjumlah RM100 juta dan dipegang sepenuhnya oleh TISB. SATU beroperasi di Bangunan Syarikat Air Terengganu, Jalan Sultan Ismail, Kuala Terengganu.

4.1.2. Mandat SATU adalah membekalkan air bersih bermutu tinggi dan mencukupi bagi memenuhi keperluan pengguna Negeri Terengganu. Operasi teras syarikat adalah berdasarkan empat aktiviti utama iaitu pengambilan air mentah, rawatan air, bekalan dan jualan air bersih. Butiran lanjut adalah seperti huraian berikut:

**JADUAL 4.1  
AKTIVITI UTAMA SATU**

AKTIVITI UTAMA	KETERANGAN AKTIVITI
Pengambilan Air Mentah	Bertanggungjawab mengambil air mentah daripada 14 muka sawk di tujuh daerah Negeri Terengganu.
Rawatan Air	Bertanggungjawab memproses air di 12 loji rawatan air mengikut parameter yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia agar selamat digunakan. Kesemua loji tersebut berupaya untuk mengeluarkan air sebanyak 844.18 juta liter sehari (MLD).
Bekalan Air	Bertanggungjawab membekalkan air ke seluruh Negeri Terengganu. Keperluan air pada tahun 2016 ialah 634.48 MLD.
Jualan Air Bersih	Bertanggungjawab menjual air bersih kepada pengguna di Negeri Terengganu, iaitu merupakan pendapatan utama syarikat.

Sumber: Buku Laporan Pencapaian SATU

4.1.3. Komposisi ahli Lembaga Pengarah SATU terdiri daripada lapan orang Pengarah berstatus bukan eksekutif dan dipengerusikan oleh Menteri Besar Terengganu. Tujuh Lembaga Pengarah yang lain adalah Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Pegawai Undang-undang Negeri, dua Ahli Dewan Undangan Negeri, Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan seorang mantan Ketua Pegawai Eksekutif SATU. Pengurusan syarikat pula diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 500 orang kakitangan yang terdiri daripada 442 orang kakitangan tetap, 36 orang kakitangan kontrak dan 22 orang pekerja sementara. Sebagai sebuah syarikat milik penuh TISB, SATU adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Memorandum dan Artikel Penubuhan (M&A) serta *Standard Operating Procedures (SOP)*.

#### **4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan dan amalan tadbir urus adalah baik serta pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.

#### **4.3. SKOP PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 serta amalan tadbir urus dan pengurusan aktiviti bagi tahun 2014 hingga bulan Julai 2017. Bagi pengurusan aktiviti, dua aktiviti telah dipilih untuk diaudit iaitu pengurusan bekalan air dan pengebilan air. Aktiviti ini dipilih bagi menentukan perkhidmatan bekalan air mencukupi untuk diagihkan kepada pengguna. Manakala pengebilan air melibatkan urusniaga jualan air yang menjadi punca pendapatan kepada syarikat. Pengauditan telah dijalankan di ibu pejabat SATU, Kuala Terengganu.

#### **4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

Penilaian prestasi kewangan dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan SATU bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 yang telah diaudit dan diberi Sijil Tanpa Teguran oleh Tetuan Mohd Ali Abas & Co. Penilaian ini melibatkan empat analisis iaitu analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, analisis trend aset dan liabiliti, analisis nisbah kewangan serta analisis aliran tunai. Bagi pengurusan aktiviti dan amalan tadbir urus, kaedah pengauditan adalah melalui semakan terhadap rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan SATU. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai SATU dijalankan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Selain itu, lawatan Audit juga turut dilakukan ke Loji Rawatan Air Jerangau dan enam buah premis pengguna bersama-sama pegawai SATU. Perkara yang ditemui telah dibincangkan dalam *exit conference* bersama pengurusan SATU, pegawai dari pejabat Setiausaha Negeri dan pegawai TISB pada 21 Ogos 2017.

#### **4.5. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Julai 2017 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan SATU adalah memuaskan. Syarikat mencatatkan keuntungan sebelum cukai pada tahun 2015 dan 2016 masing-masing berjumlah RM7.32 juta dan RM13.58 juta. Dengan ini, kerugian terkumpul telah menurun daripada RM61.70 juta pada tahun 2014 kepada RM42.01 juta pada tahun 2016. Bagaimanapun pengurusan aktiviti kurang cekap dan terdapat amalan tadbir urus SATU yang kurang memuaskan dan perlu diberi perhatian seperti ringkasan berikut:

- i. tiga daripada 12 loji rawatan air tidak mencapai keupayaan reka bentuk;

- ii. pengurusan Air Yang Tidak Berhasil (*Non Revenue Water - NRW*) tidak mencapai sasaran;
- iii. tunggakan hasil air meningkat daripada RM19.57 juta pada tahun 2014 kepada RM20.24 juta pada tahun 2016; dan
- iv. komposisi Lembaga Pengarah adalah tidak selaras dengan perenggan 3.5 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012.

#### 4.5.1. Prestasi Kewangan

4.5.1.1. Analisis terhadap prestasi kewangan SATU bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 telah dilaksanakan berdasarkan kedudukan kewangan syarikat yang merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.2  
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2014, 2015 DAN 2016**

BUTIRAN	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)
Pendapatan	122.91	126.70	130.92
Pendapatan Lain	4.69	7.17	9.83
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>	<b>127.60</b>	<b>133.87</b>	<b>140.75</b>
Perbelanjaan	(132.74)	(126.55)	(127.17)
<b>KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI</b>	<b>(5.14)</b>	<b>7.32</b>	<b>13.58</b>
Cukai/Lebihan Cukai	0.04	(0.26)	(0.95)
<b>KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI</b>	<b>(5.10)</b>	<b>7.06</b>	<b>12.63</b>
<b>KERUGIAN TERKUMPUL</b>	<b>(61.70)</b>	<b>(54.64)</b>	<b>(42.01)</b>
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>92.31</b>	<b>101.57</b>	<b>116.64</b>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>104.01</b>	<b>56.21</b>	<b>58.65</b>
<b>JUMLAH EKUITI</b>	<b>(11.70)</b>	<b>45.36</b>	<b>57.99</b>
<b>JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI</b>	<b>92.31</b>	<b>101.57</b>	<b>116.64</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<b>40.34</b>	<b>55.16</b>	<b>67.36</b>


Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2014, 2015 dan 2016

4.5.1.2. Pendapatan utama SATU adalah melalui jualan air bersih. Pada tahun 2016, pendapatan utama SATU merekodkan peningkatan sejumlah RM4.22 juta (3.3%) berbanding tahun 2015 disumbang oleh jualan air bersih. Peningkatan ini disebabkan pertambahan permintaan bekalan air yang berterusan susulan pertambahan akaun pengguna dan pengeluaran bil yang konsisten. Bagi tempoh tiga tahun, pendapatan utama SATU menunjukkan trend menaik yang ditunjukkan di **Jadual 4.2** dan **Carta 4.1**.

4.5.1.3. Perbelanjaan SATU pula terdiri daripada belanja operasi dan pentadbiran. Adalah didapati perbelanjaan pada tahun 2016 menunjukkan peningkatan berjumlah RM625,987 (0.5%) berbanding tahun 2015 antaranya disumbang oleh peningkatan bayaran bonus kepada kakitangan dan pengarah

serta kos penyenggaraan bangunan. Manakala pada tahun 2015, perbelanjaan syarikat menunjukkan pengurangan berjumlah RM6.19 juta disebabkan kos penyenggaraan mesin, jentera dan bangunan lebih rendah berbanding tahun 2014. Trend perbelanjaan bagi tiga tahun yang berkaitan adalah seperti **Jadual 4.2** dan **Carta 4.1**.

4.5.1.4. Trend pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 telah memberi kesan terhadap keuntungan/kerugian SATU. SATU mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM7.32 juta pada tahun 2015 dan RM13.58 juta pada tahun 2016 berbanding kerugian sebelum cukai berjumlah RM5.14 juta pada tahun 2014. Pada tahun 2016, margin untung bersih mencatatkan peningkatan kepada kadar RM0.09 sen (9.6%) bagi setiap ringgit hasil daripada aktiviti utamanya. Secara keseluruhannya, kedudukan margin keuntungan adalah kurang memuaskan. Kesan keuntungan tahun semasa tersebut menyebabkan kerugian terkumpul menurun daripada RM61.70 juta pada tahun 2014 kepada RM42.01 juta pada tahun 2016. **Jadual 4.2** dan **Carta 4.2** adalah berkaitan.



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2014, 2015 dan 2016

4.5.1.5. Analisis Audit juga mendapati SATU mempunyai sumber yang mencukupi bagi memenuhi obligasi kerana kedudukan aset syarikat melebihi liabiliti bagi tahun 2015 dan 2016 berbanding tahun 2014. Komponen terbesar yang menyumbang kepada aset syarikat ialah aset bukan semasa yang melibatkan item pelbagai penghutang dan simpanan tetap. Jumlah terhutang kepada Kerajaan Negeri dan deposit diterima merupakan komponen terbesar

yang menyumbang kepada liabiliti syarikat. Liabiliti pada tahun 2015 berkurangan sejumlah RM47.8 juta berbanding tahun 2014 berikutan pelarasan kontra hutang Kerajaan Negeri kepada modal saham. Manakala liabiliti meningkat sejumlah RM2.44 juta (4.3%) pada tahun 2016 disebabkan berlakunya peningkatan dalam deposit dan pemiutang sewa beli. Nisbah semasa bagi tahun kewangan 2014 hingga 2016 adalah 0.66:1 (2014), 1.48:1 (2015) dan 1.65:1 (2016). Ini menunjukkan tahap kecairan semakin meningkat dan berada di tahap memuaskan. Bagaimanapun, nisbah hutang menunjukkan nilai hutang adalah lebih besar daripada nilai ekuiti pemegang saham iaitu melebihi 100%. Ini menunjukkan kemampuan syarikat untuk membayar semula kepada pemegang saham adalah rendah dan berada di tahap kurang memuaskan.

4.5.1.6. Analisis Audit telah dijalankan terhadap aliran tunai SATU bagi menilai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasi, pelaburan dan pembiayaan untuk menampung keperluan perbelanjaan syarikat. Pada akhir tahun kewangan 2016, SATU mempunyai tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM67.36 juta dengan peningkatan sejumlah RM12.2 juta (22.1%) berbanding RM55.16 juta pada akhir tahun 2015 disumbang oleh peningkatan hasil jualan air bersih.

**Pada pendapat Audit, berdasarkan analisis kewangan yang dijalankan, secara keseluruhannya prestasi kewangan SATU adalah memuaskan.**

#### **4.5.2. Pengurusan Aktiviti**

SATU berperanan bagi membekalkan air bersih yang selamat dan mencukupi kepada pengguna negeri Terengganu berdasarkan piawaian *Drinking Water Quality Standard* yang dikeluarkan oleh *World Health Organization (WHO)*. Air akan dirawat di loji rawatan air sebelum dibekalkan kepada pengguna. Semakan Audit terhadap dua aktiviti utama SATU iaitu pengurusan bekalan air dan pengebilan air mendapati perkara berikut:

##### **4.5.2.1. Pengurusan Bekalan Air**

###### **a. Keupayaan Loji Rawatan Air**

- i. Berdasarkan klausa 3.2 kepada perjanjian pengkorporatan bekalan air antara Kerajaan Negeri dengan SATU bertarikh 30 Mac 2004, kesemua *landed asset* termasuk loji rawatan air disewa pajak kepada SATU dengan nilai pajakan berjumlah RM30 juta setahun. SATU mempunyai 12 loji rawatan air di seluruh Negeri Terengganu dengan keupayaan pengeluaran air terawat mengikut daerah adalah seperti jadual berikut:



**JADUAL 4.3**  
**PENGELUARAN AIR TERAWAT DAN**  
**KEUPAYAAN REKA BENTUK LOJI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

DAERAH	LOJI RAWATAN AIR	KEUPAYAAN REKA BENTUK LOJI (MLD)	KEUPAYAAN SEMASA LOJI (MLD)	PENGELUARAN AIR TERAWAT (MLD)			BAKI KEUPAYAAN SEMASA (MLD)		
				2014	2015	2016	2014	2015	2016
Kemaman	Bukit Sah	225	171.00	156.41	160.98	162.42	14.59	10.02	8.58
	Cerul	13.64	13.64	9.45	10.33	11.57	4.19	3.31	2.07
Kuala Terengganu	Kepong I	90.00	90.00	65.33	67.86	68.90	24.67	22.14	21.1
	Kepong II	180.00	180.00	147.82	146.97	152.31	32.18	33.03	27.69
	Losong	43.18	43.00	34.39	36.97	38.77	8.61	6.03	4.23
Dungun	Bukit Bauk	63.64	63.40	31.82	29.01	32.76	31.58	34.39	30.64
	Serdang	18.18	18.18	17.17	10.52	14.16	1.01	7.66	4.02
Ketengah	Tepus	11.36	11.36	9.48	9.56	10.29	1.88	1.8	1.07
Hulu Terengganu	Hulu Terengganu	55.00	55.00	38.33	40.89	45.18	16.67	14.11	9.82
	Jerangau	9.60	9.60	5.09	4.84	4.73	4.51	4.76	4.87
Besut	Bukit Bunga	97.31	97.31	51.90	54.59	59.83	45.41	42.72	37.48
Setiu	Sg. Tong	37.27	37.27	30.35	30.77	33.56	6.92	6.5	3.71
<b>JUMLAH</b>		<b>844.18</b>	<b>789.76</b>	<b>597.54</b>	<b>603.29</b>	<b>634.48</b>	<b>192.22</b>	<b>186.47</b>	<b>155.28</b>

Sumber: Laporan Pengeluaran Mengikut Daerah, SATU

- ii. Tiga daripada 12 buah loji iaitu Loji Rawatan Air Bukit Sah, Loji Rawatan Air Losong dan Loji Rawatan Air Bukit Bauk didapati tidak mampu untuk mengeluarkan air terawat mengikut keupayaan reka bentuk. Keupayaan semasa Loji Rawatan Air Bukit Sah, Kemaman hanya sebanyak 171 juta liter sehari (MLD) berbanding keupayaan reka bentuk loji sebanyak 225 MLD. Manakala keupayaan semasa bagi Loji Losong dan Loji Bukit Bauk masing-masing sebanyak 43 MLD dan 63.40 MLD berbanding keupayaan reka bentuk 43.18 MLD dan 63.64 MLD. Ketidakeupayaan ini disebabkan faktor usia dan kesan penggunaan secara berterusan berdasarkan maklumat dalam kertas Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Terengganu Bil. 1478/2015 kali Ke 22 pada 15 Julai 2015.
- iii. Bagi mengatasi keupayaan semasa Loji Rawatan Air Bukit Sah, Kerajaan Negeri bersetuju meluluskan projek menaik taraf sistem bekalan sedia ada (*Refurbishment of Existing*) bagi meningkatkan keupayaan loji semasa daripada 225 MLD kepada 255 MLD. Projek naik taraf ini mengambil kira peningkatan permintaan terhadap keperluan air disebabkan kepesatan pembangunan industri kawasan setempat.
- iv. Berdasarkan Laporan Pengeluaran Air, Loji Rawatan Air Jerangau masih berupaya menampung keperluan semasa penduduk setempat iaitu 4.73 MLD (49.3%) hingga 5.09 MLD (53%) berbanding keupayaan semasa loji iaitu sebanyak 9.60 MLD. Bagaimanapun semakan Audit mendapati 79 kes aduan pengguna terhadap gangguan bekalan air dari Loji Air

Jerangau bagi tahun 2014 hingga Januari 2017. Hasil siasatan oleh SATU mendapati antara punca gangguan ini disebabkan loji menghadapi masalah untuk mengepam air akibat daripada air sungai di muka sauk kering seperti di **Gambar 4.1** dan **Gambar 4.2**. yang berpunca daripada struktur muka sauk berubah setiap kali selepas banjir dengan wujudnya timbunan pasir dan sampah sarap. Keadaan muka sauk bertambah kritikal ketika menghadapi musim kemarau menyebabkan bekalan air kepada pengguna terputus.

**GAMBAR 4.1**



Lokasi: Loji Jerangau  
- Air Sungai Kering di Muka Sauk  
(25.07.2017)

**GAMBAR 4.2**



Lokasi: Loji Jerangau  
- Air Sungai Kering di Muka Sauk  
(25.07.2017)

- v. SATU mengambil inisiatif mendapatkan bekalan air terawat daripada Loji Rawatan Air Kemudi yang diuruskan oleh Bekalan Air KIPC Sdn. Bhd. (BAKIPC) mulai 14 Februari 2017. SATU telah membuat pemasangan paip air berukuran 450mm yang disambungkan kepada paip 750mm sepanjang 8.2 km daripada Kampung Wa, Dungun ke Loji Rawatan Air Jerangau.
- vi. Berdasarkan perjanjian antara SATU dengan BAKIPC bertarikh 14 November 2007, SATU perlu membayar kos sejumlah RM0.20 bagi setiap meter padu ( $m^3$ ) bekalan air yang diambil dari Loji Rawatan Air Kemudi. Sehingga 30 Jun 2017, sejumlah RM158,132 telah dibayar oleh SATU bagi pengambilan air terawat sebanyak  $790,659m^3$  dari BAKIPC seperti mana perjanjian yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati tiada lagi aduan terhadap masalah bekalan air dari penduduk setempat setelah inisiatif ini diambil. Jumlah kos dan isipadu pembelian air dari Loji Rawatan Air Kemudi bagi tempoh 14 Februari hingga 30 Jun 2017 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.4**  
**JUMLAH KOS DAN ISIPADU AIR YANG DIBELI DARIPADA LOJI KEMUDI**

BULAN	ISI PADU AIR YANG DIBELI (M <sup>3</sup> )	KOS (RM)
Februari (bermula 14 Februari 2017)	64,688	12,937.60
Mac	167,965	33,593.00
April	183,662	36,732.40
Mei	195,043	39,008.60
Jun (Sehingga 30 Jun 2017)	179,301	35,860.20
<b>JUMLAH</b>	<b>790,659</b>	<b>158,131.80</b>

Sumber: Laporan Pengeluaran Mengikut Daerah, SATU

### **Maklum Balas SATU yang Diterima pada 20 Julai 2017**

*Loji-loji berkenaan telah dibina sejak bertahun dahulu. Prestasi kecekapan menurun disebabkan faktor masa dan usia loji serta penggunaan yang berterusan bertahun-tahun. Loji Bukit Sah dinaik taraf (refurbishment of existing) untuk memenuhi keperluan masa hadapan di kawasan perindustrian di Telok Kalong dan keperluan domestik yang terus meningkat di daerah Kemaman.*

Pada pendapat Audit, keupayaan loji rawatan air SATU adalah cekap di mana sembilan loji masih berupaya membuat pengeluaran air bagi membekalkan keperluan semasa kepada pengguna di seluruh Negeri Terengganu walaupun ada tiga loji yang beroperasi di bawah kapasiti sebenar.

#### **b. Pengurusan Air Yang Tidak Berhasil (NRW)**

- i. Kehilangan air dalam sistem bekalan air merupakan masalah yang perlu diatasi dengan cekap dan berkesan. Kehilangan air bukan sahaja merupakan pembaziran sumber semulajadi, malah dari segi ekonomi ia adalah satu kerugian kepada syarikat. Bagi memastikan bekalan air bersih disalurkan dengan mencukupi kepada pengguna, SATU menjalankan aktiviti mencegah kehilangan Air Yang Tidak Berhasil [*Non Revenue Water – (NRW)*]. NRW adalah perbezaan antara kuantiti air yang dibekalkan dari loji rawatan air dengan kuantiti air di meter pengguna (air digunakan tetapi tidak mendatangkan hasil/kehilangan air). SATU telah menetapkan sasaran NRW di peringkat negeri sebanyak 29.5% pada tahun 2014 dan 29% masing-masing pada tahun 2015 dan 2016 iaitu lebih rendah berbanding kadar NRW Kebangsaan sebanyak 35%. Semakan Audit mendapati pencapaian NRW dari tahun 2014 hingga 2016 telah mencatatkan penurunan daripada 31.1% pada tahun

2014 kepada 29.9% pada tahun 2016 tetapi masih belum menepati sasaran yang ditetapkan seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.5  
PENCAPAIAN NRW BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

TAHUN	NON REVENUE WATER	
	SASARAN (%)	PENCAPAIAN (%)
2014	29.5	31.1
2015	29.0	30.8
2016	29.0	29.9

Sumber: Laporan Pencapaian Tahunan, SATU

- ii. Selain kadar NRW di peringkat negeri, SATU turut menetapkan kadar NRW yang perlu dicapai di peringkat daerah. Semakan Audit terhadap kedudukan kadar NRW mengikut daerah mendapati Kuala Terengganu, Marang dan Hulu Terengganu tidak mencapai sasaran iaitu antara 35% hingga 47% bagi tahun 2014 hingga 2016. Bagaimanapun, kadar NRW telah menunjukkan trend yang menurun bagi tahun 2014 hingga 2016 berbanding tahun 2013. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.6  
KADAR PENCAPAIAN NRW  
BERBANDING SASARAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

DAERAH	KADAR NRW (%)					
	2014		2015		2016	
	SASARAN	PENCAPAIAN	SASARAN	PENCAPAIAN	SASARAN	PENCAPAIAN
Kuala Terengganu	36.0	34.0	33.0	35.0	33.4	30.5
Marang	44.0	47.0	43.0	44.2	40.6	41.6
Dungun	28.0	28.0	26.0	27.6	26.4	27.1
Kemaman	22.0	26.0	24.0	25.5	24.2	28.7
Setiu	23.0	25.0	23.0	23.8	23.1	25.3
Besut	23.0	27.0	24.5	25.8	23.2	24.7
Ketengah	17.0	16.0	13.0	17.8	15.1	16.5
Hulu Terengganu	28.0	34.0	32.0	34.0	32.4	34.6

Sumber: Laporan Pencapaian Tahunan, SATU

- iii. Semakan Audit mendapati jumlah kehilangan isipadu air bagi tahun 2014 hingga 2016 ialah antara 68,557,353m<sup>3</sup> hingga 69,854,919m<sup>3</sup>. Kos pengeluaran air yang ditanggung oleh SATU kesan daripada kehilangan air (NRW) dari tahun 2014 hingga 2016 adalah berjumlah RM35.93 juta seperti maklumat di jadual berikut:

**JADUAL 4.7**  
**KOS KEHILANGAN AIR BERSIH BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

TAHUN	KOS PENGELUARAN/M <sup>3</sup> (RM)	ISIPADU NRW (M <sup>3</sup> )	JUMLAH KOS PENGELUARAN (RM Juta)
2014	0.15	68,557,353	10.28
2015	0.18	69,854,919	12.57
2016	0.19	68,835,924	13.08
<b>JUMLAH</b>		<b>207,248,196</b>	<b>35.93</b>

Sumber: Laporan Pengeluaran Loji, SATU

Nota: Kos pengeluaran per m<sup>3</sup> bagi tahun 2014 dan 2016 adalah berdasarkan kadar dinyatakan dalam Laporan Pengeluaran Loji SATU

- iv. Laporan Jadual Imbangan yang disediakan oleh SATU kepada Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN) melaporkan kehilangan air terbahagi kepada tiga kategori iaitu kehilangan fizikal, kehilangan komersial dan penggunaan yang tidak dibilkan. Kehilangan fizikal ialah kehilangan air nyata dalam bentuk yang dapat dilihat dan dikesan secara fizikal seperti pecah dan kebocoran pada sesalur utama, agihan dan retikulasi; kebocoran pada paip perhubungan hingga ke meter pelanggan; serta kebocoran dan limpahan kolam/tangki simpanan. Kehilangan komersial pula ialah kehilangan air tidak nyata yang melibatkan penggunaan air yang tidak dapat direkodkan. Manakala penggunaan tidak dibilkan ialah penggunaan bermeter yang tidak dibilkan (contoh: penggunaan oleh surau dan masjid) dan penggunaan tidak bermeter yang tidak dibilkan (contoh: pili bomba dan pencucian tangki air).
- v. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2014 hingga 2016 punca utama kehilangan air terbesar adalah kehilangan fizikal yang mencecah antara 76.3% hingga 82.5% daripada keseluruhan kehilangan air sebanyak 207,248,196m<sup>3</sup>. Maklumat kehilangan air SATU bagi tempoh tiga tahun tersebut mengikut kategori adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.8**  
**KEHILANGAN AIR BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

KATEGORI	2014		2015		2016		CATATAN
	ISIPADU/M <sup>3</sup>	%	ISIPADU/M <sup>3</sup>	%	ISIPADU/M <sup>3</sup>	%	
Kehilangan Fizikal	56,548,574	82.5	56,530,274	81.0	52,548,691	76.3	Kerosakan/kebocoran paip.
Kehilangan Komersial	387,872	0.6	260,901	0.4	3,472,830	5.1	Penggunaan tidak diiktiraf (kecurian air).
	11,039,103	16.0	11,326,640	16.1	11,503,152	16.7	Penggunaan meter tidak tepat/meter rosak.
Penggunaan Tidak Dibilkan	102,621	0.2	975	0.0	2,594	0.0	Penggunaan bermeter tidak dibilkan.
	479,183	0.7	1,736,129	2.5	1,308,657	1.9	Penggunaan tidak bermeter tidak dibilkan.
<b>JUMLAH</b>	<b>68,557,353</b>	<b>100</b>	<b>69,854,919</b>	<b>100</b>	<b>68,835,924</b>	<b>100</b>	

Sumber: Laporan Jadual Imbangan, SATU

- vi. Semakan Audit mendapati punca kehilangan air adalah akibat kerosakan paip pada sesalur utama, agihan, retikulasi, kebocoran pada paip perhubungan hingga ke meter pelanggan, serta kebocoran dan limpahan tangki/kolam simpanan. Bagi tahun 2014 hingga 2016, SATU telah melaksanakan penggantian paip sejumlah 157.65 km. Penggantian ini dibuat berdasarkan peruntukan kewangan yang diterima oleh Kerajaan Negeri. Jumlah panjang paip *Asbestos Cement* (AC) yang masih belum diganti mengikut daerah sehingga bulan Jun 2017 adalah sepanjang 1,463.89 km. Daerah Kuala Terengganu mencatatkan baki paip AC yang terpanjang yang masih belum diganti iaitu sepanjang 494.25 km. Berdasarkan unjuran yang disediakan, kerja-kerja menukar ganti paip AC sepanjang 1,463.89 km dijangka selesai dilakukan selewatnya hingga tahun 2050. Maklumat pengumuran paip AC yang belum diganti mengikut daerah adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.9**  
**PENGUMURAN PAIP AC YANG BELUM DIGANTI SEHINGGA JUN 2017**

DAERAH	10 - 19 TAHUN (KM)	20 - 29 TAHUN (KM)	MELEBIHI 30 TAHUN (KM)	JUMLAH BELUM GANTI (KM)
Kuala Terengganu	3.21	7.16	483.88	494.25
Marang	1.93	2.34	134.44	138.71
Kemaman	13.71	23.48	262.17	299.36
Dungun & Ketengah	4.78	33.46	123.34	161.58
Hulu Terengganu	0.01	7.04	167.40	174.45
Setiu	1.78	33.30	26.59	61.67
Besut	2.79	17.24	113.84	133.87
<b>JUMLAH</b>	<b>28.21</b>	<b>124.02</b>	<b>1,311.66</b>	<b>1,463.89</b>

Sumber: Laporan NRW

- vii. Di samping itu, semakan Audit juga mendapati penggunaan air tanpa kebenaran di daerah Kuala Terengganu mencatatkan penggunaan tertinggi iaitu 3,628,657m<sup>3</sup> bagi tahun 2014 hingga 2016 dengan menunjukkan peningkatan setiap tahun dari 28,502m<sup>3</sup> pada tahun 2014 kepada 3,410,413m<sup>3</sup> pada tahun 2016. Penggunaan tanpa kebenaran ialah kes yang melibatkan kecurian air. Ini dilakukan dengan membuat sambungan haram dari sesalur dan pili bomba untuk kegunaan sendiri. SATU telah mengambil tindakan pemotongan bekalan bagi kes kecurian air dan melaporkan kepada SPAN untuk tindakan perundangan. Berdasarkan Seksyen 147(1) dan 163(1) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, hanya pegawai dari SPAN dibenarkan untuk menjalankan tugas penguatkuasaan termasuk tangkapan atau pendakwaan di mahkamah terhadap pesalah curi air. Penggunaan air tanpa kebenaran mengikut daerah bagi tahun 2014 hingga 2016 berdasarkan laporan SATU adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.10  
PENGGUNAAN AIR TANPA KEBENARAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

DAERAH	ISIPADU (M <sup>3</sup> )			JUMLAH (M <sup>3</sup> )
	2014	2015	2016	
Kuala Terengganu	28,502	189,742	3,410,413	3,628,657
Marang	294,785	2,078	16,835	313,698
Kemaman	17,826	69,081	45,582	132,489
Besut	45,869	0	0	45,869
Dungun	650	0	0	650
Ketengah	240	0	0	240
Hulu Terengganu	0	0	0	0
Setiu	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>387,872</b>	<b>260,901</b>	<b>3,472,830</b>	<b>4,121,603</b>

Sumber: Laporan Pencapaian Tahunan, SATU

viii. Semakan lanjut mendapati penggunaan tanpa kebenaran telah mengalami peningkatan sebanyak 3,084,958m<sup>3</sup> (4.5%) iaitu daripada 387,872m<sup>3</sup> pada tahun 2014 kepada 3,472,830m<sup>3</sup> pada tahun 2016. Akibatnya, SATU mengalami kerugian sejumlah RM764,981 bagi tempoh tersebut. Berdasarkan laporan pencapaian tahunan SATU, antara faktor kehilangan air adalah berpunca daripada penggunaan meter tidak tepat/meter rosak kerana telah melewati jangka hayat ekonomik (berusia lebih dari tujuh tahun), meter tersekat atau rosak akibat kualiti air dan *vandalisme*. Analisis Audit mendapati penggunaan meter tidak tepat/meter rosak mencatatkan peningkatan setiap tahun daripada 16.1% pada tahun 2014 kepada 16.7% pada tahun 2016. Jumlah kos kehilangan air yang disebabkan penggunaan tanpa kebenaran adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.11  
KOS KEHILANGAN AIR AKIBAT PENGGUNAAN TANPA KEBENARAN**

TAHUN	KOS PENGELUARAN/ (M <sup>3</sup> )	ISIPADU (M <sup>3</sup> )	JUMLAH (RM)
2014	0.15	387,872	58,180.80
2015	0.18	260,901	46,962.18
2016	0.19	3,472,830	659,837.70
<b>JUMLAH</b>		<b>4,121,603</b>	<b>764,980.68</b>

Sumber: Laporan Pencapaian Tahunan, SATU

**Maklum Balas SATU yang Diterima pada 20 Julai 2017**

*Sasaran NRW Kebangsaan yang ditetapkan oleh SPAN adalah 35%. Sasaran SATU di peringkat negeri masih lagi terkawal dan terurus iaitu 29.9% berada dalam Kelas 2 Pengkelasan SPAN (25% - 35%). Bagi memastikan kadar NRW diturunkan, kos yang lebih tinggi diperlukan untuk*

*perbelanjaan ke atas paip, penukaran meter dan pengurusan aset air yang semakin berusia. Tarif air yang sedia ada tidak mampu untuk menanggung perbelanjaan modal (capex) melainkan bantuan kewangan daripada pihak Kerajaan.*

Pada pendapat Audit, kecekapan pengurusan NRW perlu dipertingkatkan kerana belum mencapai sasaran yang ditetapkan walaupun telah berada di bawah sasaran NRW Kebangsaan.

#### 4.5.2.2. Pengurusan Pengebilan Air

Pengurusan pengebilan air adalah merupakan satu proses melibatkan aktiviti pengeluaran bil air, memungut hasil, mengemas kini akaun pengguna dan pengurusan tunggakan hasil air. SATU mengeluarkan dua jenis bil iaitu bil normal dan bil anggaran. Bil normal dikeluarkan berdasarkan bacaan sebenar pada meter yang berfungsi secara normal manakala bil anggaran ialah bil yang dikeluarkan berdasarkan purata tiga bulan bacaan meter terdahulu.

##### a. Prestasi Pengeluaran Bil

- i. Jumlah bil air yang dikeluarkan meningkat daripada 3,160,457 pada tahun 2014 kepada 3,404,529 pada tahun 2016. Manakala bil yang tidak dapat dikeluarkan mencatatkan penurunan iaitu sebanyak 91,837 (2.8%) pada tahun 2014 kepada 67,172 (1.9%) pada tahun 2016. Maklumat pengeluaran bil bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.12  
PENGELUARAN BIL BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

TAHUN	BIL SEPATUT DIKELUARKAN (BILANGAN)	BIL DIKELUARKAN		BIL TIDAK DIKELUARKAN	
		BIL NORMAL (BILANGAN)	BIL ANGGARAN (BILANGAN)	(BILANGAN)	(%)
2014	3,252,294	2,980,654	179,803	91,837	2.8
2015	3,347,504	3,198,437	80,490	68,577	2.0
2016	3,471,701	3,303,185	101,344	67,172	1.9
<b>JUMLAH</b>	<b>10,071,499</b>	<b>9,482,276</b>	<b>361,637</b>	<b>227,586</b>	<b>6.7</b>

Sumber: Sistem SATU Water Data Warehouse & i-bisnes SATU

- ii. SATU mengklasifikasikan bil tidak dikeluarkan berdasarkan status akaun iaitu sambungan semula, akaun tukar penghuni, akaun sambungan baru, akaun potong bekalan, akaun tutup ferul dan akaun potong (penguatkuasaan). Bilangan bil yang tidak dikeluarkan dikenal pasti melalui perbezaan jumlah akaun berbanding akaun yang dibaca yang dikemas kini dalam sistem pada akhir bulan. Antara faktor bil tidak



dikeluarkan kerana pemasangan meter baru kurang 14 hari, bacaan tidak dibuat ke atas pemotongan bekalan dan penutupan ferul.

- iii. Manakala bil anggaran dikeluarkan kerana bacaan biasa tidak dapat dibuat disebabkan halangan seperti cuaca buruk, pagar berkunci, meter rosak, meter kotor, masalah haiwan, halangan objek dan lain-lain. Semakan Audit mendapati pengeluaran bil normal meningkat setiap tahun iaitu sebanyak 2,980,654 bagi tahun 2014 kepada 3,303,185 bagi tahun 2016. Manakala pengeluaran bil anggaran menunjukkan penurunan sebanyak 99,313 (55.2%) daripada 179,803 bagi tahun 2014 kepada 80,490 bagi tahun 2015, dan meningkat semula sebanyak 20,854 (25.9%) kepada 101,344 pada tahun 2016 berbanding tahun 2015.
- iv. Lawatan Audit pada 31 Julai 2017 ke enam premis pengguna mendapati punca bil dibaca secara anggaran adalah kerana meter berada dalam pagar berkunci, meter dalam semak, meter yang terhalang oleh objek dan meter rosak. **Gambar 4.3** hingga **Gambar 4.8** adalah berkaitan.

**GAMBAR 4.3**



Lokasi: Jalan Pasir Panjang  
- Meter di dalam Pagar yang Berkunci dan Ada Anjing  
(31.07.2017)

**GAMBAR 4.4**



Lokasi: Jalan Melati, Taman Chendering  
- Meter Berada di dalam Semak  
(31.07.2017)

**GAMBAR 4.5**



Lokasi: Kg. Masjid Haji Kadir, Pasir Panjang  
- Meter Berada di bawah Himpunan Kayu dan Batu-Bata  
(31.07.2017)

**GAMBAR 4.6**



Lokasi: Lot Perpindahan, Tok Adis, Kuala Ibai  
- Meter Terhalang oleh Objek  
(31.07.2017)

**GAMBAR 4.7**

Lokasi: Jalan Dato Amar, Batu Buruk  
- Bacaan Meter Tidak Bergerak  
(31.07.2017)

**GAMBAR 4.8**

Lokasi: Kawasan Industri, Chendering  
- Meter Hilang dan Premis Tidak Berpengeruni  
(31.07.2017)

## b. Tunggakan Bil Air

- i. SATU mengeluarkan bil berdasarkan jenis bacaan meter mengikut tarif yang ditetapkan seperti rumahtangga (kod 10), perdagangan (kod 20), surau/masjid (kod 21), bangunan kerajaan (kod 24), perusahaan (kod 30), kapal dan bot perdagangan (kod 40) dan ladang (kod 50). Semakan Audit mendapati tunggakan hasil air yang paling tinggi bagi tahun 2014 hingga 2016 ialah dari kategori rumahtangga iaitu antara 41.8% hingga 47.2%. Manakala bagi kategori surau/masjid, sejumlah 906 bangunan masjid yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) merupakan pengguna yang tidak dikenakan bayaran penggunaan air. Maklumat tunggakan hasil air berdasarkan tarif bagi tahun 2014 hingga 2016 seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.13**  
**TUNGGAKAN HASIL AIR BERDASARKAN TARIF BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

JENIS BACAAN	KOD TARIF	TAHUN					
		2014 (RM Juta)	%	2015 (RM Juta)	%	2016 (RM Juta)	%
Rumahtangga	10	9.23	47.2	8.81	44.4	8.47	41.8
Perdagangan	20	4.00	20.4	4.35	21.9	4.05	20.0
Surau/Masjid	21	0.07	0.4	0.07	0.4	0.07	0.4
Surau/Masjid (berdaftar dengan JHEAT)	22	0.02	0.1	0.02	0.1	0.00*	-
Bangunan Kerajaan	24	1.21	6.2	0.37	1.9	1.38	6.8
Perusahaan	30	4.84	24.7	5.98	30.1	6.12	30.2
Kapal dan Bot Perdagangan	40	0.14	0.7	0.14	0.7	0.08	0.4
Ladang	50	0.06	0.3	0.11	0.5	0.07	0.4
<b>JUMLAH</b>		<b>19.57</b>	<b>100</b>	<b>19.85</b>	<b>100</b>	<b>20.24</b>	<b>100</b>

Sumber: Laporan Ringkasan Pengumuman (Sistem iwrs1)

Nota: \* 8,735.27

- ii. Laporan Ringkasan Pengumuman bagi tahun 2014 hingga 2016 menunjukkan tunggakan hasil air meningkat setiap tahun iaitu sejumlah RM19.57 juta (2014) kepada RM20.24 juta (2016). Jumlah tunggakan ini

termasuk tunggakan hasil air yang dibawa sejak pengkorporatan Jabatan Bekalan Air berjumlah RM704,329 pada tahun 1999. Semakan Audit mendapati daerah Kemaman mempunyai jumlah tunggakan yang paling tinggi iaitu RM7.46 juta (38.1%) pada 2014, RM8.92 juta (44.9%) pada 2015 dan RM8.85 juta (43.7%) pada tahun 2016. Antara tindakan yang telah diambil oleh SATU ialah mengeluarkan notis peringatan, merampas deposit, membuat pemotongan kekal dan akaun pengguna dibatalkan. Maklumat tunggakan hasil air bagi tahun 2014 hingga 2016 mengikut daerah adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.14**  
**TUNGGAKAN HASIL AIR BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

DAERAH	TAHUN		
	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)
Kemaman	7.46	8.92	8.85
Kuala Terengganu	5.47	5.13	5.11
Besut	1.80	1.53	1.58
Marang	1.28	1.22	1.36
Dungun	1.30	0.98	1.15
Hulu Terengganu	1.19	1.04	1.11
Setiu	0.80	0.79	0.81
Ketengah	0.27	0.24	0.27
<b>JUMLAH</b>	<b>19.57</b>	<b>19.85</b>	<b>20.24</b>

Sumber: Laporan Ringkasan Pengumuran (Sistem iwrs1)

### **Maklum Balas SATU yang Diterima pada 20 Julai 2017**

*Seksyen 89 (2) (a) Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 mengkehendaki pengguna membuat bayaran bil dalam tempoh 30 hari dari tarikh penyerahan bil air. Sekiranya gagal, pemotongan bekalan air boleh dilaksanakan. Pihak SATU sentiasa mematuhi ketetapan ini melainkan kes-kes di mana pemilik akaun tidak dapat dikesan.*

Pada pendapat Audit, pengurusan pengebilan air kurang cekap kerana berlakunya peningkatan terhadap pengeluaran bil anggaran pada tahun 2016 dan tunggakan hasil air turut meningkat.

Secara keseluruhannya, pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti SATU adalah kurang memuaskan kerana sasaran NRW yang ditetapkan di peringkat Negeri Terengganu dan di peringkat daerah tidak dicapai. Selain itu, peningkatan pengeluaran bil anggaran dan tunggakan hasil turut menjejaskan pendapatan syarikat dalam memberikan perkhidmatan yang cekap kepada pengguna di Negeri Terengganu.

### 4.5.3. Tadbir Urus

4.5.3.1. Tadbir urus merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ia merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat dan pengurusan risiko. Tadbir urus yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Tadbir urus yang baik patut diamalkan dengan meluas untuk memaparkan mutu dan integriti tertinggi pemimpin dalam organisasi. Antara amalan terbaik yang boleh diguna pakai adalah *Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG)*, *The Green Book - Enhancing Board Effectiveness* April 2006, Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014, 1PP - WP 7.4 (Pelantikan Lembaga Pengarah BBP Sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Dalam Syarikat Subsidiari) dan panduan tadbir urus daripada *Chartered Institute of Internal Auditors*.

4.5.3.2. Semakan Audit telah dijalankan terhadap amalan tadbir urus SATU dan penemuan Audit terhadap lapan aspek amalan tadbir urus penting adalah seperti berikut:

#### a. Pengerusi

- i. Pada 7 Ogos 2014, Y.A.B. Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman Menteri Besar Terengganu telah dilantik selaku Pengerusi Lembaga Pengarah SATU. Pelantikan beliau sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah dibuat atas kapasiti Menteri Besar melalui surat lantikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri selaras dengan ketetapan dalam perjanjian pengkorporatan Jabatan Bekalan Air Terengganu pada tahun 1999. Bagaimanapun, tiada tempoh masa dinyatakan kerana pelantikannya dibuat berdasarkan kapasiti jawatan yang disandang.
- ii. Semakan Audit terhadap amalan terbaik tadbir urus bagi Pengerusi mendapati tiga daripada empat amalan terbaik ini telah dilaksanakan oleh SATU seperti berikut:
  - Pengerusi tidak mempunyai kuasa eksekutif dan tidak campur tangan dalam urusan operasi harian syarikat. [MCCG 2012 *principle 3, recommendation 3.4 & Green Book* perenggan 1.1.3];
  - Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif adalah dua individu yang berbeza di mana Pengerusi berstatus Pengarah Bukan Eksekutif dan bukan bebas. [MCCG 2012 *principle 3, recommendation 3.4 & Green Book* perenggan 1.1.3]; dan

- Pengerusi tidak menganggotai jawatankuasa lain di peringkat Lembaga Pengarah syarikat.
- iii. Manakala satu amalan tadbir urus yang tidak dilaksanakan adalah tugas dan tanggungjawab Pengerusi tidak dinyatakan secara bertulis kerana penyandang merupakan Menteri yang sudah sedia maklum tentang dasar dan peraturan selaras dengan peruntukan Akta. Ini tidak selaras dengan MCCG 2012 *principle 1, recommendation 1.1, 1.2* dan *Green Book* perenggan 1.1.3 dan 2.1.3 menyatakan tugas dan tanggungjawab Pengerusi hendaklah ditentukan secara bertulis dengan jelas.

#### **b. Lembaga Pengarah**

- i. Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan syarikat beroperasi selaras dengan objektif penubuhannya melalui penyediaan strategi, pelan perniagaan (*business plan*) yang mantap, dan rangka kerja tadbir urus yang berkesan.
- ii. Semakan Audit terhadap amalan terbaik tadbir urus bagi Lembaga Pengarah mendapati tiga daripada sepuluh amalan terbaik ini telah dilaksanakan oleh SATU seperti berikut:
- Komposisi Lembaga Pengarah adalah kurang daripada 10 orang. [*Green Book* perenggan 1.1.1];
  - Ahli Lembaga Pengarah adalah berada dalam komposisi Lembaga Pengarah tidak melebihi 9 tahun bagi mengekalkan status bebas. [MCCG 2012, *principal 3, recommendation 3.2*]; dan
  - Kedatangan Pengarah ke mesyuarat Lembaga Pengarah adalah melebihi 50%. [*Green Book*, perenggan 2.1]
- iii. Manakala keterangan lanjut bagi amalan tadbir urus yang tidak dilaksanakan adalah seperti perenggan berikutnya:
- Pengerusi yang dilantik adalah pengarah bukan bebas dan majoriti keahlian Lembaga Pengarah didapati bukan bebas. **Jadual 4.15 dirujuk.** [MCCG 2012 *principle 3, recommendation 3.5*];
  - Lembaga Pengarah dilantik berdasarkan jawatan penjawat awam dan bukan atas kepakaran dan pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengan perniagaan syarikat. [*Green Book* perenggan 1.1.4]
  - Lembaga Pengarah tidak mewujudkan kod etika rasmi syarikat. [MCCG 2012 *principle 1 recommendation 1.3*];

- Lembaga Pengarah tidak menyatakan dengan jelas peranan dan tanggungjawab ahli dalam melaksanakan tanggungjawab fidusiari (TOR/surat pelantikan). [MCCG 2012 *principle 1 recommendation 1.2*];
- Lembaga Pengarah tidak menyediakan dan meluluskan terma rujukan (TOR) bagi setiap jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat Lembaga Pengarah dengan menyatakan peranan dan tanggungjawab dengan jelas. [*Green Book* perenggan 1.2.2];
- Lembaga Pengarah tidak memastikan ahlinya mempunyai akses kepada program pembelajaran yang berterusan bagi memperkasakan diri dalam pembangunan perniagaan yang dinamik dan kompleks serta mengekalkan penyertaan yang aktif semasa mesyuarat. [MCCG 2012, *principle 4 recommendation 4.2*] dan
- Keputusan perniagaan yang material/signifikan dibuat secara bertulis melalui Resolusi Lembaga Pengarah dan bukan secara perbincangan mesyuarat. [*Handbook* - perenggan 2.5(d)]

**JADUAL 4.15  
AHLI LEMBAGA PENGARAH PADA MEI 2017**

NAMA (Jawatan)	KELAYAKAN/ KEMAHIRAN/ PENGALAMAN	TARIKH LANTIKAN (Bil.Tahun)	STATUS PENGARAH	
			BUKAN EKSEKUTIF (/)/ EKSEKUTIF (X)	BEBAS(/)/ BUKAN BEBAS (X)
Menteri Besar Terengganu (Pengerusi)	Sarjana Sains (UPM) Berpengalaman sebagai exco pendidikan dan menjawat jawatan sebagai pegawai kepada badan-badan agensi negeri.	04.06.2014	/	X
Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu	Sarjana pengurusan Perniagaan (MBA) Oklahoma City university, USA. Berpengalaman sebagai ketua jabatan/agensi di peringkat negeri.	07.04.2015	/	X
Pegawai Kewangan Negeri	Sarjana Muda Ekonomi (Hons), (UKM) Berpengalaman sebagai ketua jabatan/agensi di peringkat negeri.	01.10.2016	/	X
Penasihat Undang- Undang Negeri	Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (UIA) Berpengalaman sebagai pegawai undang-undang	01.03.2014	/	X
Exco Kerajaan Negeri Terengganu	Sarjana Sejarah (UM) Ijazah Sarjana Muda Sejarah KPLI Berpengalaman sebagai pegawai pendidikan	01.03.2014	/	X
Exco Kerajaan Negeri Terengganu	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Awam) University of Middlesex London, United Kingdom. Berpengalaman sebagai jurutera projek dari pengarah agensi negeri.	01.03.2014	/	X
Mantan CEO SATU	Ijazah Sarjana Muda (Kejuruteraan Awam) University of Glasgow Scotland. Berpengalaman luas dalam bidang pengurusan sumber manusia dan pengurusan projek termasuk kejuruteraan bangunan, kejuteraan jalan dan kejuteraan air.	30.09.3014	/	/
Pengarah UPEN	Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (UKM) Berpengalaman sebagai ketua jabatan/agensi di peringkat negeri.	01.10.2016	/	X

Sumber: Fail Setiausaha Syarikat

## **Maklum Balas SATU yang Diterima pada 20 Julai 2017**

***SATU merupakan sebuah syarikat yang menyediakan keperluan asas kepada rakyat Negeri Terengganu. Oleh itu, komposisi ahli lembaga pengarah terdiri daripada sebilangan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu bertujuan untuk menjaga kepentingan sosial rakyat Negeri Terengganu di samping menjaga kestabilan dalam pemerintahan Kerajaan Negeri.***

**Pada pendapat Audit, komposisi Lembaga Pengarah SATU tidak mematuhi perenggan 3.5 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012.**

### **c. Ketua Pegawai Eksekutif**

- i. Berdasarkan amalan terbaik, Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah dilantik oleh pemegang saham/Menteri/agensi yang bertanggungjawab sepertimana disarankan oleh *Handbook* perenggan 3.5 Selain itu, MCCG 2012 *principle* 1, *recommendation* 1.1 dan *Green Book* perenggan 2.1.3 menyatakan tugas dan tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah ditentukan secara bertulis dengan jelas.
- ii. Semakan Audit mendapati surat pelantikan Ir. Haji Ateemin bin Sulong sebagai Ketua Pegawai Eksekutif SATU oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu telah menyatakan dengan jelas syarat perkhidmatannya.

**Pada pendapat Audit, pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif adalah selaras dengan amalan terbaik.**

### **d. Standard Operating Procedures**

- i. Lembaga Pengarah hendaklah memastikan *Standard Operating Procedures* (SOP) merangkumi proses, prosedur dan polisi yang lengkap dan menyeluruh terhadap aspek kewangan dan aktiviti dalam menguruskan syarikat bagi mencapai objektifnya. Semakan semula terhadap SOP perlu dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan dan perubahan dalam operasi syarikat. SOP dan sebarang perubahannya perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah.
- ii. Semakan Audit mendapati SATU ada menyediakan manual/peraturan kerja bagi setiap unit/bahagian. Bagaimanapun, manual tersebut tidak didokumenkan menjadi satu SOP syarikat yang lengkap dan menyeluruh.

Tiada bukti menunjukkan kelulusan Lembaga Pengarah diperolehi bagi SOP sedia ada.

### **Maklum Balas SATU yang Diterima pada 20 Julai 2017**

*Pelaksanaan untuk mengumpul dan menyatukan manual/peraturan kerja setiap unit atau bahagian dalam satu fail telah dilakukan sebagaimana Memo SATU bertarikh 7 Ogos 2017.*

**Pada pendapat Audit, SATU perlu memastikan SOP tersedia dan dijadikan sumber rujukan bagi memastikan pentadbiran syarikat cekap dan teratur.**

#### **e. Pelan Strategik/Rancangan Korporat**

- i. Berdasarkan amalan terbaik MCCG 2012 (*principle 1, recommendation 1.2*) menyarankan antara tugas Lembaga Pengarah adalah meneliti dan meluluskan pelan strategik yang dicadangkan oleh pengurusan syarikat serta memantau pelaksanaannya.
- ii. Semakan Audit mendapati SATU telah menyediakan strategi dan rancangan korporat jangka pendek tahun 2013 hingga 2016 dan jangka panjang tahun 2016 hingga 2020. Strategi dan rancangan korporat ini merangkumi penetapan visi "*To be the leading water supply organisation in the country*" dan misi korporat iaitu "*To provide an adequate and superior quality treated water supply and to continually improve the quality of service to meet our consumer's satisfaction*". Antaranya ialah mengekalkan sembilan teras strategik iaitu kewangan, pembelajaran dan pengajaran, pengurusan, penyelidikan dan inovasi, perkongsian pintar dan perantarabangsaan, pembangunan fizikal serta kemudahan prasarana. Semakan selanjutnya mendapati Rancangan Korporat SATU telah dibentang dalam mesyuarat dan mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. Ringkasan strategi dan rancangan korporat SATU adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.16**  
**RINGKASAN STRATEGI DAN RANCANGAN**  
**KORPORAT SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.**

<b>STRATEGI DAN RANCANGAN KORPORAT</b>	<b>JANGKA PENDEK</b>	<b>JANGKA PANJANG</b>
Tempoh	5 tahun	30 tahun
Tahun	2015 – 2019	2010 - 2039
Tarikh Kelulusan ALP	03 .11.2016	25.10.2010



STRATEGI DAN RANCANGAN KORPORAT	JANGKA PENDEK	JANGKA PANJANG
Perkara	<i>Critical Consideration</i>	<i>Critical Consideration</i>
	<i>Introduction-purpose of plan</i>	<i>Introduction-purpose of plan</i>
	<i>Strategic Alignment-vision and mission</i>	<i>Strategic Alignment-vision and mission</i>
	<i>Operational Plan-risk management, NRW, asset performance</i>	<i>Operational Plan-risk management, NRW, asset performance</i>
	<i>Governance and management-legal framework</i>	<i>Financial Projection –water tariff</i>
	<i>Financial projections</i>	<i>Funding-overall assessment Improvement Plan</i>

Sumber: *Business Plan*

Pada pendapat Audit, SATU telah menyediakan pelan strategik yang baik yang merangkumi perubahan pembangunan operasi, aset, kewangan dan pengurusan risiko aktiviti utamanya. Bagaimanapun, SATU perlu memastikan pelan yang dirangka dilaksanakan dengan baik dan penilaian berterusan dibuat bagi memastikan pencapaian selaras dengan matlamat yang telah ditetapkan.

#### f. Petunjuk Prestasi Utama

- i. Amalan terbaik *Green Book* Bahagian 1 perenggan 3.2 menyarankan Lembaga Pengarah berperanan memantau prestasi dan pencapaian syarikat serta memastikan syarikat diuruskan dengan baik dan berkesan. Kaedah yang paling berkesan adalah dengan mengukur pencapaian dan prestasi syarikat melalui penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI).
- ii. Semakan Audit mendapati KPI ada disediakan bagi menilai prestasi syarikat tahun 2014 hingga 2016. KPI yang disediakan adalah mengikut keperluan unit/jabatan yang merangkumi aspek sumber air, kualiti air dan kuantiti pengeluaran air di loji bagi tujuan mematuhi kehendak Jabatan Alam Sekitar (JAS), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN). Semakan Audit mendapati laporan pencapaian tersebut ada disediakan dan dihantar setiap suku tahun kepada SPAN dengan mengambil kira pencapaian sebanyak lima KPI utama iaitu pencapaian perkhidmatan air, khidmat pelanggan, pencapaian operasi dan ekonomi, pemeliharaan alam sekitar dan kompetensi. Tiga daripada lima KPI yang ditetapkan oleh ketiga-tiga agensi pemantauan berkenaan telah berjaya mencapai sasaran.

Pada pendapat Audit, KPI yang disediakan adalah baik kerana komprehensif merangkumi pelbagai aspek utama dan pencapaian tiga

**daripada lima KPI yang ditetapkan oleh ketiga-tiga agensi pemantauan berkenaan sentiasa diukur dan dipantau melalui laporan setiap suku tahun.**

**g. Jawatankuasa Audit**

- i. Lembaga Pengarah hendaklah mewujudkan Jawatankuasa Audit yang bertanggungjawab menilai dan memberi syor terhadap kualiti kawalan dalaman operasi syarikat kepada Lembaga Pengarah untuk meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan syarikat.
- ii. Semakan Audit terhadap amalan terbaik tadbir urus bagi Jawatankuasa Audit mendapati empat daripada lapan amalan terbaik ini telah dilaksanakan oleh SATU seperti berikut:
  - JKA telah ditubuhkan. [*Green Book* perenggan 1.2.1];
  - Seorang ahli JKA mempunyai kepakaran dalam kewangan atau ahli Institut Akauntan Malaysia. [*Green Book* perenggan 1.2.3];
  - Keanggotaan JKA terdiri daripada tiga ahli di kalangan Lembaga Pengarah atau orang luar yang memiliki kepakaran kewangan. [*Green Book* perenggan 1.2.3]; dan
  - JKA bermesyuarat seperti perancangan yang ditetapkan. [Terma rujukan]
- iii. Manakala keterangan lanjut bagi amalan tadbir urus yang tidak dilaksanakan adalah seperti berikutnya:
  - Pengerusi JKA dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri yang merupakan Pengarah Bukan Bebas. [*Green Book* perenggan 1.2.3 & *MCCG 2017 practice* 8.1];
  - Semua ahli JKA adalah Pengarah Bukan Bebas. [*Green Book* perenggan 1.2.3];
  - Laporan JKA tidak dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Pengarah. [*Green Book Appendix* 3]; dan
  - JKA tidak mengadakan perjumpaan dengan Ketua Audit Dalaman sekurang-kurangnya sekali setahun tanpa kehadiran pengurusan syarikat. [*Chartered Institute of Internal Auditor, What Every Director Should Know – How to get the most from your internal audit*, muka surat 5]

## **Maklum Balas SATU yang Diterima pada 20 Julai 2017**

*Semasa mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Kewangan dan Pelaburan kali 1/2015, mesyuarat bersetuju untuk menggabungkan ketiga-tiga fungsi ini dalam satu mesyuarat. Jawatankuasa yang ada di SATU adalah merupakan satu jawatankuasa kecil Lembaga Pengarah yang khusus untuk membincangkan kertas cadangan perkara-perkara berkenaan kewangan, pelaburan, dan audit. Ketua Audit Dalam akan bertindak sebagai setiausaha ketika membincangkan perkara berkaitan audit dan Ketua Pegawai Eksekutif bertindak sebagai setiausaha apabila berkaitan kewangan dan pelaburan.*

Pada pendapat Audit, pelaksanaan Jawatankuasa Audit SATU tidak memuaskan kerana tidak menepati tujuan pewujudan keperluan jawatankuasa tersebut.

### **h. Audit Dalaman**

- i. Peranan utama Audit Dalaman ialah untuk menilai pematuhan, pengurusan kepada dasar dan prosedur yang ditetapkan. Ia membantu Jawatankuasa Audit dalam menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus.
- ii. Semakan Audit terhadap amalan terbaik tadbir urus bagi Audit Dalaman mendapati kesemua empat amalan terbaik tidak dilaksanakan oleh SATU seperti berikut:
  - Fungsi Audit Dalaman tidak dilaksanakan dan bertanggungjawab terus kepada JKA. [MCCG 2012 *principle 6, recommendation 6.2*];
  - Ketua Audit Dalaman tidak dilantik oleh JKA. [MCCG 2017 *Guidance 10.1*];
  - Terma rujukan Audit Dalaman tidak jelas dan diluluskan oleh JKA. [MCCG 2017 *Guidance 10.1*]; dan
  - Audit Dalaman tidak melaksanakan pengauditan bagi meningkatkan keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalaman dalam syarikat dan seterusnya memastikan tindakan susulan diambil oleh pengurusan terhadap perkara yang dibangkitkan. [MCCG 2012 *principle 6 recommendation 6.2*]

### **Maklum Balas SATU yang Diterima pada 20 Julai 2017**

*Pihak Audit Dalam SATU telah menyediakan manual pengguna untuk rujukan. Audit Dalam telah ditugaskan dan ditempatkan semula sebagaimana edaran carta struktur organisasi Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd, arahan pelaksanaan Ketua Pegawai Eksekutif bertarikh 3 Ogos 2017.*

**Pada pendapat Audit, Audit Dalam SATU tidak memuaskan kerana tidak berperanan sepertimana fungsi utamanya mengikut amalan terbaik MCGG 2012.**

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya amalan tadbir urus SATU adalah kurang memuaskan kerana komposisi Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam adalah tidak selaras dengan ketetapan kod etika tadbir urus.**

#### **4.6. SYOR AUDIT**

Bagi mempertingkatkan prestasi pengurusan syarikat, pihak Audit mengesyorkan SATU mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

- 4.6.1. mengambil langkah proaktif bagi mengutip semula tunggakan air yang tertunggak dan mengurangkan pengeluaran bil anggaran;
- 4.6.2. menetapkan sasaran tahunan penggantian paip lama bagi mengurangkan NRW secara berterusan dan meningkatkan tahap pengeluaran loji bagi mencapai keupayaan reka bentuk loji yang disediakan; dan
- 4.6.3. memastikan komposisi Lembaga Pengarah SATU adalah selaras dengan perenggan 3.5 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012; dan Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan diasingkan mengikut fungsi masing-masing agar dapat berperanan selaras dengan tujuan penubuhan jawatankuasa berkenaan bagi meningkatkan kawalan dalaman dan tadbir urus syarikat.

PENUTUP





# PENUTUP

---

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur Kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjejaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi/Pengurusan Syarikat Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Agensi Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

**Jabatan Audit Negara**

**Putrajaya**

**17 Oktober 2017**



**PNMB**

DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR, 2017  
[www.printnasiona.com.my](http://www.printnasiona.com.my)  
email: [cservice@printnasiona.com.my](mailto:cservice@printnasiona.com.my)  
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773







**JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA**

**No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62518 Putrajaya.**

**| Tel : +603 8889 9000**

**| Faks : +603 8888 9721**